



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 22**                    **Selasa**                    **18 Ogos 2020**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	12)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman	47)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020	(Halaman	48)



**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA  
Selasa, 18 Ogos 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Ahmad Fadhl bin Shaari [Pasir Mas]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah kerajaan akan menaik taraf jalan perhubungan Jeli-Gerik melalui banjaran Titiwangsa yang sudah tidak diselenggarakan begitu lama dan mengalami kerosakan yang sangat teruk di samping garisan putih yang sudah hampir pudar dan tidak kelihatan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laluan yang dimaksudkan adalah laluan FT004 Lebuhraya Timur–Barat di dalam jajahan Jeli, Kelantan iaitu sepanjang 46.50 kilometer yang diselenggara oleh pihak JKR bersama-sama pihak syarikat konsesi yang dilantik. Penyenggaraan jalan persekutuan dilaksanakan oleh pihak syarikat konsesi adalah melibatkan kerja penyenggaraan rutin, kerja penyenggaraan berkala melalui program berkala *pavement* dan berkala bukan *pavement* dan juga kerja kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM955,000 setahun bagi tujuan penyenggaraan rutin dengan perbelanjaan bulanan sekitar RM79,583 sebulan selain peruntukan sejumlah RM4.5 juta bagi penyenggaraan berkala yang merangkumi kerja berkala *pavement* dan berkala bukan *pavement* bagi tahun 2018 hingga 2020.

Pada tahun 2018, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM156 juta di mana agihan peruntukan sebanyak RM900,000 bagi penyenggaraan di bawah program bukan *pavement* iaitu kerja-kerja turapan semula permukaan jalan termasuk mengecat semula jalan yang telah diturap. Peruntukan sebanyak RM655,000 bagi

program penyenggaraan bukan berkala *pavement* iaitu kerja penggantian perabot jalan dan lain-lain kerja berkaitan.

Manakala pada tahun 2019 pula, kementerian ini juga telah memperuntukkan sebanyak RM1.204 juta yang mana agihan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi program penyenggaraan bukan *pavement* iaitu kerja-kerja turapan semula permukaan jalan dan mengecat semula jalan yang telah diturap. Sebanyak RM704,000 bagi program penyenggaraan bukan berkala *pavement* iaitu kerja-kerja penggantian longkang dan juga program rawatan lokasi kerap berlaku kemalangan ataupun *blackspot*, dengan izin.

Bagi tahun ini sehingga bulan Julai 2020, Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak RM1.76 juta yang mana agihan peruntukan adalah sebanyak RM1.7 juta untuk kerja di bawah program bukan *pavement* iaitu kerja-kerja turapan semula permukaan jalan dan mengecat semula jalan yang telah diturap. Peruntukan sebanyak RM60,000 bagi kerja-kerja di bawah program penyenggaraan bukan berkala *pavement* iaitu penggantian perabot jalan.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan tahap keadaan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun dan pelaksanaan kerja penyenggaraan secara berkala adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya jemput soalan tambahan pertama.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Jeli dan Yang Berhormat Gerik yang mengikut semakan saya telah beberapa kali membangkitkan isu ini di Parlimen. Akan tetapi saya mewakili rakyat Kelantan khususnya dan juga mereka yang berada di timur dan utara Semenanjung bertanggungjawab untuk membangkitkan hal ini.

Jika mengikut fakta-fakta yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, sepatutnya isu-isu penyenggaraan jalan ini tidak timbul tetapi realiti berlaku pada hari ini jalan begitu berlubang dan hari ini juga boleh kita tengok bagaimana laluan atau *line* putih, garisan putih hampir tidak kelihatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Jadi, apakah sebenarnya yang berlaku di sebalik peruntukan yang begitu banyak ini? Apakah pelan jangka masa

panjang pihak kementerian untuk melebarkan jalan ini dan di samping itu untuk membuat tar semula keseluruhannya daripada Gerik ke Jeli yang mengikut apa yang disebut Yang Berhormat Menteri tadi ialah sebanyak lebih kurang 40 kilometer? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pasir Mas, sama ada jalan itu akan di baru muka atau *reconstruction* dengan izin, bergantung dengan salah satunya ialah *the traffic study*. Berdasarkan aliran trafik di kawasan ini, ia masih berada dalam tahap 'A'. Maknanya tiada berlaku kesesakan, jalan agak lancar dan sebagainya.

Oleh sebab itu ia tertakluk kepada program yang dikatakan kerja-kerja rutin dan berkala *pavement* yang kita lakukan. Cuma *the reconstruction*, sama ada kita akan buat baru jalan tersebut, *reconstruction* bergantung pula dengan peruntukan. Untuk kawasan sebelah Jeli sahaja, kita sudah anggarkan kalau kita hendak buat baru jalan tersebut sudah pasti ia sudah lama tidak dilaksanakan sebab jalan ini dibina dalam tahun 1970-an. Ia akan memakan belanja yang begitu besar.

#### ■1010

Oleh sebab itu dalam perancangan jangka panjang, apa yang kita hendak kemukakan kepada EPU adalah untuk berbincang bagaimana kita dapat peruntukan yang lebih supaya kita dapat membuat *reconstruction* jalan tersebut supaya ianya dapat dibaru muka dan keadaan jalan yang lebih baik.

Manakala kerja-kerja penyelenggaraan biasa ini berdasarkan peruntukan yang sedia ada. Maknanya, kita tiap-tiap kali, memang ada memberi peruntukan yang saya katakan tadi RM900,000 lebih adalah untuk kerja-kerja rutin, manakala kerja-kerja *pavement* dan bukan *pavement* bergantung dengan peruntukan yang ada.

Kalau kita melihat jalan ini dikatakan jalan terlalu teruk, tidak juga, tetapi ianya masih selamat digunakan. Mungkin keselesaan kurang sikit tapi kita pastikan bahawa lubang-lubang besar memang tidak akan berlaku. Kita akan membuat tampalan dan sebagainya. Itu memang ada peruntukan yang kita laksanakan.

Cuma, yang diharapkan oleh Yang Berhormat untuk membuat baru jalan tersebut, *reconstruction*, ianya bergantung dengan peruntukan yang lebih besar. Sebab, kita memerlukan lebih kurang RM120 juta saja untuk di salah satu tempat, di mana cerun dulu yang agak runtuh dan sebagainya, walaupun keadaan selamat.

Tetapi kalau kita hendak *reconstruct* kawasan itu saja pun sudah makan RM120 juta. Sudah pasti peruntukan adalah satu cabaran. Apatah lagi dalam keadaan kita berdepan dengan ekonomi sekarang ini, dengan COVID-19 dan sebagainya. Kita akan

tetap mengemukakan permohonan ini kepada EPU untuk mendapat peruntukan yang lebih supaya kita boleh membuat baru jalan-jalan tersebut. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini ada ditular tentang kejadian gajah mengamuk di jalan tersebut, area tersebut, merempuh kereta dan sebagainya. Jadi, ini sangat merbahaya kepada lalu lintas. Adakah kerajaan dan kementerian bercadang untuk membuat satu jejantas bagi peluang untuk haiwan-haiwan liar ini melintas macam mana yang dibuat di Port Dickson dan juga di Belgium? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih. Yang Berhormat, untuk kawasan ini, ia agak mencabar. Pertama sekali, kawasannya bergunung-ganang, jalan juga berliku. Apa yang kita laksanakan sekarang ini adalah memberi tanda-tanda ingatan ataupun tanda amaran tempat-tempat yang biasanya menjadi laluan haiwan-haiwan liar di kawasan tersebut. Itu memang kita berikan.

Kalau hendak membuat jambatan, satu, kosnya. Kita tahu bahawa kalau dari segi haiwan liar ini, gajah misalnya, laluannya memang sentiasa melalui kawasan tersebut. Sama ada ianya akan menaikkan— kalau dibuat jambatan, ia akan hendak ikut jambatan atau tidak, itu menjadi cabaran kepada kita. Oleh sebab itu kita perlu bekerja bersama dengan Jabatan PERHILITAN untuk membuat kajian seperti mana kita membuat di *Central Spine Road*, ada laluan haiwan. Memang disediakan di bawah laluan jejambat yang kita bina di mana ada diperuntukkan untuk laluan binatang liar dan sebagainya.

Akan tetapi di kawasan *highway* ini, ianya agak mencabar disebabkan bentuk muka bumi. Ianya mungkin kita boleh mengkaji bersama dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli untuk mengkaji bagaimana ianya boleh dilaksanakan. Akan tetapi, saya rasa pendapat peribadi saya, ianya agak mencabar pada masa ini. Terima kasih.

**2. Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pengguna aplikasi *MySejahtera* dan setakat mana aplikasi tersebut membantu untuk mengawal pandemik COVID-19.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Gopeng bertanya soalan yang disebutkan tadi.

Aplikasi *MySejahtera* dibangunkan oleh kerajaan berdasarkan kepada keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia yang memerlukan kerjasama komuniti untuk membantu mengawal penularan wabak COVID-19. Aplikasi ini dibangunkan melalui kerjasama strategik di antara KKM, MKN di Jabatan Perdana Menteri, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Setakat 16 Ogos 2020, jumlah pengguna berdaftar aplikasi *MySejahtera* adalah seramai 15.1 juta orang.

Aplikasi ini dapat membantu kerajaan mengesan pesakit COVID-19 melalui fungsi penilaian kesihatan sendiri. Pengguna perlu menjawab soalan-soalan berhubung keadaan kesihatan dan maklumat perjalanan mereka sewaktu mula-mula menggunakan aplikasi tersebut mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Pengguna seterusnya perlu mengemas kini keadaan kesihatan dan maklumat perjalanan mereka dari semasa ke semasa untuk mengetahui risiko mereka terhadap COVID-19.

Selain itu, terdapat banyak fungsi lain seperti *hotspot tracker* dan statistik terkini perkhidmatan kesihatan digital dan lain-lain di dalam aplikasi *MySejahtera*.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Gopeng, aplikasi *MySejahtera* juga membantu mengesan kontak rapat bagi pesakit COVID-19 melalui maklumat pengimbasan kod QR premis yang dilakukan oleh pengguna-pengguna *MySejahtera*. Versi *MySejahtera* terkini juga membolehkan pengguna merekodkan tanggungan mereka semasa mengimbas kod QR dan ini dapat memastikan setiap pelanggan di sesebuah premis perniagaan dapat direkodkan.

Setakat 16 Ogos 2020, seramai 322 pesakit COVID-19 iaitu 3.4 peratus dari jumlah 9,200 kes COVID-19 telah berjaya dikesan melalui aplikasi *MySejahtera*. Bagi tujuan pengesahan kontak pula, pencarian kontak secara cepat dapat dilakukan melalui *MySejahtera* dan jumlah kontak yang dikesan adalah bergantung kepada kes COVID-19.

Ini membuktikan bahawa aplikasi ini dapat membantu kerajaan dalam mengawal penularan wabak COVID-19 melalui peranan yang sama-sama dimainkan oleh kita semua. Justeru, saya mengambil kesempatan pagi ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat dan pemilik premis perniagaan yang telah menggunakan aplikasi *MySejahtera* dan berharap aplikasi ini dapat diperluaskan bagi penggunaannya oleh semua pihak dengan semangat kita jaga kita. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tersebut. Tahniah saya ucapkan kepada kementerian untuk membangunkan *MySejahtera* dan juga Kerajaan Negeri Selangor dengan membangunkan *SELangkah* dan pasti aplikasi tersebut membantu untuk pengesanan kontak bukan secara lapisan pertama tetapi lapisan seterusnya kontak rapat kepada kontak berterusan.

Soalan saya, apakah kekangan yang dihadapi semasa pelaksanaan? Ini kerana sehingga kini, kita masih dapat banyak premis yang guna pen dan kertas untuk catatan di mana rekodnya adalah diragui.

Kedua, kita juga lihat masih ada jangkitan generasi ketiga khususnya di kluster Sivaganga dan di kluster Tawar di Kedah di mana jangkitan juga berlaku di sebuah sekolah di Kulim di mana seorang guru dan tiga orang murid telah dijangkiti oleh virus. Jadi, apakah kekangan yang dihadapi oleh kementerian dan kerajaan? Sekian.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, *MySejahtera* antara usaha-usaha kita untuk menggalakkan satu budaya baharu dan kita sedang membangunkan dan menyedarkan seluruh masyarakat betapa pentingnya bekerjasama dengan kerajaan. Kita dalam peringkat membangunkan usaha ini.

Antara lain, kita akan cuba mewajibkan, contoh, premis-premis tertentu untuk menggunakan *MySejahtera* dan tidak lagi menggunakan secara manual mengisi borang dan sebagainya. Kalau kita memberi *empowerment* kepada mereka ini, dengan kerjasama mereka— contoh, kalau seseorang hendak masuk premis, hari ini dia ada dua opsyen. Satu, mengisi borang. Satu lagi, *MySejahtera*. Kita sedang mengkaji dan berbincang dengan Majlis Keselamatan Negara dan juga dengan *the AG office*, sama ada kita boleh *enforce this as a law*.

Jadi kalau kita lihat, kita lebih mahu menggalakkan supaya premis ini apabila mendaftar untuk dibuka untuk ada kaedah *MySejahtera*. Untuk membenarkan sesiapa sahaja yang masuk ke situ tidak perlu mengisi borang tetapi menggunakan *MySejahtera application*. Tapi kita tidak menidakkannya penggunaan borang. Jadi, ini adalah proses membangunkan budaya baharu, seperti yang kita tahu, kita sedang membawa pelbagai kaedah untuk memastikan apa saja bentuk pemudah cara yang kita boleh bawa kepada komuniti untuk bekerjasama dengan kerajaan untuk membantu menular COVID-19.

■1020

Dari segi kluster Sivaganga, saya tidak ada data yang tepat. Saya akan jawab secara bertulis, jika perlu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan kedua, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Saya sebenarnya ada dua soalan. Sebenarnya bagi saya, halangan yang terbesar adalah disebabkan kerisauan tentang data sekuriti tersebut.

Jadi, soalan saya adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu polisi atau undang-undang mungkin selepas pandemik ini habis, data-data yang dikumpulkan tersebut akan *delete* atau *remove* kerana banyak rakyat yang bimbang data-data disimpan dan disalahgunakan oleh beberapa pihak mahupun kerajaan. Itu soalan pertama, soalan kedua, soalan pertama la, soalan kedua lebih kepada Kementerian Kesihatan. Jadi, sila Yang Berhormat Menteri menjawab soalan pertama. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Benarkan saya menjawab soalan nombor dua ini. Kalau kita lihat hari-hari ini, apa sahaja aplikasi yang melibatkan penggunaan data, kita membuat selalunya menyebut tentang PDPA ataupun *data protection* dan itu nampaknya menjadi satu kekangan untuk kita lebih mahu menggunakan data.

Akan tetapi kita kena ingat kita ada undang-undang *Personnel Data Protection Act*. Sesiapa sahaja yang mengambil maklumat peribadi dan mengeluarkan maklumat itu dia *subject to law*, dia tertakluk kepada undang-undang. Ini yang penting, jadi kalau kita terus menggunakan *excuse* oleh kerana PDPA, kita tidak mahu menggunakan kaedah kongsi data maka perkembangan atau pembangunan apa segala bentuk akan terkekang.

Contohnya *MySejahtera*, kita ada maklumat. Ini adalah dibendung dengan adanya PDPA. Seseorang yang mengeluarkan maklumat-maklumat peribadi contohnya, *are subject to law*. Ini adalah pemeriksaan kita sendiri dari sudut sekuriti dan sebagainya untuk memastikan maklumat peribadi tidak dikongsi ramai secara berleluasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh saya tambah sedikit? Satu kebimbangan adalah seperti kita lihat semalam di mana rahsia *military* kita didedahkan kepada laman web di *Singapore*, ada satu laporan. Jadi, ini satu kebimbangan yang benar-benar wujud, jadi kita kena haruslah mengambil perhatian. Terima kasih.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini kita ambil maklum. Saya sebutkan tadi, kita akan terus membangunkan

keupayaan kita dari sudut membendung ketirisan ataupun maklumat yang keluar daripada yang sepatutnya dibendung. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekarang ini saya menjemput Yang Berhormat Kemaman.

**3. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]** minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan secara terperinci tentang angka, pelan dan rancangan kajian rintis pembangunan Wakaf Infrastruktur Air di negara ini.

**Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan menjawab soalan ini dengan memetik satu ayat daripada Surah Al-Baqarah ayat 254 [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Wahai orang yang beriman, nafkahkanlah apa yang telah Allah rezekikan kepada kamu*”.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa Kementerian Alam Sekitar dan Air komited untuk memastikan rakyat sentiasa mempunyai akses kepada bekalan air bersih. Komitmen kita dengan menyediakan projek-projek bekalan air sama ada melalui kaedah pinjaman mahupun geran. Namun begitu, penyediaan peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar perlu terus diberi perhatian untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang terangkum dapat direalisasikan demi kesejahteraan bersama.

Sehubungan dengan itu, perbincangan dan kerjasama di antara KASA dan KPLB sentiasa diwujudkan bagi memastikan bekalan air bersih dapat disalurkan kepada rakyat seluruhnya. Sebagai alternatif, model pembiayaan projek bekalan air sedia ada, KASA telah pun memulakan usaha mewujudkan Tabung Wakaf Air Nasional atau ringkasnya Wakaf Air.

Untuk makluman semua, wakaf air ialah suatu konsep pembiayaan yang daripada pendanaan awam yang bertujuan bagi mewujudkan akses rakyat luar bandar kepada sumber pembiayaan bekalan air yang mudah dan cepat serta mampan. Wakaf air yang diwujudkan ini mempunyai beberapa ciri utama:

- (i) kita menerima sumbangan dalam bentuk tunai daripada individu atau syarikat dengan niat untuk wakaf air melalui akaun yang dikhaskan untuk wakaf air;
- (ii) menguruskan sumbangan dana berdasarkan ruang lingkup perbelanjaan yang ditetapkan melalui kaedah yang sistematik, telus dan berintegriti serta berorientasikan keperluan pengguna; dan

- (iii) membiayai pelaksanaan projek infrastruktur bekalan air bersekala kecil yang dianggarkan tidak melebihi sebanyak RM50,000. Contohnya projek penggalian perigi, pembelian peralatan seperti pam, penyelenggaraan, pemasangan paip, sambungan ke rumah termasuk juga penyediaan *mini dam* dan tangki-tangki simpanan supaya memastikan penduduk mendapat bekalan air, walaupun di musim kemarau.

Untuk makluman semua, kita kini berhadapan dengan suatu masalah iaitu di mana penerokaan hutan-hutan menyebabkan sumber air bukit semakin berkurangan pada musim kemarau. Lantaran itu, Wakaf Air merupakan salah satu di antara alternatif bagi menyelesaikan masalah tersebut.

KASA sedang dalam proses untuk memuktamadkan model takbir urus Wakaf Air dengan melakukan kerjasama dengan Yayasan Wakaf Malaysia. Sebagai langkah bagi merealisasikan penubuhan wakaf air, rangkaian pelan tindakan berikut sedang dilaksanakan bagi pihak kementerian:

- (i) menubuhkan satu *taskforce* penubuhan Tabung Wakaf Air Nasional bagi meneliti konsep dan mencadangkan struktur tadbir urus yang efektif, berkesan dan selaras dengan peraturan serta undang-undang yang berkuat kuasa;
- (ii) membangunkan struktur tadbir urus dan mekanisme pelaksanaan wakaf air; dan
- (iii) pelaksanaan pelan komunikasi bagi mempromosikan Wakaf Air kepada orang awam.

Kita menjangkakan projek ini akan kita lancarkan pada bulan September dan projek pertama akan kita mulakan *insya-Allah* dalam bulan Disember pada tahun ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan yang pertama.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah atas inisiatif yang besar yang diambil oleh pihak kementerian bagi membangunkan Wakaf Air di negara ini.

Saya berpandangan selain daripada mengukuhkan industri air negara, ia juga merupakan satu langkah baik bagi mengetengahkan instrumen wakaf yang menjadi teras kepada ekonomi Islam. Soalan saya, sejauh manakah rancangan KASA untuk mempelawa penglibatan sektor swasta di bawah *corporate social responsibility* (CSR)

dalam projek Wakaf Air ini dan dalam masa yang sama bagaimanakah KASA akan memastikan agihan Wakaf Air ini nanti dapat dilaksanakan secara telus dan sampai kepada sasaran yang ditetapkan oleh pihak kementerian? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Untuk makluman, kita menyedari bahawa wakaf ini salah satu di antara instrumen penting dalam membangunkan ekonomi rakyat dan penglibatan orang awam. Lantaran itu, kita telah pun mengadakan perbincangan awal dengan Yayasan Wakaf Malaysia bagi memastikan penglibatan dan sumbangan daripada pelbagai pihak, termasuklah agensi-agensi swasta.

Untuk makluman, di antara mekanisme yang kita sedang susun ialah supaya mereka yang wakaf dalam bentuk CSR kepada Yayasan Wakaf Air Negara juga diberi beberapa pelepasan cukai sebagaimana yang telah pun ada di bawah Yayasan Wakaf Malaysia. Kita jangka dengan cara ini ia akan menggalakkan masyarakat turut menyumbang dan manfaatnya dapat kita gunakan kepada semua pihak, sama ada orang Islam ataupun masyarakat bukan Islam.

Untuk memastikan bahawa agihan dapat dilaksanakan dengan cara teratur dan sampai kepada kumpulan sasar, kita melaksanakan beberapa kaedah dalam penyusunan jawatankuasa teknikal penilaian dan agihan yang kita wujudkan bagi memastikan semua permohonan dapat kita proses dan satu penelitian sebuah jawatankuasa dibuat bagi memastikan permohonan tersebut bertepatan dengan kerangka Wakaf Air Negara.

Di samping itu, kita juga telah pun dalam melakukan perbincangan dengan Yayasan Wakaf Malaysia supaya setiap sumbangan dapat kita *highlight* kepada orang awam dan mereka tahu di mana sumbangan wakaf tersebut disalurkan dan berapa kos setiap projek yang dibuat. Dengan cara ini kita yakin dia akan menggalakkan orang ramai untuk turut menyumbang di samping kita telus dalam semua projek sumbangan wakaf ini dengan cara yang teratur dan tersusun. Kita yakin dengan cara ini kita akan memastikan ia berjalan mengikut peraturan dan lunas undang-undang yang sedia ada. Terima kasih.

**■1030**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan kedua Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian

atas inisiatif Wakaf Air ini yang sangat baik untuk penduduk di Malaysia yang bermasalah dengan bekalan air bersih khususnya di kawasan luar bandar.

Soalan saya ialah sejauh mana Wakaf Air ini boleh diambil bahagian oleh orang-orang bukan Islam sama ada sebagai penyumbang mahupun sebagai penerima manfaat. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya maklum bahawa sebenarnya kita menggalakkan semua pihak untuk menyumbang kepada dana wakaf. Walaupun kaedah wakaf ini ialah bagi orang Islam tetapi kita menggalakkan juga orang bukan Islam untuk menyumbang. Di waktu yang sama, sumbangan atau manfaat daripada tabung wakaf ini akan kita gunakan kepada seluruh masyarakat tidak kira Islam atau bukan Islam dan kita letakkan tumpuan utama ialah di kawasan-kawasan luar bandar yang mereka payah untuk mendapatkan air bersih yang terawat.

Walau bagaimanapun, melalui NAHRIM dan beberapa buah agensi di bawah kementerian dan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan sebagainya, kita akan pastikan bahawa air tersebut adalah air yang selamat untuk diminum dan diguna oleh penduduk. Kita alu-alukan penyertaan daripada pelbagai pihak bila kami lancarkan pada bulan September nanti dan *insya-Allah* mudah-mudahan ia menjadi suatu inisiatif yang baik.

Suka saya maklum sedikit dalam Dewan yang mulia ini bahawa sejarah Wakaf Air ini bermula dari zaman Rasulullah SAW bila Sayidina Uthman bin Affan mewakafkan satu telaga yang dapat dimanfaatkan oleh semua penduduk yang ada di Madinah pada waktu itu. Zaman Kerajaan Uthmaniyyah, dana wakaf ini telah pun berjaya membangunkan sistem pendidikan, perumahan, kesihatan, keagamaan dan sosial. Ia menjadi salah satu instrumen penting bagi membantu supaya mengurangkan kebergantungan dana daripada pihak kerajaan semata-mata. Terima kasih.

**[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah kementerian untuk memastikan pelajar di luar bandar dan golongan pelajar B40 mempunyai akses kepada peralatan pembelajaran yang setara dengan pelajar di bandar seperti pemilikan komputer riba, tablet dan mesin pencetak dan adakah kajian telah dijalankan mengenai permasalahan pembelajaran dari rumah semasa pandemik COVID-19 akibat tiada peralatan IT bagi pembelajaran di rumah.

**Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjalankan kajian kesediaan murid dalam pembelajaran secara dalam talian pada 28 Mac sehingga 2 April 2020. Dapatan kajian menunjukkan enam peratus murid memiliki komputer peribadi, 9.3 peratus murid memiliki komputer riba, 5.8 peratus murid memiliki tablet dan 46.5 peratus murid memiliki telefon pintar. Di samping itu, terdapat juga murid yang memiliki lebih daripada satu peranti bagi kegunaan pembelajaran secara dalam talian.

Namun, dalam masa yang sama masih terdapat 36.9 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan berkesan kerana tidak memiliki peranti yang bersesuaian. Di samping itu, terdapat jugakekangan dalam akses kepada internet. Keadaan ini menyebabkan pembelajaran tidak dapat berlaku secara menyeluruh dan seragam kepada semua murid.

Walau bagaimanapun, apabila semua sekolah telah dibuka sepenuhnya pada 3 Ogos 2020, semua murid telah dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka. Bagi sekolah-sekolah yang melaksanakan model pembukaan sekolah secara penggiliran, *home-based learning* masih dilaksanakan bagi memastikan semua murid dapat mengikuti pembelajaran. Pelaksanaan kaedah ini merupakan kesinambungan daripada pengajaran dan pembelajaran dalam kelas iaitu guru memberi tugas secara berstruktur.

Selain daripada itu, KPM juga sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran secara seragam, termasuk juga murid di kawasan luar bandar dan pedalaman serta kumpulan murid B40. Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, *home-based learning* turut dilaksanakan melalui

siaran TV pendidikan, rancangan radio pendidikan dan serahan bahan pembelajaran kepada murid.

Secara keseluruhan, KPM menyedari bahawa terdapat kelemahan dalam pelaksanaan *home-based learning* yang menyebabkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian agak terhad berbanding kaedah secara bersemuka. Oleh demikian, antara perkara utama yang dilaksanakan apabila sekolah dibuka semula ialah guru menilai tahap penguasaan murid. Seterusnya, guru mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan murid sekurang-kurangnya mencapai tahap penguasaan minimum dalam setiap mata pelajaran yang diikuti.

KPM akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan kaedah *home-based learning* dari semasa ke semasa. Buat masa ini, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital termasuk pelaksanaan *home-based learning*. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan pertama.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan dan juga terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas kajian yang telah dilaksanakan.

Persoalan yang timbul adalah semenjak pandemik COVID-19 ini, kita dapat lihat bahawa sesi persekolahan sangat banyak melibatkan fungsi digital. Saya juga dapat melihat berkenaan isu jurang digital dan juga kemiskinan digital (*digital poverty*) di kalangan masyarakat terutamanya di kawasan luar bandar.

Saya ingin mengajukan soalan tambahan berkaitan, adakah kerajaan akan mencadangkan atau mewujudkan satu skim pinjaman khusus bagi golongan B40 ataupun pelajar luar bandar bagi membekalkan peralatan ICT bagi membolehkan pelajar-pelajar menjalankan pembelajaran? Apakah langkah-langkah kerajaan untuk mewujudkan satu pelan komprehensif bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia bagi mewujudkan talian-talian telekomunikasi bagi pembangunan-pembangunan sekolah daif di Sabah dan juga Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Mah Hang Soon:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sibuti yang begitu prihatin tentang hal ini. Tuan Yang di-Pertua, di antara usaha yang telah dilakukan oleh KPM untuk menambah baik ekosistem pelaksanaan pendidikan digital termasuklah:

- (i) KPM dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah memasukkan inisiatif bagi menambah baik pelaksanaan pendidikan digital dalam kajian IR 4.0 dan Pelan Pembangunan Ekonomi Digital;
- (ii) KPM sedang menggubal model pelaksanaan *home-based learning* sebagai panduan kepada guru-guru;
- (iii) KPM bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk menambah waktu siaran rancangan TV pendidikan; dan
- (iv) KPM sedang membimbing guru dalam memperkasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pelbagai aplikasi yang terkini.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan kedua, saya menjemput Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah pelajar luar bandar bukan sahaja soal peralatan tetapi juga soal kualiti *connectivity*.

Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah kepada Dewan dimaklumkan status kontrak YTL yang merangkumi BestariNet, Frog VLE dan juga menara-menara pencawang. Apakah status sekarang, diteruskan ataupun tidak?

Kedua, status pencawang milik YTL di sekolah-sekolah milik KPM. Apakah terma-terma telah disemak semula kerana terma yang ada jelas menguntungkan YTL? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Mah Hang Soon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek untuk BestariNet tidak diteruskan. Itu yang pertama.

Keduanya, untuk makluman-makluman yang lain akan saya sampaikan secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Tuan Sim Tze Tzin, silakan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Dua tiga orang boleh Bayan Baru cari,  
Sama-sama mendaki Bukit Bendera,  
Bilangan pekerja gig boleh MOT cari,  
Agar kebajikan mereka terpelihara.*

Soalan Bayan Baru, nombor dua. Terima kasih.

#### ■1040

2. **Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang terlibat dalam ekonomi gig tahun 2018, 2019 dan 2020 iaitu sebagai pemandu Grab, penghantar *parcel*, penghantar makanan dan sebagainya. Nyatakan mengikut kategori.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]:**

*Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *gig economy* telah merujuk kepada pasaran kerja kontrak jangka pendek atau kerja bebas yang dilakukan oleh individu dengan dipacu teknologi digital. Ia membolehkan rakyat bekerja secara fleksibel dari segi masa dan tempat tanpa perlu terikat dengan lokasi tertentu seperti pejabat.

Aplikasi mendapatkan perkhidmatan kenderaan awam *e-hailing* misalnya, adalah merupakan salah satu aplikasi digital yang telah dimanfaatkan rakyat untuk bekerja sebagai pemandu kenderaan perkhidmatan awam menerusi platform atas talian berkenaan. Di antara tahun 2018 hingga tahun 2020, dianggarkan lebih daripada 200,000 individu telah berdaftar sebagai pemandu *e-hailing* di mana kebanyakannya adalah merupakan individu atau pemandu yang hanya menjalankan perkhidmatan secara separuh masa atau secara kasual sahaja.

Mulai Julai 2019, penguatkuasaan ke atas peraturan-peraturan yang telah ditetapkan ke atas perkhidmatan *e-hailing* telah dilaksanakan. Antara lain, semua kenderaan yang digunakan sebagai kenderaan *e-hailing* serta syarikat-syarikat yang menyediakan perniagaan pengantaraan perlu didaftar dan dilesenken di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].

Berdasarkan data pendaftaran semasa, lebih daripada 100,000 orang rakyat Malaysia adalah pendaftar sebagai pemandu perkhidmatan *e-hailing* menerusi pelbagai aplikasi perkhidmatan atas talian yang disediakan oleh 45 buah syarikat *e-hailing* berdaftar di seluruh negara. Pada masa ini, syarikat perkhidmatan *e-hailing* hanyalah dibenarkan untuk mengangkut orang, yakni penumpang sahaja. Perkhidmatan

menghantar barang, yakni *parcel* menerusi lesen penghantaran perkhidmatan *e-hailing* adalah tidak dibenarkan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan dalam masa ini sedang dalam proses mengawal selia dan menyediakan peraturan-peraturan pendaftaran dan pelesenan ke atas industri perkhidmatan penghantaran barang *parcel* menggunakan kenderaan motosikal di Malaysia. Perkhidmatan ini kelak akan dilesenkan berdasarkan peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334], selain mematuhi apa-apa peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].

Kementerian akan menamakan perkhidmatan kenderaan barang menggunakan motosikal ini sebagai *parcel hailing* atau *p-hailing*. Ia bertujuan membezakan daripada perkhidmatan *e-hailing* iaitu perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam menggunakan kenderaan motor yang muatan duduknya empat orang dan tidak lebih daripada 11 orang termasuk pemandu.

Dalam hubungan ini, perlu ditekankan bahawa cadangan untuk mengawal selia sektor perkhidmatan ini bukanlah bertujuan untuk meningkatkan hasil kerajaan atau mewujudkan lapisan birokrasi yang tidak perlu. Sebaliknya, ia bertujuan untuk memastikan tahap keselamatan pengguna jalan raya dan keselamatan pengoperasian membantu mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan mampan seterusnya menyumbang ke arah menjaga kebijakan pengguna dan perniagaan.

Menerusi pengawal seliaan dan penetapan peraturan pelesenan, satu persekitaran perkhidmatan yang berdaya saing tinggi, kondusif dan selamat dapat disediakan bukan sahaja kepada pihak syarikat tetapi yang paling utama ialah kepada pekerja dan pelanggan kelak.

Peluang-peluang pekerjaan akan dapat disediakan dalam suasana yang mematuhi dan dilindungi oleh undang-undang terutamanya dalam hal melibatkan kebijakan dan kesejahteraan pekerja serta orang ramai. Golongan berpendapatan rendah terutamanya dalam kumpulan B40 akan berpeluang mendapat pekerjaan dalam industri yang terkawal, seterusnya meningkat tahap sosioekonomi dan kualiti kehidupan mereka, *insya-Allah*.

Proses membangunkan peraturan dan syarat-syarat berkaitan mengawal seliaan industri perkhidmatan *p-hailing* ini sedang berjalan dan dijangka akan dimuktamadkan sebelum akhir tahun 2020 ini. Tarikh kuat kuasa sebarang peraturan atau syarat terbabit adalah bergantung kepada tempoh semua aktiviti membangunkan peraturan dan syarat-

syarat terlibat dimuktamadkan dan akan dimaklumkan kemudian oleh Kementerian Pengangkutan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri, jawapan panjang sangat. Tolong ikut masa. Ramai lagi hendak tanya soalan. Silakan soalan tambahan pertama.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Rakyat Malaysia ini terhutang budi kepada semua pekerja *e-hailing* dan juga *parcel hailing* semasa COVID-19 ini. Bayan Baru ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pekerja-pekerja *gig economy* ini semasa PKP ya. Saya juga amat berbesar hati bahawa kementerian sedang cuba memperbaiki semua ini dan haruslah bahawa ada *engagement* dengan pekerja-pekerja tersebut.

So, soalan saya adalah pekerja *e-hailing Grab* dan *parcel hailing* ini amat terdedah kepada kemalangan jalan raya. Berapakah kes kemalangan jalan raya yang melibatkan pekerja-pekerja gig ini sepanjang tahun 2019 dan tahun 2020?

Soalan kedua adalah pekerja *gig economy* ini, mereka bukan pekerja konvensional. Mereka tidak mempunyai *medical insurance*, EPF, pencen atau *benefits* yang diberi oleh syarikat. Apabila syarikat besar seperti *Grab* dan juga *Foodpanda* mendapat keuntungan yang besar, gaji pekerja tidak naik saban tahun ya. Jadi, apakah polisi kerajaan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan pekerja-pekerja ini? Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Bagi soalan pertama iaitu tentang kemalangan yang berlaku, saya tidak ada maklumat yang secara detil. Akan tetapi, saya akan beri Yang Berhormat Bayan Baru dengan jawapan secara bertulis untuk jumlah kemalangan yang *involving*— dia bukan hanya *Grab*, banyak lagi. Ada 45 syarikat EHO di seluruh negara. Akan dijawab secara bertulis.

Tentang apakah cara untuk membantu mereka, jadi pada masa ini sebenarnya kerajaan memang sudah pun dalam penyediaan peraturan untuk *p-hailing* ini khususnya. Kita sedang pun menguatkuasakan iaitu antara yang *disconsider* dalam penyediaannya ialah tentang mereka mungkin diberikan lesen PSV dan mungkin juga akan dikenakan insurans dan juga memastikan kesihatan dan sebagainya. Mungkin bagi syarikat-syarikat besar, mungkin mereka juga— sesiapa di kalangan pemandu-pemandu mereka ini, mereka *should consider to upgrade the service and the safety of their pemandu*.

Seterusnya juga ialah, tentang mereka ini juga, pada masa ini boleh mencarum di bawah SOCSO iaitu *as low as RM13* sebulan. Ini untuk memastikan *to cover themselves* jika berlaku apa-apa kemalangan dan sebagainya. Ini adalah di antara cara kita kerajaan untuk membantu mereka.

Satu lagi ialah sempena dengan bulan kemerdekaan ini, masa ini Kementerian Pengangkutan, JPJ khususnya, kita memberikan diskaun sebanyak 70 peratus kepada saman-saman. Kita berharap dengan adanya diskaun ini juga, *especially* pemuda, anak-anak muda kita yang ingin berkecimpung dalam *e-hailing* atau *p-hailing* ini, ambillah peluang ini juga untuk *settle* saman yang *as low as* diskaun 70 persen supaya mereka tidak disenaraikan hitam. Supaya mereka juga dapat turut serta dalam *p-hailing* dan *e-hailing* yang ada sekarang negeri, *especially p-hailing* ini yang bermotosikal ini, rasanya ini adalah peluang yang terbaik untuk mereka berkecimpung dalam— untuk *uplift their* sosioekonomi. Terima kasih.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Berkenaan dengan penggunaan *e-hailing* ataupun *p-hailing*, kita lihat di sana berlaku penyalahgunaan kepada kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Maka soalan saya, sejauh manakah pemantauan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan dan akan dibuat selepas daripada ini? Kerana isu ini dia tidak berhenti.

Keduanya, syarikat-syarikat yang mengurus isu ini semakin hari semakin banyak sehingga kita melihat rungutan daripada pekerja-pekerja ini yang sudah hampir terjejas kerana saingan yang begitu banyak. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

## ■1050

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]:** Terima kasih soalan yang diutarakan. Pertama sekali juga saya mengambil kesempatan ini. Tadi saya tidak sempat jawab Tuan Yang di-Pertua. Kita juga memang kerajaan dan Kementerian Pengangkutan juga mengucapkan terima kasih kepada semua pengusaha *e-hailing*, *p-hailing* walaupun mereka belum lagi berdaftar semasa COVID-19. Mereka telah pun memainkan peranan dalam menghantar barang makan dan sebagainya kepada semua yang telah membuat *order* di mana kita pergerakan kita adalah terhad pada masa tersebut.

Jadi, apa yang disoal tadi iaitu tentang penyalahgunaan ini memang kita akui. Semasa PKP yang telah lalu, ada di antara mereka yang telah pun didapati dalam *road block* yang telah pun membawa barang-barang yang terlarang, yang dilapis dengan roti telur, roti ini penghantar makanan. Jadi, itu adalah yang secara tidak langsung ianya telah memberitahu kepada kita memang nampak, memang akan ada penyalahgunaan tetapi apa yang berlaku itu pada masa COVID-19 itu, kita telah mengambil pelajaran dari sana.

Ertinya di sini dalam kita menyediakan peraturan untuk *p-hailing* ini, sudah pasti semua perkara ini akan difikirkan dan menjadi contoh bagaimana kita hendak mengetatkan, menguatkuasakan, memastikan ianya tidak disalahgunakan. Keduanya tentang syarikat-syarikat sekarang ini kita pun tahu memang *e-hailing is a flourishing business* dan pada mulanya sebelum ada penguatkuasaan APAD hari itu yang mendaftar mencecah 200,000 tetapi bila sudah penguatkuasaan dalam 2019 diadakan, *it dropped to around hundred plus thousand only* sebab banyak penguatkuasaan untuk menyeimbangkan dengan operasi teksi.

Sekarang ini juga pada masa ini memanglah persaingan itu akan tetap persaingan yang sihat akan berlaku. Pada masa inilah dan saya rasa adalah disarankan kepada syarikat-syarikat *e-hailing* yang ingin mendaftar, *to make sure your service, dengan izin is uplifted services*. Berilah servis yang terbaik sebab sekarang *money* untuk servis yang terbaik itu yang kena kira kira sekarang ini.

Juga keselamatan, semua perkara inilah kena buat. Demi untuk saingen begini, kita tidak boleh *control* mereka. Janji mereka memenuhi syarat, mengikut peraturan dan sebagainya *and besides that*, dengan izin *your service* mestilah dipertingkatkan untuk memastikan siapa yang memberikan servis terbaik sudah pastinya akan menarik lebih ramai pelanggan dan saya anggap perkara ini adalah suatu persaingan yang sihat yang mesti ditanam dalam pengusaha-pengusaha ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria.

**3. Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]** minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan tahunan Dana Akaun Amanah Bekalan Industri Elektrik (AAIBE); dan
- (b) ke manakah dana ini telah disalurkan dan apakah kesannya kepada rakyat.

**Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Parit. Untuk makluman Yang Berhormat, sumbangan dana bagi Akaun Amanah Bekalan Industri Elektrik (AAIBE) adalah daripada sumbangan tahunan penjana elektrik yang menyumbang satu peratus daripada jumlah hasil pendapatan tahunan yang telah diaudit setelah ditolak kos bahan api. Jumlah sumbangan tahunan adalah sekitar RM60 hingga RM90 juta.

AAIBE sebenarnya tidak mendapat sebarang peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan, sebaliknya unit ini bergantung kepada sumbangan tahunan industri penyediaan tenaga yang terlibat dalam industri bekalan elektrik. Dana-dana ini telah disalur bagi melaksanakan program-program antaranya sebagaimana berikut:

- (i) bekalan elektrik luar bandar ia dilaksanakan sehingga 2018;
- (ii) menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan R&D bagi industri bekalan elektrik termasuk R&D bagi pembangunan sumber-sumber tenaga baharu dan tenaga boleh baharu; dan
- (iii) mengadakan latihan dan pendidikan bagi pembangunan sumber manusia untuk sektor elektrik, penggalakan kecekapan penggunaan elektrik, pembangunan dan promosi industri bekalan elektrik dan pengurusan impak tarif elektrik.

Melalui pelaksanaan program-program ini, ia telah memenuhi tujuan penubuhan dana ini untuk membangunkan industri bekalan elektrik yang bagi manfaat secara langsung kepada rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan pertama, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dana AAIBE ini sebenarnya bukan semua tahu. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, perincian projek yang dilaksanakan sehingga kini berdasarkan Surat Ikatan Amanah dan berapakah jumlah tunggakan yang patut diterima oleh AAIBE sejak Mac 2020 dan apakah usaha yang dilaksanakan bagi mempercepatkan proses pembayaran tunggakan AAIBE ini dan apakah punca berlakunya tunggakan AAIBE ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Panjang soalannya, panjang juga jawapannya. Yang Berhormat Parit, terima kasih kerana membangkitkan persoalan

berkenaan. Untuk makluman, Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) ditubuhkan pada 1 Januari 1997. Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 11 Disember 1996 dan Surat Ikatan Amanah yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan mengikut seksyen 9(3) Akta Tatacara Kewangan 1957.

Tujuan penubuhan Akaun Amanah ini adalah untuk menerima sumbangan daripada industri bekalan elektrik dan membiayai perbelanjaan pembangunan industri bekalan elektrik itu sendiri. Kalau kita lihat dari segi perincian projek, mengikut Surat Ikatan Amanah saya boleh sebut antaranya seperti berikut:

- (i) kita laksanakan 27 projek bekalan elektrik luar bandar sehingga 2018 yang melibatkan kos lebih kurang RM500 juta;
- (ii) projek pembangunan dan promosi industri bekalan elektrik melibatkan 42 projek;
- (iii) projek penggalakan kecekapan tenaga 18 projek;
- (iv) R&D dan dalam bidang tenaga termasuk tenaga boleh diperbaharui dan sumber tenaga baharu lebih kurang 52 projek; dan
- (v) kita juga mengadakan program-program latihan pendidikan bagi pembangunan sumber manusia untuk sektor elektrik lebih kurang 29 projek yang melibatkan perbelanjaan lebih daripada RM1 bilion.

Kalau kita lihat berkaitan dengan jumlah tunggakan yang sepatutnya diterima oleh AAIBE adalah RM144,116,128.30. Sehingga 31 Julai 2020, sumbangan yang diterima oleh AAIBE adalah sebagaimana berikut iaitu daripada Pahlawan Power Sdn. Bhd., Kuala Langat Power Plant Sdn. Bhd., Jimmah Energy Venture Sdn. Bhd. yang berjumlah RM27,242,588.69.

Bagi tunggakan sumbangan ansuran yang perlu diterima daripada syarikat penjana bebas adalah berjumlah RM116,873,539.31 dan syarikat-syarikat yang perlu melaksanakan sumbangan-sumbangan yang disenaraikan kepada kita lebih kurang antaranya ialah Pahlawan Power Sdn. Bhd., Kuala Langat Power Plant Sdn. Bhd., Jimah Energy Venture Sdn. Bhd., Segari Energy Venture Sdn. Bhd., Tanjung Bin Energy, Nur Generation, Kapar Energy Sdn. Bhd., lebih kurang RM116,873,539.31.

Saya ingin juga menyebut bahawa usaha-usaha sedang kita lakukan bagi mempercepatkan proses pembayaran tunggakan kepada akaun ini dan IPP diberikan kelonggaran untuk pembayaran secara ansuran. Kita faham tentang kesan daripada pandemik COVID-19. Kita daripada semasa ke semasa sentiasa memberi peringatan kepada IPP yang terlibat.

Kalau kita lihat apa punca utama berlaku tunggakan antaranya ialah berlaku pengambilalihan pengurusan beberapa syarikat IPP seperti syarikat-syarikat di bawah-Indera dan sebagainya dan juga berlaku kerugian di kalangan beberapa IPP. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan kedua, Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Menteri sebut tadi bahawa dana akaun amanah ini antaranya ialah untuk program bekalan elektrik di luar bandar ataupun di desa. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah strategi kementerian untuk menggalakkan lagi banyak lagi syarikat swasta melaksanakan tanggungjawab sosial korporat ataupun CSR ini dalam melaksanakan Program Kampung Pendalaman Angkat bagi menyediakan bekalan elektrik ini ataupun kerajaan mempunyai perancangan ataupun dasar-dasar yang lain. Terima kasih.

■1100

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita menggalakkan IPP untuk terus menyumbang kepada ekonomi kerana ia sebenarnya tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri sebagaimana yang saya maklumkan tadi. IPP di Semenanjung kita letakkan sumbangan sebanyak satu peratus daripada jumlah keuntungan yang saya sebutkan tadi, untuk Sabah lebih kurang tiga peratus.

Bagi projek-projek bekalan elektrik luar bandar seperti yang dimaklumkan tadi, memang melalui akaun ini kita laksanakan tetapi ia hanya dilaksanakan sehingga tahun 2018 sahaja. Manakala untuk projek-projek bekalan elektrik luar bandar, kita ada program-program lain termasuk yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi kita juga ada projek-projek umpamanya yang dilaksanakan di tiga projek rintis bekalan elektrik luar bandar di Cameron Highlands yang tujuannya dijadikan model kepada agensi pelaksana yang berkaitan. Jumlah peruntukan yang kita luluskan untuk projek ini adalah lebih kurang RM20 juta yang dalam peringkat pelaksanaan di Cameron Highlands. Terima kasih.

**4. Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kesan pelaksanaan skim mySalam dan PeKa B40 sejak tahun 2018, termasuklah statistik penerima skim mySalam dan PeKa B40 untuk tahun 2018, 2019, dan 2020 (secara berasingan) mengikut pecahan negeri; dan
- (b) apakah status pelaksanaan skim mySalam untuk golongan/kategori M40.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka. Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional (mySalam) adalah inisiatif kerajaan bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada golongan individu B40 yang juga penerima bantuan sara hidup (BSH) berumur 18 hingga 65 tahun.

Pada tahun 2019, sejumlah 2,748 orang telah mendapat faedah manfaat penyakit kritikal atau *critical illness* sebanyak RM8,000 bagi setiap yang *diagnose* dengan 45 penyakit kritikal. Setakat tahun 2019 jumlah yang telah dibayar adalah sebanyak RM21,984,000, manakala penerima manfaat hospitalisasi atau *hospitalization benefit* ialah seramai 8,946 orang dengan jumlah wang pampasan yang telah dibayar sebanyak RM3,315,250.

Manakala pada tahun 2020 sehingga 30 Jun 2020, seramai 518 orang yang telah mendapat manfaat penyakit kritikal, faedah *one-off* RM8,000 dengan jumlah yang telah dibayar setakat ini sebanyak RM4,144,000. Manakala manfaat hospitalisasi sebanyak 6,597 orang telah menerima faedah ini dengan jumlah keseluruhan wang pampasan yang telah dibayar sebanyak RM2,313,800. Ini bererti setakat ini jumlah pampasan yang telah dibayar kepada pemegang polisi secara keseluruhan ialah sebanyak RM31,757,050.

Untuk makluman pertanyaan Yang Berhormat mengenai inisiatif PeKa B40, inisiatif ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan. Berkaitan dengan isu perlindungan kepada golongan M40, adalah dimaklumkan bahawa sehingga kini kerajaan masih belum dapat melaksanakannya memandangkan terdapat isu berkaitan perundangan yang belum diselesaikan terlebih dahulu dan keutamaan adalah untuk memberi fokus kepada golongan B40. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan pertama.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan dengan lebih

lanjut apakah masalah perundangan yang dihadapi sehingga mereka perlu ditangguhkan, bagi mereka yang penerima, yang memohon di bawah kategori M40. Jadi, boleh atau tidak kementerian memberi satu jaminan bila mereka akan dilindungi? Sama ada ditangguhkan ataupun dibatalkan? Itu yang pertama.

Kedua, bagi mereka M40 seperti yang kita maklum pandemik COVID-19 ramai yang terjejas. Jadi, saya harap supaya kementerian dapat memastikan semua M40 boleh menikmati Skim mySalam ini. Sepatutnya diperluaskan skopnya dan bukannya ditangguhkan ataupun dibatalkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya pada peringkat awal kita memang meluaskan perkhidmatan ini kepada golongan B40. Walau bagaimanapun peluasan Skim mySalam kepada kumpulan M40 ini ditangguhkan berdasarkan alasan berikut.

Pertama, klausa 2.1 Surat Ikatan Amanah mySalam hanya membenarkan dana mySalam digunakan untuk membayai perlindungan insurans bagi hospitalisasi dan penyakit kritikal untuk kumpulan B40. Di bawah klausa 11.2 Surat Ikatan Amanah adalah tidak dibenarkan untuk membuat pindaan kepada klausa 2.1 dan dengan itu mySalam terhad kepada kumpulan B40.

Walau bagaimanapun kerajaan khususnya kementerian masih melihat bagaimana cara untuk meningkatkan dan memperluaskan coverage bagi mySalam ini. Berkaitan dengan COVID-19, untuk makluman Yang Berhormat sememangnya kerajaan telah memasukkan COVID-19 sebagai salah satu daripada penyakit yang dilindungi iaitu mereka atau *person under investigation* akan diberikan *hospitalization benefit* iaitu sebanyak RM50 sehari dan dalam tempoh 14 hari iaitu mereka mendapat faedah lebih kurang RM700. Itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan Yang Berhormat Jempol.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, beritahu berapa masa yang diperlukan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Berapa masa yang diperlukan untuk masukkan M40 untuk menerima mySalam ini? Masa yang diperlukan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Dasar pentadbiran...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Dasar pentadbiran Barisan Nasional sebelum ini telah meletakkan syarat pemilikan 70 peratus terhadap...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Soalan saya ialah— Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa masa untuk masukkan M40 ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka, sekarang Yang Berhormat Jempol.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab soalan saya. Sebab itu saya tanya penjelasan berapa masa yang diperlukan oleh kementerian...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ...Untuk masukkan M40 supaya mereka boleh menerima mySalam ini?

**Datuk Abd Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat, saya sudah katakan tadi bahawa ini ada berkait dengan masalah perundangan iaitu melibatkan soal *trust deeds* yang telah ditandatangani sebelum ini. Walau bagaimanapun, dalam isu M40 ini kerajaan masih melihat dari sudut perundangan dan juga kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan bagi maksud tersebut. Akan tetapi untuk ketika ini, ia hanyalah terpakai kepada golongan B40 dan ia akan hanya diperluaskan kepada golongan B40 itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh bagi jawapan bertulis. Silakan Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dasar pentadbiran Barisan Nasional sebelum ini telah meletakkan syarat pemilikan 70 peratus terhadap syarikat insurans asing bagi mengelakkan monopoli syarikat asing dalam

industri insurans Malaysia. Walau bagaimanapun, syarikat Great Eastern Malaysia telah mengendalikan Skim mySalam dimiliki 100 peratus oleh syarikat Singapura.

Apakah pendirian kementerian terhadap syarikat Great Eastern Malaysia yang bertanggungjawab mengendalikan Skim mySalam dan dimiliki 100 peratus oleh syarikat Singapura? Adakah kementerian bercadang untuk mempertimbangkan semula perkara tersebut? Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat. Berdasarkan kepada keputusan kerajaan sebelum ini ia adalah merupakan satu inisiatif *public private partnership* (PPP) yang melibatkan Great Eastern dan juga kerajaan yang mana mereka dengan inisiatif ini dikecualikan untuk *download 30 percent* daripada ekuiti mereka kepada tempatan.

Mereka ini menjamin untuk memberikan dana amanah mySalam sebanyak RM2 bilion dan RM2 bilion ini adalah ditadbir oleh *board of trustees* dan *asset management* dibuat oleh Maybank. Melalui polisi takaful ini, ia akan ditadbir oleh Great Eastern dan ia adalah untuk memberi faedah kepada mereka yang menerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang lebih daripada 4 juta orang setakat ini.

#### ■1110

Jadi oleh sebab itu, itulah keputusan yang telah dibuat bagi membolehkan *coverage* kepada golongan B40 tanpa mengeluarkan wang kerajaan. Ia adalah melalui inisiatif PPP. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat semua, kita ini dalam Parlimen. Saya minta tolonglah ikut tertib. Peraturan Mesyuarat 35. Kalaupun Yang Berhormat berdiri, tunggulah dijemput. Kalau Yang Berhormat hendak tanya soalan sebanyak-banyak yang hendak tanya, boleh tak tanya di luar daripada Dewan Parlimen? Akan tetapi di dalam sini, kita sudah bersetuju ikut peraturan.

Jadi, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau jawapan terlampau panjang, tolong bagi jawapan secara bertulis. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tanya soalan, saya tahu Yang Berhormat banyak hendak tanya tetapi bantulah pihak Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua untuk mengehadkan penyoal dan kemudian dari segi masa. Saya pohon sekali lagi, bacalah peraturan mesyuarat, tunggu dijemput barulah bertanya. Terima kasih.

5. **Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan secara terperinci sejauh mana berlaku jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak yang menjadi mangsa pedofilia dan usaha-usaha menanganinya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiu.

Saya mulai dengan peringatan Allah, dengan izin... *[Membaca sepotong ayat al-Quran] “Jangan kamu hampiri zina.”* Betapa jijiknya zina dalam Islam. Hampiri pun dilarang dalam Islam.

Berdasarkan Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan Akta Kanak-kanak 2001, kesalahan rogol, sumbang mahram, begitu juga luar tabii, cabul, amang seksual dan penganiayaan seksual adalah merupakan sebahagian daripada jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Statistik jenayah seksual terhadap kanak-kanak pada tahun 2020 hingga 30 Jun 2020 yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia adalah sebanyak 1,721 kes mengikut pecahan seperti berikut.

Jenis Kesalahan	Bilangan (kes)
Kesalahan rogol	651
Sumbang muhrim	106
Luar tabii	106
Cabul	344
Kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017	514

Kajian penanda aras yang dikeluarkan oleh *The Economist Intelligence Unit* pada tahun 2019 meletakkan Malaysia di tempat yang ke-23 daripada 60 buah negara dalam usaha melindungi kanak-kanak dalam jenayah seksual ini.

Susulan daripada kes Richard Huckle, seorang warga Britain yang telah dijatuhi hukuman penjara seumur hidup oleh mahkamah Britain selepas mengaku bersalah di atas pertuduhan penderaan seksual ke atas kanak-kanak di Malaysia pada tahun 2016, kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan untuk menangani isu jenayah seksual pedofilia ini termasuk daripada aspek pencegahan, perundangan, intervensi, sistem sokongan dan juga kajian dan pendidikan lanjut untuk membantu memantapkan sistem yang sedia ada.

Di antara program yang telah dibuat ialah:

- (i) program advocacy seperti Kempen Keselamatan Kanak-kanak – Sahabat B.I.J.A.K di sekolah;
- (ii) penggubalan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017;
- (iii) penalti-penalti yang berat sehingga 30 tahun hukuman penjara dan hukuman sebat;
- (iv) penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak yang ditubuhkan di Putrajaya pada tahun 2017 dan di Kuching pada tahun 2018 bagi mempercepatkan proses kehakiman bagi kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak;
- (v) mengadakan sesi perbincangan pada tahun 2019 bersama dengan Kementerian Dalam Negeri, PDRM, imigresen dan Kementerian Luar Negeri yang berkaitan dengan pembangunan SOP bagi memperketat lagi kemasukan pesalah jenayah seksual ke dalam negara; dan
- (vi) kerjasama dilaksanakan dengan UNICEF bagi mengkaji jenayah seksual terhadap kanak-kanak atas talian.

Di antara enam tindakan yang dibuat ini, itu antara usaha yang berterusan yang diharap dapat mengekang jenayah seksual terhadap kanak-kanak daripada terus berlaku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah jenis hukuman-hukuman yang dikenakan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017? Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam menyedarkan masyarakat, khususnya ibu bapa bagi mengelak daripada kanak-kanak menjadi mangsa jenayah seksual ini?

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiu.

Di antara tindakan yang boleh diambil terhadap pelaku yang disabitkan kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak di bawah Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

- (i) kesalahan rogol iaitu hukuman penjara maksimum 20 tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat;

- (ii) kesalahan rogol terhadap kanak-kanak di bawah umur 16 tahun tanpa kerelaan atau dengan kerelaan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun iaitu hukuman penjara minimum 10 tahun, maksimum 30 tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat;
- (iii) sumbang muhrim iaitu hukuman penjara minimum 10 tahun dan maksimum 30 tahun dan juga hendaklah dihukum dengan hukuman sebat;
- (iv) liwat iaitu hukuman penjara maksimum 20 tahun; dan
- (v) cabul iaitu hukuman penjara 10 tahun termasuk juga sebat.

Manakala tindakan yang boleh diambil di atas pelaku yang disabitkan di bawah Akta 792 adalah seperti berikut iaitu:

- (i) pornografi kanak-kanak iaitu hukuman penjara maksimum 30 tahun;
- (ii) berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak iaitu hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun;
- (iii) pengantunan kanak-kanak iaitu hukuman penjara maksimum lima tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat;
- (iv) perjumpaan selepas pengantunan iaitu hukuman penjara maksimum 10 tahun yang boleh juga dihukum dengan hukuman sebat;
- (v) amang seksual fizikal iaitu hukuman maksimum 20 tahun penjara dan juga hukuman sebat; dan
- (vi) amang seksual bukan fizikal iaitu hukuman penjara maksimum 10 tahun atau didenda tidak melebihi kedua-duanya.

Bagi pelaku yang disabitkan dengan kesalahan menganiayai dari segi seks terhadap kanak-kanak, di bawah Akta 611 boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebagai pengamal undang-undang, saya sedar bahawa walaupun hukuman-hukuman yang telah diperuntukkan tetapi masih terdapat kes-kes yang meningkat terutamanya melibatkan kanak-kanak. Baru-baru ini kita lihat kelmarin, satu berita

berkenaan dengan seorang ayah yang telah merogol anaknya sampai hamil. Seorang gadis 12 tahun.

Bolehkah saya tanya sama ada kementerian bercadang untuk meminda Kanun Acara Jenayah untuk kita mengenakan pemasangan, dengan izin, *electronic monitoring device* (EMD) kepada pesalah-pesalah ini? Ini kerana ketika mereka menunggu untuk perbicaraan diselesaikan, mereka masih lagi diberikan ikat jamin dan boleh berkeliaran di sana sini. Ada juga yang telah pun menjalani hukuman dan keluar daripada penjara tetapi kita tidak dapat memastikan bahawa mereka ini diletakkan di bawah satu pengawasan.

So, bolehkah saya tanya, kalau kementerian bercadang untuk mengenakan pemasangan *electronic monitoring device* (EMD) seperti yang diperuntukkan dalam akta-akta seperti SOSMA dan POCA dan sebagainya? Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Kita sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi pelbagai usaha untuk memastikan jenayah terkutuk ini dapat diatasi dengan sebaiknya. Kita sangat mengalu-alukan pelbagai teknologi untuk membolehkan penguatkuasaan. Walaupun kita tahu *electronic monitoring device* (EMD) ini di bawah bidang kuasa KDN dan PDRM, bukan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, tetapi kita sentiasa berbincang dengan pihak kementerian untuk memastikan apa jua peruntukan ataupun perkara yang boleh menguatkuasakan lagi peraturan untuk membanteras isu seperti ini dapat dilaksanakan.

Begitu juga kita sedang berusaha dengan pelbagai cara di samping program-program dan kempen-kempen kesihatan termasuk juga di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kita mengadakan hebahan video kesedaran jenayah seksual terhadap kanak-kanak di samping kita mengadakan program-program keselamatan kanak-kanak di sekolah, program PEKERTI, Seminar Wanita Anti Jenayah (WAJA), Program Pencegahan Jenayah SEKATA dan banyak lagi program dan usaha untuk kita memberi kesedaran kepada masyarakat. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas laluan. Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya berharap dapatlah diteruskan kepimpinan dengan melindungi mana-mana mangsa dalam lawatan Yang Berhormat selepas ini.

■1120

Kita lihat di Malaysia, PDRM merekodkan hampir 10,000 alamat IP yang melayari bahan lucah kanak-kanak. Maka, saya ingin tanyakan, apakah perancangan

kementerian dalam mahu menggubal Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017? Ini kerana buat masa ini bila ia merangkumi jenayah pedofilia, ia tidak membutirkan ruangan untuk kerjasama antarabangsa sedangkan kita tahu pornografi kanak-kanak dalam talian merupakan jenayah yang merentasi sempadan.

Maka bagi pihak kementerian, saya tahu sesetengahnya masuk dalam bidang KDN tetapi penting bagi Yang Berhormat Menteri, mungkin mengambil kira kerjasama antarabangsa yang selari dengan tuntutan *Article 10, The Optional Protocol on the Sale of Children, Child Prostitution and Child Pornography*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya sangat menghargai di atas kepekaan Yang Berhormat dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tentang keselamatan kanak-kanak. Inilah sebenarnya yang sedang diusahakan oleh pihak kementerian. Kita sentiasa membuat hubungan sama ada di pihak kementerian dalam negara kita termasuk juga hubungan di peringkat antarabangsa untuk memastikan jenayah terkutuk ini dapat sama-sama kita atasi. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Soalan tambahan satu lagi boleh? Segambut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah tentang jenayah seksual kanak-kanak. Kementerian pernah wujudkan satu sistem semakan. Data itu kita dapat daripada mahkamah dan bekerjasama dengan JKM. Saya hendak tahu, bilakah kali terakhir *database* itu telah dinaik taraf ataupun *upgrade* dan bilakah perjumpaan terakhir bersama KDN untuk berkongsi data dengan mereka. Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Segambut. Daripada laporan semakan yang kita terima iaitu daripada Januari hingga Februari 2020, didapati laporan semakan pesalah jenayah seksual yang ada iaitu berjumlah 3,308 dan kita lihat di sini jumlah kes yang didaftarkan di bawah Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak juga sehingga setakat Jun 2020 adalah sebanyak 813 kes.

Kita sebenarnya sentiasa berusaha daripada semasa ke semasa berhubung dengan pihak PDRM dan juga pihak agensi-agensi yang berkaitan untuk memastikan laporan yang terkini. Ini supaya kita dapat mengatur struktur yang terbaik supaya kita dapat memastikan pendaftaran ini dapat diselesaikan dengan segera. Apa yang saya terima- jawapan saya yang dapat pada pagi ini adalah terkini daripada mahkamah. Terima kasih.

6. **Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan apakah status projek jeti pendaratan ikan LKIM Wilayah Persekutuan Labuan dan bilakah ia dijadualkan siap.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Labuan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah melaksanakan pembangunan fasa 1 bagi Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Labuan di Kiamsam dan telah mula beroperasi pada tahun 2013 dengan kos asal pembinaan sebanyak RM8.7 juta. Kompleks ini memberi manfaat kepada 281 orang nelayan dan 55 buah vesel zon B yang kebanyakannya menggunakan pukat tunda.

Pembangunan fasa 2 pula bagi Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Labuan di Kiamsam adalah dalam proses pembinaan bagi kerja-kerja menambah kemudahan sedia ada seperti jeti pendaratan ikan bagi kegunaan pengusaha-pengusaha perikanan dan juga kuarters bagi keperluan kakitangan kompleks. Projek fasa kedua ini telah bermula pada 18 Februari 2019 dan dijangka siap pada 24 Mei 2021 dengan kos projek sebanyak RM17.128 juta.

Projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia ini akan merangkumi kerja-kerja membina jeti dermaga dwi-fungsi iaitu pendaratan dan juga tambatan, kuarters, tangki air, rumah pam, naik taraf sistem saliran dan jalan utama serta kerja-kerja elektrikal dan mekanikal serta sistem retikulasi air luaran dan kumbahan. Terima kasih.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Kesan daripada kejatuhan sektor minyak dan gas dan juga impak dari pandemik COVID-19 ini, ramai penduduk Labuan kehilangan pekerjaan dan sekarang berada dalam kesusahan. Jadi semakin ramai lah yang mula pergi ke laut untuk mencari rezeki termasuk mula terlibat dengan penangkapan untuk keperluan sendiri dan untuk pasaran tempatan.

Untuk tuna dan ikan bilis, sudah mula ada pasaran di luar Labuan dan juga produk-produk hiliran diusahakan oleh usahawan-usahawan tempatan. Ianya masih kecil tetapi dikatakan potensinya besar di Labuan. Kalau ikan tuna tangkapan, masih cuma 20 peratus dari potensi yang ada dan ia sudah *short supply* untuk pengusaha sate tuna.

Soalan tambahan saya, apakah program-program yang boleh dan akan dibuat oleh kementerian untuk menjadikan industri tersebut berkembang pesat menjadi antara

penyumbang utama ekonomi Labuan dan negara. Apakah bantuan dan insentif yang ada, khasnya untuk Labuan bagi industri tersebut?

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asalnya berhubung dengan pembinaan jeti di Labuan. Soalan tambahan ini berkenaan dengan kesan COVID-19 dan juga bantuan serta insentif kepada nelayan. Namun apa pun, saya cuba menjawab.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyedari bahawa pendaratan tuna di Labuan yang banyak menyediakan potensi yang besar dalam industri hiliran bagi produk tuna ini. Pemain industri tangkapan tuna di Labuan melibatkan 16 vesel pancing tuna. Pada tahun 2019 sahaja, pendaratan tuna di Labuan adalah sebanyak 562.08 metrik tan. Manakala data pendaratan tuna di Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 2020 sehingga Julai tahun ini ialah sebanyak 92.58 metrik tan.

Buat masa ini, tiada jeti yang khusus untuk pendaratan tuna di Labuan. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk memusatkan pendaratan tuna di Kompleks Perikanan LKIM Kiamsam, khusus bagi Labuan. Usaha-usaha sedang dilakukan oleh LKIM bagi memenuhi keperluan infrastruktur oleh industri dengan menaik taraf kemudahan sedia ada itu.

Kompleks LKIM Kiamsam, Labuan mampu menampung kapasiti pendaratan sehingga 27 metrik tan dengan pembinaan jeti pendaratan tambahan itu akan merancakkan lagi aktiviti pendaratan ikan di sekitar Labuan dan vesel-vesel nelayan boleh melakukan aktiviti pendaratan ikan termasuk tuna di Kompleks Pendaratan Ikan LKIM, Labuan ini. Sehingga kini terdapat empat pengusaha dan empat produk berasaskan tuna di Labuan iaitu sate tuna, *patty burger* tuna, serunding tuna dan juga tempura tuna.

Bahagian kedua soalan itu iaitu bantuan dan insentif yang disediakan oleh kementerian di bawah LKIM, khususnya untuk nelayan di Labuan ini ialah elauan sara hidup nelayan, insentif hasil tangkapan ikan, dana nelayan, subsidi diesel, subsidi petrol, projek khas perumahan nelayan, pasar nelayan, *food basket* dan pengecualian bayaran cukai. Saya ada semua bilangan penerima dan juga nilainya, kalau Yang Berhormat berminat, saya akan berikan secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, di Tanjong Manis terdapat sebuah Kompleks LKIM yang bernilai RM350 juta yang telah lama siap tetapi tidak dapat digunakan sepenuhnya atas sebab-sebab tertentu. Soalan saya, kalau Yang

Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat menjawab sekarang, saya terima dengan jawapan yang bertulis.

Apakah perancangan kementerian untuk mengembalikan kompleks ini supaya dapat beroperasi seperti yang dirancangkan dalam masa akan datang. Ini disebabkan untuk masa sekarang, kompleks ini tidak dapat diguna untuk menurunkan ataupun mendaratkan ikan seperti yang sepatutnya. Jadi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab. Terima kasih.

■1130

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, dari Labuan ke Tanjung Manis, *insya-Allah* saya akan cuba jawab sebaik-baiknya. Soalan khususnya di Labuan cuma sekarang ini sudah pergi ke Tanjung Manis. Cuma apa yang saya hendak sebut ialah jaminan daripada Menteri MAFI atau Menteri Pertanian dan Industri Makanan bahawa penekanan yang dibuat oleh kementerian hari ini ialah untuk melihat projek-projek yang terbengkalai ataupun yang tidak dapat dimanfaatkan sedangkan kerajaan telah membelanjakan dengan begitu besar. Jadi, saya kira Tanjung Manis ini akan kita masukkan dalam senarai untuk kita kaji, kita lihat dan *insya-Allah* kita akan usahakan supaya ia boleh beroperasi.

Jadi, tumpuan kementerian pada hari ini mengutamakan kepada projek-projek yang terbengkalai berbanding dengan mengadakan projek ataupun membuat projek-projek baharu. Jadi, jawapan ini terpakai kepada mana-mana projek yang dalam Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang terbengkalai pada masa ini, *insya-Allah*.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Terakhir, terakhir boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Datuk Robert Lawson Chuat.

7. **Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]:** minta Menteri Pendidikan menyatakan status pelaksanaan projek pemulihan, menaik taraf atau bina semula sekolah-sekolah daif di Sarawak seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Pusat sebelum ini, setelah Sarawak membayar sejumlah RM700 juta sebagai pembayaran pinjaman kontrak RM1 bilion kepada Kerajaan Pusat.

**Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]:** Terima kasih Yang Berhormat Betong. Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek baik pulih bangunan daif di sekolah bagi negeri Sarawak yang dibiayai melalui peruntukan RM1 bilion iaitu kontra bayaran balik pinjaman adalah mengikut mekanisme khusus. Mekanisme tersebut telah dipersetujui secara bersama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Sehingga Julai 2020, sejumlah RM700 juta pinjaman telah dibayar balik oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pelaksanaan projek baik pulih bangunan daif ini merangkumi pelbagai skop seperti pembinaan bilik darjah, blok pentadbiran, asrama, rumah guru, kuarters, dewan makan, pusat sumber, bilik sains, tandas, dan kemudahan yang lain.

Secara keseluruhannya, projek baik pulih bangunan daif di sekolah dengan dana RM1 bilion dilaksanakan melalui tiga fasa:

- (i) fasa 1 melibatkan 41 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM350 juta;
- (ii) fasa 2 melibatkan 52 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM350 juta; dan
- (iii) fasa 3 sedang dimuktamadkan senarai dan skop projek oleh KPM bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak melibatkan kos projek sebanyak RM300 juta.

Sehingga 17 Ogos 2020, kerajaan telah meluluskan 93 projek bagi fasa 1 dan fasa 2 dengan kos RM700 juta. Bagi status pelaksanaan projek fasa 1, sebanyak 21 projek berada di fasa pembinaan dan 20 projek berada di fasa pra bina. Perincian status pelaksanaan pra projek fasa pra bina meliputi empat projek dalam proses penilaian tender, lima projek dalam proses pengeluaran surat setuju terima, lima projek dalam proses memuktamadkan lantikan kontraktor dan enam projek dijangka akan ditender pada akhir bulan September 2020.

Bagi status pelaksanaan projek fasa 2 pula, semua projek berada di dalam fasa pra bina. Pihak JKR Sarawak sedang dalam pelaksanaan kerja ukur dan penyediaan dokumen tender. Projek ini dijangka akan ditender secara berperingkat mulai 22 Ogos 2020. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan pertama.

**Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berapakah jumlah sekolah di kawasan Parlimen Betong yang telah

diluluskan di bawah peruntukan tersebut? Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi senarai sekolah yang diluluskan dan kos projek masing-masing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Dato' Dr. Mah Hang Soon:** Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Betong, sejumlah sembilan buah projek naik taraf bangunan sekolah daif di Parlimen Betong telah diluluskan dan ia termasuklah SK Mangkok, SK Spaoh, SK Bungin, SMK Spaoh, SK Medang, SK Tui, SK Suri dan SK Nanga Gayau di bawah projek RM1 bilion fasa 1 dan SK Paku Central di bawah projek RM1 bilion fasa 2. Perincian untuk jumlah peruntukan setiap satunya akan saya berikan secara bertulis. Terima kasih.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Libaran.

**Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]:** Lubok Antu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sentiasa manis. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya hendak bagi perangkaan sedikit berkaitan dengan Kementerian Pendidikan menunjukkan bahawa sejumlah 534 buah sekolah seluruh Malaysia terlibat dalam pembinaan pada tahun 2016 hingga tahun 2018.

Pada tahun 2019, sebanyak 429 sekolah telah dikenal pasti masih belum memiliki CF dan CCC. Dalam Belanjawan 2020, kerajaan telah mengumumkan untuk memberikan tumpuan usaha membaik pulih sekolah-sekolah daif termasuk kawasan luar bandar macam kami di Baling, Sik dan sebagainya dengan peruntukan sebanyak RM783 juta termasuk Sabah dan Sarawak. Soalan saya, apakah kriteria yang dilihat oleh pihak kementerian dalam menentukan sekolah-sekolah daif yang perlu diberikan keutamaan khususnya di kawasan luar bandar untuk diperbaiki memandangkan jumlah keseluruhan sekolah daif di seluruh negara amat tinggi.

Adakah perbezaan pemerintahan di peringkat pusat ataupun negeri ada memberi sebarang kesan terhadap sekolah yang diberikan keutamaan? Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada soalan ini sebab tadi ini Sarawak. Sabah, Sarawak dan Semenanjung semua sama sahaja, isu sekolah sama. Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab yang mana mampu, yang lain bagi saya secara bertulis. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mah Hang Soon:** Terima kasih. Sebenarnya kita mempunyai satu cara yang cukup terperinci untuk menilai mengikut skala 1 hingga 7. Jadi kalau setakat skala 6, maksudnya dia adalah mengikut penilaian pihak PPD dan KPM. Akan tetapi untuk

sekolah daif yang telah sampai ke tahap 7 maksudnya ia telah disahkan oleh JKR bahawa ia memerlukan perhatian yang segera dan perlu dibaik pulih atau dibina semula. Itu jawapan dan yang lain-lain untuk— Mungkin boleh saya berikan sedikit status pelaksanaan projek sekolah daif di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Baling, untuk yang telah terima *certificate of completion and compliance* (CCC), *certificate of partial occupancy* (CPO) berjumlah 510 buah. Dalam proses mendapatkan CPO sebanyak 32 buah, fasa pembinaan sebanyak 53 buah, dalam proses perolehan sebanyak 32 buah dan fasa pra bina termasuklah reka bentuk, penyediaan dokumen tender, dan kelulusan kebenaran merancang oleh PPT adalah 146 buah. Jadi mengenai maklumat yang lain akan saya sampaikan secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]:** Boleh minta soalan tambahan satu sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Tuan Prabakaran.

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Dari Melaka ke negeri Pahang,  
Singgah di Johor beli berangan,  
Soalan nombor lapan telah dicadang,  
Mohon Menteri beri penjelasan.*

**8. Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu]:** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah kementerian berhasrat untuk mengawal selia harga syiling bagi setiap jurusan di IPTA dan IPTS kerana kos pendidikan semakin meningkat saban hari.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Batu di atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, pihak KPT amat prihatin terhadap permasalahan berkaitan yuran pengajian yang dihadapi oleh pelajar IPT terutama sekali semasa pasca COVID-19. Dalam hubungan ini selaras dengan pemberian autonomi kepada universiti awam (UA) setiap keputusan senat dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam memastikan yuran pengajian yang dikenakan haruslah setimpal dan tidak merugikan mana-mana pihak terutamanya bagi memastikan penyampaian pendidikan yang berkualiti.

Perlembagaan setiap universiti awam telah memberi kuasa kepada universiti untuk menetapkan kadar yuran yang akan dikenakan bagi program pengajian. Pihak universiti akan membuat kajian pasaran yang menyeluruh bagi sesuatu kursus dan

impaknya terhadap pelajar dan universiti itu sendiri sebelum sebarang keputusan dibuat oleh LPU.

KPT telah menyediakan tadbir urus yang khusus dalam mengawal kadar harga yuran di UA dan IPTS. Pemantauan berkenaan kuasa autonomi yang diberikan kepada UA ini dilaksanakan melalui keanggotaan perkhidmatan awam yang terdiri daripada pegawai dari KPT dan gerak Kementerian Kewangan Malaysia di dalam LPU.

#### ■1140

Manakala bagi institusi pendidikan tinggi IPTS pula, dalam memastikan kadar yuran tidak akan membebankan pelajar, permohonan kenaikan yuran pengajian perlu mendapat kelulusan daripada kementerian terlebih dahulu sebelum IPTS boleh menaikkan yuran pengajian mereka. Kadar yuran di UA dan IPTS tidak boleh dinaikkan secara sewenang-wenangnya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kadar yuran pengajian yang perlu dibayar oleh para pelajar UA adalah sekitar 10 peratus sahaja daripada kos sebenar bidang pengajian tersebut mengikut harga yuran pasaran. Manakala baki sebanyak 90 peratus lagi kos pengajian telah pun disubsidi oleh kerajaan melalui peruntukan kewangan tahunan. Oleh yang demikian, kos pengajian di UA boleh dikatakan rendah dan hampir percuma dengan pemberian sebanyak 90 peratus subsidi tersebut. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Apakah kementerian berhasrat untuk berbincang agar isu disenaraihitamkan oleh PTPTN dapat ditarik semula oleh sebab kerajaan terdahulu telah mendapat kesepakatan di mana peminjam wajib bayar hutang selepas peroleh pendapatan sebanyak RM4,000 sebulan? Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Batu. Soalan ini terkeluar sikit daripada soalan asal, Tuan Yang di-Pertua. Namun demikian...

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Isu kewangan.

**Dato' Mansor bin Othman:** Ya. Namun demikian, boleh juga dikatakan untuk mengurangkan bebanan para pelajar dan juga ibu bapa, kementerian mengambil perhatian terutama sekali selepas kesan COVID-19 ini. Jadi, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa prihatin terhadap maklum balas daripada para pelajar, ibu bapa dan pihak-pihak berkepentingan supaya yuran-yuran di universiti awam dapat dikurangkan dalam membantu meringankan beban kewangan pelajar dan ibu bapa akibat penularan wabak COVID-19.

Jadi, dalam hubungan ini, KPT telah membuat rundingan dengan Kementerian Kewangan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik mengenai perkara ini. Jadi, hasil daripada rundingan tersebut, kerajaan bersetuju mengurangkan kadar yuran asrama dan yuran perkhidmatan atau aktiviti UA hingga 15 peratus.

Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, usaha dilakukan untuk mengurangkan bebanan pelajar dari segi yuran dan juga perkhidmatan-perkhidmatan lain yang ditawarkan di universiti. Sebagai contoh— saya bagi contoh ya. Pengurangan yuran bagi semester kedua sesi akademik tahun 2019 dan 2020 untuk pelajar warganegara Malaysia ini melibatkan peruntukan sebanyak RM72 juta dan jumlah tersebut mengambil kira peruntukan kerajaan sebanyak RM20 juta dan penggunaan sumber dalaman UA sebanyak RM52 juta. Sehingga kini, seramai 523,318 pelajar UA di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada keputusan itu. Itu merupakan antara contoh yang dapat mengurangkan bebanan kepada pelajar-pelajar kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tengok, Tuan Yang di-Pertua ya, hasil daripada hitung panjang kos keseluruhan yuran pengajian universiti awam bagi tempoh empat tahun, Tuan Yang di-Pertua, bagi pengajian dalam masa 10 tahun, kadarnya ialah meningkat daripada RM18,000 kepada RM26,286. Kos yuran pengajian untuk setahun pengajian bagi dua semester sahaja di universiti awam, ini tidak termasuk IPTS, Tuan Yang di-Pertua, dijangka meningkat daripada RM4,500 kepada RM6,661.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak kementerian ataupun pihak kerajaan, sebenarnya apa faktor utama ini yang mengakibatkan berlakunya peningkatan kos di dalam jurusan pendidikan yang ditawarkan oleh IPTA? Soalan saya yang dinaikkan ini ialah oleh IPT, tidak termasuk IPTS ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kenaikan ini adalah merupakan satu bebanan yang terpaksa ditanggung oleh pelajar-pelajar yang baru hendak masuk atau daftar di dalam IPTA.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah bentuk subsidi yang boleh dikemukakan oleh pihak kementerian kepada golongan-golongan pelajar yang kurang mampu terutamanya golongan B40 yang baru masuk tetapi dia tidak mampu bayar yuran dan akhirnya mereka tidak boleh melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam ini, Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Jelebu atas soalan tambahan ini.

Betul, seperti yang Yang Berhormat Jelebu sebutkan tadi, *trend* ataupun *trending* kenaikan yuran ini memang terdapat di dalam universiti. Namun demikian, untuk soal kawalan kenaikan yuran di universiti ini, pihak kementerian mewujudkan satu badan yang kita panggil BPI untuk menyelia ataupun memantau kenaikan kadar yuran di universiti-universiti ini.

Jadi, permohonan untuk menaikkan yuran ini akan diluluskan oleh pihak inspektorat ini dengan memandang kepada beberapa kriteria seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jelebu tadi juga. Di antaranya ialah tentang kedudukan kursus yang ditawarkan. Kemudian, infrastruktur dalam universiti dan juga tentang kedudukan kewangan pelajar itu sendiri.

Dalam usaha untuk membantu golongan B40, golongan asnaf dan juga OKU, ada beberapa program bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Seumpamanya, macam contoh OKU, dia ada laluan khas untuk kemasukan di dalam universiti. Begitu juga dengan golongan asnaf dan golongan B40, ada program yang ditawarkan dengan kerjasama agensi-agensi luar seperti zakat. Ini merupakan beberapa bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan ataupun pihak universiti sendiri bagi pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan itu. Jadi, sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**9. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Luper]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan program-program terkini untuk meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan khususnya masa pasca COVID-19 ini.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan berkenaan dengan COVID-19 ini sudah terlalu banyak. *Insya-Allah*, saya akan cuba jawab sebaiknya supaya tidak timbul lagi sebarang soalan selepas daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan aktiviti petani, pekebun, penternak, nelayan dan usahawan tani tidak terjejas oleh COVID-19, MAFI melalui PRE, melalui PRIHATIN dan PENJANA sedang melaksanakan sebanyak 36 inisiatif bagi merancakkan semula aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah merancang tujuh program khusus melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bagi meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan iaitu:

<b>Bil.</b>	<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM juta)</b>
(i)	Program Jaminan Bekalan Makanan	42
(ii)	Program Insentif dan Logistik dan Pemasaran Nanas	13
(iii)	Program Simpanan Bekalan Makanan	30
(iv)	Program Dana Khas Persatuan Nelayan	15
(v)	Program Pembekalan Ikan Segar dan Beku	30
(vi)	Program Dana Khas Pertubuhan Peladang Kawasan	50
(vii)	Program Peningkatan Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan	10
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>190</b>

Manakala di bawah PENJANA, MAFI telah diperuntukkan sebanyak RM400 juta untuk melaksanakan tiga inisiatif khusus seperti berikut:

- (i) Skim Pembiayaan Mikro Kredit yang menawarkan pinjaman dengan kadar 3.5 peratus untuk tempoh lima tahun dan pembiayaan ini adalah Islamik;
- (ii) Program Kebuniti ataupun kebun secara berkomuniti di bandar dan luar bandar berbentuk pemberian *in-kind* sebanyak RM500 untuk individu dan RM50 untuk komuniti berjumlah RM10 juta; dan
- (iii) Program Mobiliti Tenaga Kerja Agromakanan yang menyediakan latihan semula dalam industri agromakanan.

Keseluruhan program dan projek yang disenaraikan di bawah pakej-pakej PRE ini termasuk projek infrastruktur dan peruntukan sebanyak RM50 juta, PRIHATIN dan PENJANA bernilai RM640 juta sedang dilaksanakan melalui pelbagai jabatan dan agensi di bawah kementerian. Kesemua program di atas sedang dalam proses pelaksanaan oleh pelbagai agensi di bawah kementerian.

Kementerian berharap agar inisiatif termasuk program dan projek serta bantuan khas ini dapat membantu meringankan bebanan kumpulan sasar yang terkesan akibat COVID-19, malahan dapat membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk

pengusaha agromakanan untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing bagi merancakkan semula aktiviti pertanian dan melonjakkan sektor agromakanan negara serta memastikan sekuriti makanan terus terjamin sepanjang tempoh pemulihan ekonomi ini.

Terima kasih.

■1150

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan pertama.

**Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Luper]:** Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan tadi. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah penambahbaikan yang dicadangkan agar keperluan makanan asas sentiasa mencukupi dalam apa jua keadaan bencana atau perkara yang di luar jangka dengan tidak bergantung kepada import makanan malah mengutamakan petani, penternak dan nelayan tempatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi:** Ya, Tuan Yang di-Pertua dan soalan ini pun pada asalnya yang lebih kurang sama telah dijawab dalam Dewan pada kali ini. Walau bagaimanapun saya cuba sebutkan sekali lagi. Keperluan makanan asas seperti beras, ayam, telur, sayur-sayuran dan ikan adalah mencukupi untuk kegunaan domestik melalui pengeluaran tempatan dan pengimportan dari luar negara.

Walau bagaimanapun kementerian menyedari akan kepentingan jaminan sekuriti makanan negara bagi memastikan bekalan makanan asas sentiasa mencukupi dalam apa jua keadaan dan mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

Dalam hal ini, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi meningkatkan pengeluaran makanan serta pendapatan petani, penternak dan nelayan tempatan adalah seperti berikut:

- (i) merancakkan aktiviti pengeluaran makanan melalui pemberian insentif seperti benih, baja dan racun serta khidmat nasihat teknikal;
- (ii) mengukuhkan infrastruktur kawasan pertanian seperti jalan dan fasiliti ladang, sistem pengairan dan saliran serta kompleks dan jeti pendaratan ikan;

- (iii) meningkatkan keberkesanan rantaian bekalan dan logistik melalui kemudahan pusat pengumpulan, penyimpanan, pemprosesan, pengedaran dan juga pemasaran;
- (iv) menggalakkan aplikasi teknologi moden seperti fertigasi, kilang tanaman, penggunaan dron, sistem pertanian pintar, *big data* dan *internet of things*; dan
- (v) memudah cara akses petani kepada skim pembiayaan pinjaman dan geran pemanfaatan yang bersesuaian.

Langkah-langkah di atas akan dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan dan seterusnya memperkasakan petani, penternak dan nelayan tempatan melalui peningkatan sumber pendapatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan kedua Yang Berhormat...

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Libaran.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Libaran.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Libaran.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Jerai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tarikh 6 Ogos setiap tahun diisytiharkan sebagai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan. Hari ini masyarakat peladang, penternak dan nelayan di seluruh negara. So, pengiktirafan ini membuktikan bahawa keprihatinan kerajaan terhadap usaha peladang, penternak dan nelayan memainkan peranan yang melonjakkan pelbagai aktiviti demi pengeluaran bahan makanan dan memajukan sektor pertanian negara.

Soalan saya, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan inisiatif kerajaan dalam menyukseskan cabaran dalam sektor pertanian dan industri makanan? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri juga nyatakan bagaimana penggunaan teknologi dapat memanfaatkan sektor pertanian dan industri makanan serta bagaimana teknologi dapat

menarik perhatian orang muda untuk menceburi dalam bidang tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, soalannya tadi sangat banyak sebenarnya, yang mana tidak kurang daripada tiga soalan saya rasa. Saya dapat *pick up* yang akhir-akhir iaitu mengenai penggunaan teknologi di mana kerajaan pada hari ini- kementerian secara khususnya pada hari ini sangat-sangat mementingkan penggunaan teknologi ini kerana meyakini bahawa dengan kekurangan sumber pertanian yang semakin berkurangan baik dari segi tanahnya, baik dari segi *resources* yang berkaitan dengan pertanian ini yang semakin berkurangan dan permintaan terhadap bekalan makanan ini semakin meningkat, maka sudah tentulah ini satu cabaran yang besar kepada kementerian.

Tidak lain dan tidak bukan kita terpaksa mengeluarkan makanan yang lebih banyak dalam suasana sumber yang semakin berkurangan. Jadi oleh sebab ini memang kementerian sentiasa memberikan perhatian yang cukup kuat memastikan bahawa penggunaan teknologi dan sebagainya dapat membantu meningkatkan sumber makanan ini.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

Kementerian telah pun juga melaksanakan beberapa *engagement* dengan beberapa kementerian yang lain bagi memastikan teknologi ini dapat dipertingkatkan demi menambah pengeluaran bekalan makanan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Jelutong.

**10. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan akan meneruskan dengan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang telah diumumkan oleh mantan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada tahun lalu.

**Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sektor pelancongan dan penerbangan adalah antara industri paling teruk terjejas susulan impak COVID-19. Ia telah menyebabkan ketidaktentuan pasaran yang meningkatkan lagi risiko sedia ada yang membebankan

industri penerbangan. Kesan penularan wabak COVID-19 terhadap ekonomi dunia dan negara terutamanya aspek perubahan corak permintaan pelancong dan sektor penerbangan yang memerlukan satu tempoh pemulihan yang dijangka memakan masa antara dua hingga tiga tahun.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan kajian *National Airport Strategic Plan* (NASP) yang meliputi kajian semua pembangunan lapangan-lapangan terbang dan *short take-off and landing airport* (STOLport) dalam negara yang dijangkakan siap pada tahun 2023 selaras dengan Dasar Pengangkutan Negara. Kajian ini bertujuan menentukan hala tuju pembangunan lapangan-lapangan terbang di Malaysia dari segi peranannya, keperluan ruang udara, *airspace requirement*, kajian ekonomi dan strategik agar pembangunan sesebuah lapangan terbang itu dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan sebenar seperti mana daptan kajian tersebut.

Oleh yang demikian, sebarang cadangan pembangunan lapangan terbang baharu termasuk cadangan pembangunan dan menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan hanya dapat dipertimbangkan selepas kajian NASP dimuktamadkan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ambil maklum tentang jawapan yang diberikan tetapi ia tidak menjawab soalan saya. Ini kerana di Pulau Pinang kita lihat pertamanya, tempat letak kereta juga untuk semua yang datang ke lapangan terbang mula dibina selepas Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih. Begitu juga dalam pembentangan Bajet pada tahun lalu, Menteri Kewangan Yang Berhormat Bagan telah mengumumkan lebih kurang RM1 bilion untuk dibelanjakan bagi tujuan menaiktarafkan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Ini adalah penting kerana di Pulau Pinang kita lihat anggaran pelancong yang akan sampai ke Pulau Pinang tahun ini dianggarkan lebih kurang 8 juta dan kita lihat bahawa projek ini adalah amat penting. Saya cuma ingin tanya komitmen Kerajaan Perikatan Nasional, kalau boleh projek ini dilaksanakan dengan segera walaupun kajian-kajian dilaksanakan dan sebagainya. Saya cuma mahu satu komitmen daripada Menteri bahawa Kerajaan Perikatan Nasional tidak akan memangsakan rakyat Pulau Pinang yang sumber pendapatannya datang daripada pelancong-pelancong ini.

*Do not victimize the Penangite because we didn't support MCA or UMNO or MIC the last election,* dengan izin. Saya cuma minta supaya anggaran ini yang dibentangkan

oleh Menteri Kewangan yang dahulu, Yang Berhormat Bagan dilaksanakan untuk manfaat rakyat Pulau Pinang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan tersebut. Biarlah saya memberi sedikit penerangan apa yang telah saya huraikan dalam jawapan saya iaitu disebabkan penularan wabak COVID-19 yang telah menyebabkan sektor *aviation*, penerbangan agak terkesan. Saya bagi satu contoh. Ya, betul kapasiti yang kita reka bentuk untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini ialah 6.5 juta penumpang setahun. Kita dapati pada tahun 2019 jumlah penumpang yang menggunakan lapangan terbang ini sudah mencapai 8.325 juta.

Akan tetapi pada tahun 2020 disebabkan oleh wabak COVID-19 setakat Jun 2020 jumlah penumpang telah menjunam sehingga 168,986 orang sahaja.

#### ■1200

Inilah yang saya katakan disebabkan penularan wabak COVID-19 dan ditambah pula ada permintaan daripada Kedah juga. Oleh sebab itu, perlunya satu NASP untuk kita kaji dan kita tidak menindas mana-mana negeri tak kira fahaman politik. Apa yang kita utamakan ialah tempat mana yang perlu kita naik tarafkan berdasarkan kepada keperluan dan supaya tidak wujudnya satu saingan yang tidak sihat.

Oleh sebab itu, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak Kerajaan Negeri Kedah juga mereka bercadang untuk membuat satu KSP ataupun satu lapangan terbang baharu berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Perlulah satu koordinasi yang betul kerana *airspace requirement* ini perlu kita kaji dengan betul-betul. Kita ada sejumlah 39 lapangan terbang di Malaysia yang di bawah MAHB dan tiga lagi di bawah swasta. Jadi kesemuanya sejumlah 42. Perlu ada satu penyeragaman dan juga koordinasi yang baik dan supaya semua lapangan terbang yang kita hendak besarkan itu dapat mencapai matlamat dan tidak bersaing antara satu sama lain.

Saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat kerajaan yang ada sekarang, kita akan terus komited. Kita akan melihat keperluan di mana dan bagaimana kita hendak meningkatkan kapasiti lapangan terbang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan hari ini. Terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian.

**[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum kita teruskan dengan Aturan Urusan Mesyuarat yang seterusnya, semalam terdapat sedikit kekeliruan apabila saya menempohkan persidangan itu selama 10 minit sebelum belah bahagi itu. Sebenarnya, saya telah nyatakan bahawa saya akan tempohkan selama 10 minit mengikut petua saya yang telah saya masyhurkan di Dewan ini pada 11 Ogos 2020.

Pada masa itu saya telah masyhurkan bahawa kita akan memberi masa 10 minit untuk semua Ahli Parlimen datang dari bangunan yang satu lagi itu. Oleh sebab lif pun tidak dapat digunakan sepenuhnya. Cuma, empat orang satu lif, so kita akan benarkan 10 minit untuk memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat datang ke Dewan untuk mengambil bahagian dalam apa-apa belah bahagian yang akan dilakukan di Dewan ini. Benda itu telah saya masyhurkan pada 11 Ogos dan saya tidak mendapat apa-apa *feedback* negatif pun daripada mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sayangnya semalam, apabila saya nyatakan sebegini, saya rasa suara saya telah ditenggelami di dalam lautan keghairahan Ahli-ahli Yang Berhormat semua untuk mengambil bahagian di dalam belah bahagian itu. Jadi, itulah sebab kekeliruan yang timbul. Saya harap perkara ini tidak timbul lagi.

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS KESELAMATAN  
NEGARA (PINDAAN) 2020****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Majlis Keselamatan Negara 2016; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua dan ketiga pada Mesyuarat ini

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI PEMBIAYAAN KERAJAAN (PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) 2020**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.04 tgh.**

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah sementara yang berhubungan dengan pembiayaan kerajaan untuk mengurangkan kesan penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) dengan:

- (i) menaikkan had amaun bagi jumlah amaun wang yang boleh diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan jumlah amaun wang yang boleh diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275];
- (ii) untuk menubuhkan suatu Kumpulan Wang COVID-19, untuk membenarkan wang yang diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan wang yang diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dibayar ke dalam Kumpulan Wang COVID-19; dan
- (iii) untuk membenarkan wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 digunakan dan diuntukkan bagi maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar fiskal yang berkesan penting demi memastikan ekonomi kekal berdaya tahan seterusnya berupaya untuk menyediakan langkah kitaran balas, dengan izin *counter cyclical measures* dalam menangani kejutan luaran. Sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi terbuka, Malaysia terdedah kepada ketidaktentuan persekitaran global seperti kemelesetan ekonomi, ketidakstabilan harga komoditi dan pasaran kewangan serta ketegangan geopolitik.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dilanda satu peristiwa musibah yang bukan hanya menggugat pertumbuhan ekonomi, malah mengancam nyawa manusia. Wabak yang dikenali sebagai Koronavirus 2019 atau COVID-19 ini telah pun merebak begitu pantas dan mendadak, melangkaui sempadan merentas seluruh pelosok dunia. Oleh yang demikian, hampir kesemua negara di dunia telah melaksanakan langkah

pengawalan seperti pengisytiharan darurat, perintah berkurng atau perintah kawalan pergerakan bagi mengurangkan risiko masyarakat awam dari terdedah kepada virus ini atau menjadi ejen penyebar virus di kalangan masyarakat.

Kerajaan telah melaksanakan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula daripada 18 Mac sehingga 31 Ogos 2020. Walaupun PKP telah berjaya mengawal penularan COVID-19, langkah ini memberi impak yang ketara ke atas aktiviti ekonomi. Operasi perniagaan dan aktiviti sehari-hari rakyat turut terjejas berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Langkah PKP dengan penutupan operasi perniagaan di kebanyakan sektor ekonomi menyebabkan kehilangan pendapatan dan seterusnya meningkatkan risiko kehilangan pekerjaan dalam kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, *the unprecedented crisis*, dengan izin secara langsung telah memberi kesan negatif ke atas ekonomi global. Agensi antarabangsa seperti IMF telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia merosot sebanyak negatif 4.9 peratus, menjadikan krisis ekonomi kali ini merupakan krisis yang terburuk sejak *the great depression* dekad 1930-an.

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak mempunyai pilihan. Memelihara kesejahteraan rakyat dan ekonomi merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Lantas, kerajaan dengan nekad dan segera mengambil langkah intervensi bagi membantu rakyat dan mengelakkan ekonomi dari terjerumus jatuh ke tahap yang jauh lebih buruk. Justeru, kerajaan telah melaksanakan pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi bernilai RM295 bilion atau 20 peratus KDNK dengan suntikan langsung fiskal sebanyak RM45 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk melaksanakan pakej rangsangan ekonomi ini tidak sahaja dibuat oleh Malaysia. Hampir kesemua negara di dunia yang sama terjejas mengumumkan pakej rangsangan ekonomi masing-masing bagi mengurangkan impak akibat penularan COVID-19. Dengan anggaran sekitar USD11 trillion, mengambil contoh negara-negara serantau, Indonesia telah mengumumkan pakej rangsangan sebanyak USD40.3 bilion atau 3.5 peratus KDNK. Thailand telah mengumumkan pakej rangsangan berjumlah USD61.2 bilion atau 11.8 peratus KDNK. Manakala Singapura pula telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi yang keseluruhannya berjumlah hampir USD65.8 bilion atau 19.6 peratus KDNK.

Mengambil contoh negara-negara maju pula, Jerman telah menujuhkan sebuah Tabung Penstabilan Ekonomi atau *Economic Stability Fund*, dengan izin bagi membiayai dua pakej rangsangan berjumlah hampir USD1,447 bilion atau 40.9 peratus dengan

skim jaminan sebanyak USD900 bilion atau 24.3 peratus KDNK. Australia pula telah mengumumkan pakej rangsangan berjumlah USD133 bilion atau 10.6 peratus KDNK.

### ■1210

Secara amnya, langkah pakej rangsangan adalah unik dan bergantung pada *microeconomic fundamental*, dengan izin, bagi setiap negara. Secara relatifnya, berdasarkan nisbah kepada KDNK, saiz pakej rangsangan dan pelan pemuliharaan ekonomi oleh Malaysia adalah setara dengan kebanyakan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang saya maklumkan semasa penggulungan perbahasan Titah Diraja baru-baru ini, kerangka pengurusan fiskal negara mempunyai dua kaedah disiplin iaitu kerangka kawalan secara perundangan melalui akta-akta yang sedang berkuat kuasa seperti penetapan had siling hutang Kerajaan Persekutuan serta kerangka kawalan secara pentadbiran atau, dengan izin, *self-imposed* seperti penetapan bayaran khidmat hutang tidak melebihi 15 peratus daripada hasil kerajaan.

Melalui langkah-langkah kawalan ini, *alhamdulillah*, sehingga kini, Malaysia berada dalam kategori penarafan gred pelaburan ‘A’ oleh agensi penarafan *Fitch* dan *S&P* dan A3 oleh agensi penarafan *Moody’s* selain kekal sebagai sebuah ekonomi yang kompetitif di rantau ini. Malaysia juga menduduki tangga ke-12 daripada 190 negara dalam Laporan *Doing Business 2020* yang diterbitkan oleh Bank Dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dasar fiskal yang berkesan perlulah mempunyai *exit clause*, dengan izin, dalam melaksanakan langkah *counter cyclical* ketika situasi krisis. Walau bagaimanapun, pelaksanaan *exit clause* perlu mengambil kira perkara-perkara berikut seperti yang dianjurkan oleh institusi-institusi antarabangsa seperti IMF iaitu:

- (i) definisi situasi krisis yang jelas bagi membolehkan langkah pengecualian digunakan;
- (ii) mempunyai garis masa dan prosedur untuk kembali kepada norma biasa;
- (iii) mempunyai tadbir urus ataupun *governance*, dengan izin, dan kerangka yang efektif ketika tempoh langkah pengecualian diaktifkan; dan
- (iv) mempunyai strategi komunikasi yang jelas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *an unprecedented crisis will need an unconventional response*. Dalam usaha mencari penyelesaian untuk menghadapi krisis akibat COVID-19, satu akta yang mempunyai tempoh sementara perlu diperkenalkan. Ia digubal berdasarkan kepada lima kerangka utama seperti berikut:

Pertama, kerangka perundangan atau *legality*. Rang undang-undang ini telah mengambil kira semua kerangka perundangan negara yang sedang berkuat kuasa termasuklah Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, rujukan kepada kerangka negara-negara lain juga dibuat dalam memastikan undang-undang yang diperkenalkan selaras dengan praktis yang diguna pakai di peringkat antarabangsa.

Kedua, keberhasilan atau *outcome*. Kerajaan sentiasa memastikan program dan projek yang dikenal pasti dalam pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi memberikan impak langsung kepada rakyat dan ekonomi dalam tempoh segera dan jangka sederhana.

Ketiga, kemampuan atau *affordability*. Kerajaan mempunyai keupayaan untuk menguruskan komitmen kewangan tambahan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi melalui pengenalan rang undang-undang ini. Kemampuan juga diukur sejauh mana kerajaan berupaya untuk kembali mematuhi disiplin fiskal sedia ada setelah tamat tempoh kuat kuasa akta ini.

Keempat, ketelusan atau *transparency*. Kesemua dana bagi perbelanjaan berkaitan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi dimasukkan ke dalam satu kumpulan wang khas dan perbelanjaan kumpulan wang ini menjadi sebahagian daripada pengiraan defisit keseluruhan negara. Dengan izin, *it is on budget and not off budget*. Malah, semua item perbelanjaan berkaitan pakej rangsangan dan pelan pemulihan disenaraikan dengan jelas di dalam rang undang-undang ini.

Kelima, tadbir urus yang baik atau *good governance*. Akta ini memerlukan kerajaan untuk membentangkan laporan tahunan semua perbelanjaan berkaitan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi seperti yang disenaraikan. Malah, sebarang pengumuman pakej rangsangan tambahan oleh kerajaan memerlukan pindaan kepada rang undang-undang ini sekali gus bermakna ia memerlukan kelulusan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dinamakan Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 ini membenarkan kerajaan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (i) menaikkan had statutori bagi jumlah amaun wang yang boleh diperdapat di bawah Akta Pinjaman Tempatan 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 sehingga 60 peratus KDNK;
- (ii) menubuhkan suatu Kumpulan Wang COVID-19 untuk membenarkan wang yang diperdapat di bawah Akta Pinjaman Tempatan 1959 dibayar ke dalam kumpulan wang ini; dan

- (iii) membenarkan wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 digunakan dan diuntukkan bagi maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

Rang undang-undang ini mempunyai lapan fasal dan satu Jadual seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh kuat kuasa akta bermula pada 27 Februari 2020 hingga 31 Disember 2022. Kecuali bagi fasal 3, tarikh permulaan kuat kuasa akta ini adalah mulai 27 Februari 2020 selaras dengan pengumuman pertama pakej rangsangan ekonomi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan ‘Menteri’ yang bererti Menteri Kewangan.

Subfasal 3(1) bertujuan untuk menaikkan had amaun bagi pinjaman yang boleh diperdapat di bawah Akta Pinjaman Tempatan 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 sehingga 60 peratus daripada KDNK apabila dikira bersama. Kenaikan had ini adalah untuk menampung pinjaman tambahan bagi membiayai program di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi.

Pada masa kini, had yang ditetapkan adalah pada kadar 55 peratus KDNK di bawah Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima) 2009. Kenaikan had ini merupakan suatu langkah sementara dan akan kembali kepada had 55 peratus KDNK pada tahun 2023.

Subfasal 3(2) bertujuan untuk menjelaskan bahawa had amaun baharu akan berkuat kuasa mulai tarikh akta yang dicadangkan disiarkan dalam Warta hingga 31 Disember 2020. Dalam tempoh itu, had amaun yang dinyatakan di bawah P.U.(A) 241/2009 iaitu pada kadar 55 peratus KDNK adalah digantung.

Subfasal 4(1) bertujuan untuk menubuhkan Kumpulan Wang COVID-19 dan tentang memasukkan Kumpulan Wang COVID-19 ke dalam Jadual Kedua kepada Akta Tatacara Kewangan 1957.

Subfasal 4(2) bertujuan untuk membenarkan mana-mana wang yang diperdapat di bawah subseksyen 3(1) Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan subseksyen 3(1) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang COVID-19 untuk membiayai program yang dinyatakan dalam Jadual kepada akta ini.

Subfasal 5(1) bertujuan untuk memastikan bahawa Kumpulan Wang COVID-19 digunakan hanya bagi maksud program di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi yang dinyatakan dalam Jadual kepada akta ini.

Perenggan 5(2)(a) bertujuan untuk membenarkan Menteri mengehadkan apa-apa amaun yang diperuntukkan bagi maksud program di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi yang dinyatakan dalam Jadual kepada akta ini.

Perenggan 5(2)(b) bertujuan untuk membenarkan Menteri membuat pindahan peruntukan di antara program di dalam Jadual kepada akta ini jika terdapat lebihan.

#### ■1220

Subfasal 5(3) memperuntukkan bahawa Menteri bertanggungjawab memastikan penggunaan dan pengurungan wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 digunakan hanya bagi program yang dinyatakan dalam ruang satu Jadual kepada akta ini dengan mengambil kira apa-apa yang dibuat di bawah subfasal 5(2) dan tidak melebihi RM45 bilion.

Subfasal (6) bertujuan untuk mengesahkan wang yang disalurkan ke dalam Kumpulan Wang COVID-19 diperuntukkan dan dibayar kepada kumpulan wang ini mulai 27 Februari 2020 hingga tarikh pewartaan akta ini.

Fasal 7 bertujuan untuk mengehendaki Menteri menyediakan penyata terimaan dan perbelanjaan wang yang diakaunkan dalam Kumpulan Wang COVID-19 selepas berakhirnya setiap tahun kewangan dan penyata itu akan disiarkan dalam penyata kewangan Kerajaan Persekutuan tahunan.

Fasal 8 bertujuan untuk membenarkan urusan yang berhubungan dengan Kumpulan Wang COVID-19 selepas tamat tempoh akta ini.

Subfasal 8(1) bertujuan untuk mengehendaki apa-apa wang yang kena dibayar daripada Kumpulan Wang COVID-19 dibayar dalam tempoh enam bulan daripada tarikh tamat tempoh akta ini.

Subfasal 8(2) bertujuan untuk mengehendaki Menteri memindahkan sebarang baki wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan selepas semua pembayaran dibuat.

Subfasal 8(3) bertujuan untuk menjelaskan bahawa selepas baki wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan. Kumpulan Wang COVID-19 itu adalah disifatkan terbubar dan Dewan Rakyat boleh melalui suatu ketetapan memotong Kumpulan Wang COVID-19 daripada Jadual Kedua kepada Akta Tatacara Kewangan 1957.

Jadual kepada rang undang-undang memperincikan senarai program di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi berserta jumlah yang diperuntukkan bagi setiap program berkenaan dengan amaun keseluruhan berjumlah RM45 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kita yang berada di dalam Dewan yang mulia ini mungkin mempunyai pandangan dan pendapat yang pelbagai. *Insya-Allah*, dalam kita meraikan perbezaan pendapat, yang nyata hanyalah tujuan kita yang sama iaitu memastikan kebajikan rakyat terbela dan kesejahteraan negara berkekalan.

Pada hemat kerajaan, RUU yang dibentangkan ini merupakan cadangan penyelesaian dan kaedah yang terbaik bagi melaksanakan langkah pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi dengan lancar dan berkesan. Justeru, besarlah harapan kerajaan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberikan input yang membina semasa sesi perbahasan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]:** Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah sementara yang berhubungan dengan pembiayaan kerajaan untuk mengurangkan kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) dengan menaikkan had amaun bagi jumlah amaun wang yang boleh diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637].

Jumlah amaun wang yang boleh diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], untuk menubuhkan suatu Kumpulan Wang COVID-19, untuk membenarkan wang yang diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan wang yang diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dibayar ke dalam Kumpulan Wang COVID-19, untuk membenarkan wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 digunakan dan diintukukkan bagi maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum kita memulakan perbahasan, saya ingin memberikan sedikit peraturan. Saya telah menerima senarai pembahasan. Kesemuanya 31 orang tetapi saya belum terima senarai pembahasan daripada pihak BEBAS. Cuma sebelah sini [*Merujuk kepada blok kerajaan*] dan sebelah sini [*Merujuk kepada blok pembangkang*] sahaja yang saya terima. Oleh kerana ramai yang ingin berbahas, maka saya tetapkan setiap Ahli Yang Berhormat diberikan 10 minit.

Akan tetapi saya akan benarkan pembahasan utama daripada pihak sebelah sini [*Merujuk kepada blok kerajaan*] dan di sebelah sini, [*Merujuk kepada blok pembangkang*] 20 minit seorang. Di sebelah sini ialah [*Merujuk kepada blok kerajaan*] Pengerusi *backbencher* dan di sebelah sini [*Merujuk kepada blok pembangkang*] mengikut senarai ialah Yang Berhormat Permatang Pauh ataupun Yang Berhormat Bagan, 20 minit. Siapa yang hendak 20 minit, saya akan beri. 20 minit, okey.

Jadi saya mulakan perbahasan dengan menjemput Yang Berhormat Batang Lumar, 10 minit.

**Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lumar]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang pertama, panjang sedikitlah bagi COVID-19 ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** 10 minit, 10 minit.

#### **12.25 tgh.**

**Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lumar]:** [*Ketawa*] Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bersama menyokong Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 yang telah dibentangkan tadi. Terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada Yang Berhormat Batang Lumar, mengambil bahagian dalam perbahasan bagi kali ini.

Terlebih dahulu, syabas dan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, kepimpinan kerajaan terutamanya, Menteri Kanan (Keselamatan), Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan dan juga barisan hadapan serta *unsung hero*, dengan izin atau wira yang tidak didendang. Ini kerana telah berusaha dengan sehabis baik dalam membantu rakyat Malaysia berdepan dengan pandemik COVID-19 sehingga Malaysia diiktiraf sebagai antara lima buah negara terbaik di dunia dalam mengawal pandemik ini. Tahniah diucapkan.

Dengan beraninya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil keputusan yang cukup besar dan mencabar dengan memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu, selain turut melaksanakan kawalan ketat menerusi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa kawasan yang bertujuan mengekang penularan wabak dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan salam Bulan Kebangsaan 2020 sempena meraikan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada

tahun ini yang bertemakan “*Malaysia Prihatin*”. Tema pada tahun ini sememangnya sangat bertepatan dengan situasi yang dialami negara kita, malaanh dunia dalam memerangi COVID-19.

Rakyat Malaysia bukan sahaja prihatin dengan keadaan ini, malah memandang lebih jauh akan ancaman serius pandemik COVID-19. Keprihatinan ini dizahirkan bukan sahaja oleh barisan hadapan negara, malah setiap individu di dalam masyarakat perlu sama-sama menzahirkan keprihatinan ini dengan sekurang-kurangnya mengamalkan norma baharu dalam kehidupan sehari-hari kita.

Kita dalam kebimbangan di mana negara berdepan dengan kluster ‘super spreader’ atau perebak utama iaitu keadaan di mana seseorang individu berupaya menjangkiti ramai orang berikutnya kluster PUI Sivaganga, merebak dengan pantas sejak ia mula dikesan berbanding dengan kluster-kluster lain.

Oleh yang demikian, selain daripada kajian terperinci yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berikutnya penularan ini, setiap individu dalam masyarakat perlu mengambil peduli dan menunjukkan keprihatinan yang tinggi dalam menjalani kehidupan dengan norma baharu. Walaupun dalam keadaan norma baharu ini, semangat kemerdekaan, patriotisme dan nasionalisme perlu disemarakkan dengan cara tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah dalam sejarah negara yang mana kita dilanda pandemik yang sebegini serius dalam skala yang sebegini besar. Di peringkat global, lebih daripada 21 juta kes dicatatkan setakat ini yang mana lebih 700,000 kematian dicatatkan di seluruh dunia.

### ■1230

Malaysia mencatatkan kes pertamanya pada 25 Januari 2020 yang lalu. Dalam tempoh enam bulan sahaja, jumlah kes kumulatif Malaysia mencecah sebanyak 9,212 kes setakat 17 Ogos 2020. Walaupun kadar kematian kita pada paras 1.39 peratus, jika dibandingkan kadar kematian global yang mencecah peratusan yang jauh lebih tinggi, nyawa tetap terkorban akibat wabak COVID-19 ini.

Sasaran untuk mencapai zero case secara konsisten masih belum tercapai dan perlu usaha yang berlipat kali. Saya melihat RUU ini merupakan salah satu langkah yang dapat memangkinkan ke arah sasaran tersebut. Persidangan Parliment yang ditangguhkan ketika awal penularan wabak di Malaysia, sememangnya satu keputusan yang tepat yang mana ia merupakan antara langkah berjaga-jaga yang diambil dalam mengawal pandemik ini daripada merebak. Sedarlah bahawa kita semua sangat berisiko tinggi dan terdedah kepada jangkitan COVID-19 dengan mudah. Oleh itu, amalan SOP

seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan dan kerajaan haruslah dipatuhi tidak mengira status, masa dan tempat.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan dalam mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan telah memaksa sektor-sektor ekonomi kita ditutup buat seketika. Banyak perniagaan yang tidak mampu bertahan lalu terpaksa tutup kerana tidak dapat menanggung kos operasi dan tiada keuntungan, pekerja-pekerja pula hilang mata pencarian. Walau bagaimanapun, kerajaan telah bertindak pantas dengan pelan pemulihan ekonomi yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta inisiatif rangsangan secara berfasa.

Saya ingin berterima kasih kepada kerajaan kerana memperkenalkan pelan pemulihan ekonomi jangka pendek yang dikenali sebagai PENJANA untuk tempoh Jun hingga Disember ini. Pelan jangka pendek ini sekurang-kurangnya dapat membantu merangsang pertumbuhan ekonomi negara di saat dunia mengalami penguncupan ekonomi. Pelan PENJANA ini dilihat sebagai tindakan yang tepat pada masanya yang mana setiap lapisan yang terkesan telah diambil kira dan bantuan-bantuan disediakan bagi membantu mereka.

Kerajaan telah memperkenalkan 31 pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi yang mana setiap satunya mempunyai tujuan khusus untuk setiap kumpulan sasaran. Sebagai contoh bagi menangani peningkatan jumlah pengangguran, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 bilion di bawah PENJANA bagi membantu 3.3 juta orang rakyat Malaysia yang terkesan. Melalui pelan ini juga, ekonomi Malaysia dijangka terus mampan, berdaya tahan dan berdaya saing dengan inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan. Bank Dunia telah menjangkakan ekonomi Malaysia untuk bangkit semula dengan kadar pertumbuhan 6.9 peratus. Manakala IMF menjangkakan kadar 6.3 peratus dan *Fitch Ratings* pula pada kadar enam peratus pada tahun 2021.

Akan tetapi bagaimana pula pelan jangka panjang kita? Apakah pelan untuk lima tahun atau 10 tahun mendatang? Adakah bantuan kewangan ini mampu bertahan sehingga negara kembali pulih? Berapakah anggaran tempoh untuk ekonomi kita pulih seperti sedia kala? Bagaimanakah kemampuan kita untuk bertahan sehingga itu? Namun, saya yakin kerajaan mempunyai pelan yang komprehensif dalam berdepan dengan situasi ini dan meletakkan kepentingan negara serta rakyat sebagai keutamaan.

Suntikan fiskal sebanyak RM45 bilion melalui penubuhan Kumpulan Wang COVID-19 adalah bertujuan untuk melaksanakan program dan projek pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi. Ini pasti dapat membantu rakyat dalam kesusahan dan teruk terjejas akibat kesan ekonomi yang merudum.

Jika dilihat, peruntukan ini banyak membantu rakyat meneruskan kehidupan dengan bantuan keperluan makanan asas seperti menyediakan PPE dan kelengkapan bagi *frontliners*, langkah-langkah pemulihan melalui penyaluran bantuan-bantuan dari segi kewangan, program latihan, penjanaan peluang pekerjaan, moratorium bayaran pinjaman dan sebagainya membuktikan bahawa suntikan fiskal ini benar-benar digunakan untuk keperluan rakyat.

Saya amat berterima kasih apabila pakej bantuan PRIHATIN diperkenalkan kepada rakyat bagi membantu meringankan beban masyarakat. Cumanya, dari segi mekanisme penyampaian ia perlu diperhalusi dan diperincikan lagi mengambil kira akses yang terhad bagi capaian internet dan perbankan di luar bandar. Jadi, saya memohon agar Kementerian Kewangan membuat *census* atau kaji selidik mengenai status penerimaan bantuan kewangan yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat bagi mengenal pasti kumpulan-kumpulan masyarakat yang tercicir daripada menerima bantuan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dua minit ya.

**Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]:** Dua minit. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]:** Jadi, banyak yang terjejas di sini. Jadi, saya pergi sedikit— Saya menyentuh— Terima kasih kepada kebijakan kelainan upaya, sektor pelancongan juga terjejas dan harapan saya mereka akan tumbuh semula. Sekuriti makanan negara Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ke atas dana sebanyak RM1 bilion untuk jaminan makanan dan dana ini sangat membantu kepada nelayan, penternak dan juga petani kita.

Akan tetapi, sedikit Tuan Yang di-Pertua, kesihatan mental. Saya harap kesihatan mental ini dapat kita tangani bersama dan dengan kita menggunakan ramai daripada mereka yang boleh membantu kepada mereka yang terkena tekanan mental. Di mana kaunselor-kaunselor perlu kita bangunkan untuk membantu dan sedikit juga saya hendak mencapai kepada— ini sudah hendak habis Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya telah menghadiri ASEAN *Inter-Parliamentary Assembly* (AIPA) yang ke-11 di mana telah berlangsung pada 14 Ogos 2020 baru-baru ini dan tema ‘*We Heal as One*’. Saya dan Yang Berhormat Petaling Jaya berkesempatan mewakili Parlimen Malaysia dalam sidang ini yang berlangsung secara maya.

AIPA telah menjadi satu platform di mana semua negara ASEAN melahirkan komitmen mereka untuk bekerjasama dalam memerangi penularan wabak COVID-19

ini. Persepadaan langkah-langkah mengatasi semua masalah berkaitan bahaya kesihatan dan perlu dipatuhi dan dipandang serius seperti mana yang digariskan di dalam *ASEAN Socio-Cultural Community 2025*.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah dan inisiatif yang telah diambil, dijalankan malah dirangka bagi merancakkan ekonomi, melindungi rakyat dan perniagaan serta memperkuuhkan ekonomi negara akibat pandemik COVID-19 ini. Ia bukan hanya terkesan kepada rakyat Malaysia, malah populasi dunia terutama di negara membangun lebih merasai kesannya. Jika diperhatikan bahawa COVID-19 ini merupakan satu wabak penyakit, tetapi perlu diingatkan bahawa ia bukan hanya menyebar penyakit, tetapi yang turut terkesan ialah kesejahteraan mereka yang tidak dijangkiti penyakit ini.

Jadi, bolehlah saya nyatakan di sini bahawa pandemik ini memberi impak yang sangat mendalam terhadap dunia secara keseluruhannya daripada kesemua aspek kehidupan. Saya menyeru supaya kita terus bersedia daripada sudut kesihatan diri, mental, kewangan yang baik serta amalan yang lebih bersederhana bagi memastikan kelangsungan hidup lebih harmoni. Sekian, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Lutar. Silakan Yang Berhormat Bagan sebagai pembahas pertama selama 20 minit, silakan Yang Berhormat.

### **12.39 tgh.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

#### **■1240**

Saya juga ingin menyatakan bahawa sokongan secara bersyarat ke atas rang undang-undang ini. Sokongan secara bersyarat ini ialah kerana bagi pihak pembangkang, kami rasa bahawa jumlah suntikan dana adalah tidak mencukupi. Sepatutnya digandakan sebanyak RM45 bilion kepada RM90 bilion.

Sungguhpun semasa pemerintahan Pakatan Harapan sebelum ini tumpuan adalah untuk mengawal lonjakan ataupun penambahan hutang Kerajaan Persekutuan yang telah meletup ekoran skandal 1MDB dan juga skandal-skandal lain dalam pemerintahan sebelum ini di mana kita cuba mengurangkan hutang yang sedia ada, tetapi memandangkan bahawa kita menghadapi satu krisis pandemik iaitu *once in lifetime* atau ada orang sebut cakap *once in a generation*, di mana tidak pernah berlaku

di seluruh dunia, maka kita lihat keadaan ekonomi dunia global telah meleset dan kemelesetan ekonomi juga telah menjelaskan pertumbuhan Malaysia.

Apa yang amat membimbangkan, sungguh pun kemelesetan ini memang dijangka, tetapi yang amat membimbangkan ialah tahap kemelesetan ini adalah lebih teruk daripada apa yang diduga. Kalau kita lihat angka-angka yang telah dilaporkan oleh Bank Negara bahawa kemelesetan ekonomi pada suku kedua adalah sebanyak 17.1 peratus. Bukan sahaja ia paling teruk dalam sejarah Malaysia, tetapi juga paling teruk di antara semua negara ASEAN.

Kalau kita lihat untuk suku kedua, Malaysia mencatatkan penurunan ataupun pertumbuhan merudum sebanyak 17.1 peratus, berbanding dengan Indonesia 5.3 peratus, Filipina 16.5 peratus, Singapura 13.2 peratus dan yang baru diumumkan semalam oleh negara Thailand, 12.2 peratus, sungguhpun Thailand dijangka akan mencatatkan satu prestasi yang lebih teruk kerana sektor pelancongan amat terjejas.

Sektor pelancongan, Tuan Yang di-Pertua, adalah penyumbang utama untuk GDP negara Thailand, sekali ganda lebih besar daripada Malaysia. Akan tetapi, dari segi pertumbuhan ekonomi merudum atau jatuh hanya 12.2 peratus, berbanding dengan Malaysia 17.1 peratus.

Saya rasa Yang Berhormat Menteri Kewangan pun setuju bahawa Malaysia kini dalam kedudukan *technical recession*. Oleh itu, kita harus memastikan bahawa kita boleh selamatkan ekonomi dengan secepat mungkin. Ini kerana apabila kita dapat selamatkan ekonomi, maka kita boleh selamat perniagaan dan selamat pekerjaan. Ini amat perlu sekali.

Itulah sebabnya kita lihat— dan ini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sungguhpun RM45 bilion telah diperuntukkan sebagai suntikan dana, apakah status pengeluaran dana daripada tabung-tabung ini? Daripada RM45 bilion, berapa banyak telah pun dibelanjakan? Ini penting.

Kalau kita lihat secara am, untuk RM45 bilion, kira-kira adalah 4 peratus GDP, 0.1 peratus kira-kira RM1.1 bilion. RM45 bilion, kira-kira empat peratus GDP. Tambah dengan *multipling effect*, mungkin kita boleh tambah satu peratus lagi, lima hingga enam peratus ekoran daripada suntikan RM45 bilion, sekiranya ia dibelanjakan. So, dengan anggapan bahawa RM45 bilion ini telah dibelanjakan. Sekiranya tanpa suntikan RM45 bilion ini, maka penguncutan ekonomi mungkin lebih besar daripada 17.1 peratus, mungkin lebih 20 peratus.

Oleh itu, adalah amat penting bahawa kita pastikan ekonomi boleh pulih secepat mungkin. Itulah sebabnya kami ingin mencadangkan RM45 bilion tidak mencukupi, ia

harus ditambah, gandakan RM45 bilion lagi. Ya, ini akan menaikkan hutang Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi, dalam keadaan yang amat membimbangkan ini, dalam keadaan krisis ini, saya rasa lebih penting untuk kita selamatkan pekerjaan dan perniagaan daripada bimbang tentang kenaikan hutang Kerajaan Persekutuan. [Tepuk]

Itu sesuatu yang kita boleh terima, tetapi dengan syarat ia mesti disalurkan kepada rakyat. Tidak mahu diberikan kepada seorang dua. Tidak mahu diberikan kepada syarikat-syarikat gergasi sahaja. Tidak mahu diberikan kepada kroni-kroni tertentu sahaja dan pastikan bahawa tender terbuka diamalkan supaya tidak berlaku ketirisan. [Tepuk] Itu amat penting, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita dapat pastikan kesan dan impak daripada suntikan dana ini bolehlah dirasai oleh semua rakyat jelata dan tidak hanya oleh orang-orang tertentu sahaja.

Saya sebut di sini kerana saya lihat beberapa sektor yang masih belum pulih. Contohnya sektor pelancongan ataupun perhotelan. Pergilah mana-mana hotel di Kuala Lumpur, pergilah restoran-restoran mereka, sunyi sepi sungguh. Ini satu keadaan yang membimbangkan. Kita pun boleh jangka ia tidak akan bertambah baik hingga akhir tahun ini. Oleh sebab itu, sekiranya kita tidak berikan suntikan dana yang sewajarnya, macam mana kita boleh pastikan mereka boleh terus kekal atau *survive*?

Ini amat penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana bila kita lihat— contohnya bila dicadangkan bahawa moratorium pinjaman bank dilanjutkan enam bulan lagi, disebut sebagai jawapan bahawa kita rujuk kepada bank yang akan buat keputusan selepas temu bual atau perbincangan dengan pelanggan-pelanggan. Aduan yang kita terima, Tuan Yang di-Pertua, ialah ramai daripada pelanggan itu bila pergi bank, semua mendapat reaksi yang negatif, tidak positif. Itulah sebabnya sekiranya boleh, saya hendak minta lanjutkan secara automatik supaya...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Yang Berhormat Bagan, boleh?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tentu boleh, Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Bagan yang saya rasa perlu diberi perhatian.

Pertama, soal bank. Yang Berhormat Menteri Kewangan pun ada. Kerana berbeza daripada apa yang disebut moratorium dan kemudahan. Saya sebut umpamanya langkah Jerman di antara lain di mana pinjaman itu tidak memihak kepada bank tetapi memihak kepada ekonomi.

Maknanya, peranan bank itu harus membantu mempercepatkan proses, bukan menekan syarat kolateral atau memilih syarikat-syarikat yang sudah ada rekod yang baik dan besar keuntungan. Jadi maknanya, tidak membantu dari segi proses membangkit dan juga mengangkat pertumbuhan sepetimana yang diharapkan.

Kedua, yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi tentang jumlah. Kita sentiasa jaga supaya jangan peruntukan itu terlalu tinggi. Akan tetapi, ternyata dengan kemelesetan yang dihadapi oleh negara, penguncutan yang lebih rendah di antara yang paling rendah di ASEAN dan peruntukan yang sangat terbatas. Ada yang membuat unjuran— Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh sahkan— sekitar dua peratus kepada KDNK. Ini di antara yang paling rendah.

Ya, tentu kita boleh buat perkiraan hendak tambah lima, tiga. *What is being counted in statistic, you know, can be manipulated*, dengan izin. Akan tetapi, tanpa mengira itu, nyata jumlah itu rendah. Kalau kita hendak *resuscitate economy*, peruntukan itu harus lebih tinggi. Dalam keadaan sekarang, orang tidak bercakap soal defisit tetapi orang fikir soal bagaimana hendak tingkatkan semula pembangunan ekonomi.

Jadi soalan yang kedua kepada Yang Berhormat Bagan ialah yang ditekankan, apakah munasabah untuk ditambah? Kalau tidak ditambah, apakah mengikut pandangan Yang Berhormat sebagai mantan Menteri Kewangan juga, harapan untuk mengangkat semula keupayaan ekonomi kita? Jadi, dua soalan. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih daripada Yang Berhormat Port Dickson. Daripada mantan Menteri Kewangan kepada mantan Menteri Kewangan kepada Menteri Kewangan masa kini. Saya memang bersetuju bahawa kalau kita lihat untuk kita pulihkan semula atau *resuscitate the economy*, adalah perlu bahawa kita berikan suntikan. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Port Dickson, ini tidak akan memberikan kesan yang teruk kepada bank-bank.

## ■1250

Tahun 2019, bank-bank telah mencatat keuntungan sebanyak RM32 bilion dan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa untuk tempoh enam bulan ini apabila moratorium pinjaman bank dilaksanakan, kos kepada mereka adalah hanya RM6.4 bilion. Akan tetapi RM6.4 bilion telah memberikan kemudahan kepada jumlah pinjaman sebanyak RM66.6 bilion. Itu satu bantuan yang amat besar.

Sebagai bekas CEO CIMB, saya rasa Yang Berhormat Menteri Kewangan pun faham macam mana pentingnya bantuan kewangan ini kepada bukan sahaja 7.7 juta individu rakyat Malaysia tetapi juga 300,000 syarikat-syarikat SME. Sampai 8 juta yang

akan mendapat manfaat. Mengapa tidak, kita lanjutkan di mana kosnya hanya RM6.4 bilion.

Sekiranya bank tidak mahu menjalankan *corporate social responsibility*, sudah untung RM32 bilion, tidak mahu keluarkan lagi RM6.4 bilion. Saya nak minta bahawa pihak kerajaan janganlah kedekut sangat, keluarkan RM6.4 bilion yang boleh membantu 8 juta individu dan syarikat. Itu permintaan ikhlas daripada pihak kami.

Itulah sebabnya kami inginkan jumlah ini digandakan. Contohnya, kita lihat tentang SME *financing*, RM3,000 diberikan kepada 700,000 syarikat SME, sudah habis. Banyak yang minta tetapi tidak dapat. Oleh sebab itu kita perlu gandakan lagi kerana keadaan ekonomi teruk. Sekarang telah turun 17.1 peratus, tentu ada pihak yang cakap, oh! Ini akan kembali pulih tahun depan.

Akan tetapi mengapa kita kena tunggu tahun depan? Kalau tunggu tahun depan, yang mati takkan boleh hidup kembali. Dia takkan hidup kembali. Syarikat-syarikat yang tutup, ia takkan buka semula, yang hilang pekerjaan macam mana mereka hendak tahan hendak *survive*. Oleh sebab itu lebih baik, kita bantu sekarang daripada tunggu tahun depan. Itulah sebabnya kita minta—pihak kami minta, gandakan program PRIHATIN ini daripada RM45 bilion kepada RM90 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada segi kenaikan hutang sekarang dinaikkan kepada 60 peratus. Sekiranya kita gandakan RM45 bilion...

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]:** Yang Berhormat Bagan, minta laluan Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...la juga akan bantu— saya sekejap, habiskan ini. Ia juga akan membantu perkembangan ekonomi, saya yakin ia tidak akan lebih 60 peratus dari segi hutang untuk GDP. Fiskal defisit, kalau kita kira. Mengikut perkiraan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan RM45 bilion ini, fiskal defisit adalah di antara 5.8 hingga enam peratus. Kalau kita tambah RM45 bilion lagi, kira-kira sembilan peratus.

Saya rasa kita boleh tahan kerana fiskal defisit yang paling teruk dalam sejarah Malaysia adalah tahun 81-82. Di antara 15.1 peratus hingga 16.2 peratus. So, sembilan peratus bukanlah sesuatu yang amat membimbangkan dan saya yakin sungguhpun mungkin akan dapat perhatian daripada syarikat dana asing tetapi yang pentingnya, menyelamatkan pekerjaan dan perniagaan rakyat Malaysia, itu yang penting. Sila Yang Berhormat Kubang Pasu.

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Bercakap tentang soal moratorium tadi. Sudah dapat enam

bulan dicadangkan untuk ditambah lagi enam bulan. Saya ingat bercakap juga tentang *inclusivity*, saya rasa ada satu lagi kelompok dalam masyarakat kita sementara orang lain yang *bankable* yang mendapat moratorium, ada sekelompok Yang Berhormat Bagan, mereka yang membuat pinjaman skim mikro kredit, cukup-cukup mikro iaitu yang seumpama Amanah Ikhtiar dan sebagainya. Mereka ini tidak dapat moratorium seperti mana yang dikehendaki oleh SME dan juga mereka yang lain.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Bagan terhadap mereka yang membuat pinjaman mikro kredit seumpama Amanah Ikhtiar ini supaya mereka juga mendapat nikmat moratorium ini supaya yang mereka pinjam hendak bayar balik setiap minggu itu boleh mereka gunakan untuk belanja bagi keluarga dan kemudiannya terus menyuntik dalam ekonomi negara. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini saya memang bersetuju, rakan saya dan juga mantan Timbalan Menteri Kewangan. Ini kerana ia amat penting, apa yang berlaku ialah kita lihat tentang bank-bank tetapi kita tidak lihat tentang mikro kredit. Apa yang kita sebut dalam istilah ekonomi, *those let sleep between the crack*. Kita harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberikan perhatian supaya yang *sleep between the crack*, dengan izin ini boleh diberikan perhatian.

Saya memang sokong bahawa ini dilanjutkan. Bukan sahaja dilanjutkan, diperluaskan kepada mereka tetapi dilanjutkan sehingga 31 Mac tahun depan. Itu amat penting. Saya hendak memberikan satu angka di sini, ini daripada Jabatan Perangkaan di mana pada bulan April, 84 peratus daripada pekerja-pekerja di sektor swasta telah mengalami masalah pemotongan gaji. Itu Jabatan Perangkaan. Bank Negara juga melaporkan bahawa dalam sukuk kedua, gaji dalam sektor swasta telah turun 5.6 peratus berbanding tahun lepas. Sukuk pertama naik 20.1 peratus, sukuk kedua turun 5.6 peratus.

Oleh itu, adalah penting bahawa kita lanjutkan bukan sahaja moratorium tetapi juga gandakan skim ataupun pakej rangsangan ekonomi. Ini adalah sesuatu perkara yang amat penting Tuan Yang di-Pertua kerana kalau tidak...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan, boleh?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...la akan..

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan, Sepang.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Baik, nanti kena bagi sedikit masa tambahan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit, sedikit sahaja Yang Berhormat Bagan. Yang Berhormat Bagan, saya hendak minta pandangan Yang

Berhormat Bagan, kalau kita lihat dalam rang undang-undang ini untuk *threshold* dengan izin insolvensi ataupun kebankrapan dalam fasal 20 hanya meletakkan sebanyak RM100,000.

Bersetuju kah tidak dengan saya sebenarnya jumlah ini pun adalah kecil. Kalau kita lihat di Singapura, jumlah untuk personel insolvensi adalah SGD60,000 dan untuk korporat sebanyak SGD100,000 sedangkan di sini tidak ada beza, dia meletakkan satu sahaja iaitu individual bukan melibatkan korporat. Saya lihat dalam peruntukan ini tidak adapun fasal korporat. Kalau 100,000 ini terlalu kecil, terlalu rendah, kadang-kadang *interest* pun sudah boleh mencecah 100,000. Jadi, bolehkah tidak kita naikkan lagi 100,000 itu bukan 100,000. Setuju tidak?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itu kita akan bincang dalam rang undang-undang yang akan datang. Saya rasa apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat memang sesuatu yang harus diberikan perhatian. Akan tetapi di sini apabila disebut tentang Singapura, semalam Singapura pun sudah mengumumkan bagi suntikan tambahan SGD8 bilion. Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tambahan USD8 bilion. Mereka telah mengeluarkan sebelum ini 100 bilion.

So, apakah jumlah RM45 bilion tambahan kalau dibandingkan dengan jumlah yang dibelanjakan ini—so, itu sebabnya kita mampu untuk menanggungnya. Apabila kita lihat jawapan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bahawa jumlah RM45 bilion ini akan diperoleh daripada pinjaman pasaran domestik. Kalau kita lihat di dalam pasaran domestik, sekarang dana yang sedia ada adalah RM1.6 trilion. Memang dapat kecairan yang perlu untuk meminjam RM45 bilion lagi. Saya minta bahawa pinjaman ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Dibuat supaya...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Kita boleh bantu. Kalau negara-negara lain ada buat tambahan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Mengapa tidaknya, so di sini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Saya minta bahawa kita berikan perhatian yang sewajarnya. Saya sudah tidak ada masa, boleh tambah lima minit lagi. Kalau tidak, saya tidak cukup masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah lepas *lunch time* Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Lima minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang lain-lain pun...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Lima minit lagi. Saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiga minit.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** So, di sini saya ingin...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat telah lakukan di antara Januari sampai Februari untuk– COVID-19 sudah menyerang kita. Apa yang kerajaan telah lakukan Januari sampai Februari? Ini...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Saya hendak tanya, bukan hendak tanya...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Rasa Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini bukan...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Tidak faham.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan hendak...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Semasa itu...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan hendak ganggu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ... COVID-19, ya...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa Yang Berhormat telah lakukan daripada Januari...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Akan tetapi kita pun ada pakej rangsangan sebanyak...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua...

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau, sila duduk. Tidak, Yang Berhormat diberikan laluan sebenarnya. Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat tolong. Kita tidak ada masa ini, kita tidak ada masa. Teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih. So, itu masa kita telah buat pakej rangsangan RM20 bilion tetapi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order...*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Hendak buat lebih baik...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order...*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Sebenarnya tetapi ada perubahan kerajaan telah kena sekat oleh sebab...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order* untuk Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Perubahan kerajaan kepada Perikatan Nasional.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** 36(6).

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** 36(6), *point of order* untuk Yang Berhormat Jelutong. Dia kata pasar malam. Jadi sangkaan jahat...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dia buang masa saya lah Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini ialah merupakan kebodohan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua beritahu Yang Berhormat Arau, ini bukan...

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong duduk, tolong duduk!

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita beri – Yang Berhormat, tolong. Yang Berhormat Arau.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahu tadi Yang Berhormat Jelutong sebenarnya Yang Berhormat Bagan memberi laluan, jadi lantai percakapan adalah berada di tangan Yang Berhormat Arau. Boleh kita sambung sekarang? Silakan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Yang Berhormat, saya hendak..

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong dikenali di seluruh Malaysia sebagai Ahli Parlimen pasar malam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya teruskan, macam mana...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi kadar pengangguran sungguhpun telah turun kepada 4.9 peratus, kita harus mengambil kira bahawa apabila moratorium berakhir dan skim PENJANA berakhir, yang membimbangkan ialah kadar pengangguran akan naik.

Itulah sebabnya saya sekali lagi meminta dengan penuh keikhlasan bahawa sekiranya boleh dinaikkan RM45 bilion, kita akan ketepikan kepentingan politik bahawa pihak pembangkang sedia untuk sokong rang undang-undang ini 100 peratus dengan syarat ia mesti naik RM45 bilion lagi. RM45 bilion lagi, kalau boleh naik RM45 bilion tidak ada belah bahagi, kita sokong. Belah bahagi untuk sokong boleh.

Akan tetapi naik RM45 bilion. Marilah kita mencipta sejarah kerana kita muhny menyelamatkan ekonomi negara. Kita lihat dari segi...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bahaya, lebih bahaya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Penurunan pertumbuhan ekonomi serius. Tidak pernah teruk seperti sekarang. Kita kena serius dan serius bukan untuk kita tunggu bahawa oh! Keadaan akan pulih tahun depan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong, tolong.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Tidak Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong, tolong.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bahayanya ialah apabila kita tunggu sampai tahun depan. Kita tidak tahu berapa banyak yang telah pun kehilangan pekerjaan, berapa banyak perniagaan yang sudah gulung tikar, berapa banyak yang mungkin tidak boleh hidup lagi masa itu, ia sudah terlewati. Oleh sebab itu, saya sekali lagi meminta dengan tambahan RM45 bilion lagi. Bukan satu jumlah yang besar. Bukan sesuatu yang tidak mampu ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Pihak pembangkang sedia sokong rang undang-undang ini.

Tanpa RM45 bilion, kami rasa ia tidak mencukupi. Ia seperti, ‘mencurahkan air ke daun keladi’ kerana tidak cukup untuk menangani masalah penguncutan ekonomi. Sekali lagi, tambah RM45 bilion untuk selamatkan rakyat Malaysia. Saya percaya bank-bank semua mesti...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Bagi RM30 lah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tahun depan kita minta lain kalau tidak cukup. Tahun depan kita boleh minta lagi Yang Berhormat. Kita boleh minta lagi. Tidak payah.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jangan hendak umpan lah Yang Berhormat.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, bagi RM30 duit e-wallet sudahlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Sila akhirkan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi RM50, so di sini saya minta— ya kita mula sebagai permulaan, sebelum COVID-19 RM30 tetapi dengan COVID-19 RM50, saya minta tambah lagi RM50 jadi RM100.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Zaman Yang Berhormat kata hutang banyak, negara hendak bankrap.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih semua. Oleh sebab masa sudah pukul 1. Saya ingin berhentikan persidangan ini sehingga pukul 2.30 petang. Akan tetapi sebelum itu, saya ingin mengumumkan barisan pembahas seterusnya. Selepas ini pada 2.30 petang, Yang Berhormat Kinabatangan. Disusuli Yang Berhormat Permatang Pauh, kemudiannya Yang Berhormat Tanjung Karang dan disusuli pula oleh Yang Berhormat Gopeng.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tahu bila Menteri akan menggulung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh jadi Isnin.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Isnin akan gulung? Baik, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Sebab ramai pembahas. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya hendak mengucapkan selamat Awal Muharam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Assalamualaikum semua.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.04 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, kita sambung perbahasan. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Kinabatangan. Kemudian disambung oleh Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Tanjung Karang dan Yang Berhormat Batu Sapi. Masa 10 minit Yang Berhormat Kinabatangan.

**2.32 ptg.**

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Oh! Bukan 15 minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bukan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya punya hujah ini saya jangka 15 minit tetapi saya pendekkanlah. Pertama sekali, saya ingin merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kerajaan dan juga Kementerian Kewangan. Seterusnya Yang Berhormat Menteri Kewangan, sebab telah berjaya menterjemahkan satu belanjawan untuk memastikan bahawa negara kita sentiasa boleh bertahan dari segi ekonomi, dari segi berbagai-bagai akibat serangan daripada virus COVID-19.

Sebetulnya Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita ini telah mula merudum apabila Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan selama dua tahun. Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Bagan, maka di situlah bermulanya ekonomi negara kita merosot, merosot dan terus merosot. Ekoran daripada itu, Allah Maha Berkusa. Mungkin kalau dibiarkan pemerintahan itu berlaku, mungkin negara kita ini akan menjadi *bankruptcy* seperti yang diuar-uarkan. Terjelma malah satu kerajaan baharu iaitu Perikatan Nasional walaupun bukan melalui pilihan raya tetapi kita melihat bahawa kerajaan ini sebagai kerajaan alternatif untuk memastikan kehancuran itu dapat direddakan.

Ramai *netizen* di luar bertanya kepada saya, “*Dato’, bayangkan kalau Yang Berhormat Bagan lagi Menteri Kewangan, COVID-19 menyerang pada ketika ini, mungkin ramai rakyat yang mati.*”, dia kata. Oleh sebab Pakatan Harapan tidak ada hala tujunya. Mereka tidak mengurus ekonomi, mereka tidak mengurus rakyat, mereka tidak

mengurus apa-apa, yang mereka urus politik. Politik dalaman, politik luaran, yang dia masih tuduh orang rompak, curi. Akhirnya sendiri yang terperangkap disebabkan merompak juga.

Jadi, inilah masalah yang dihadapi dan Yang Berhormat Bagan tadi berbagai-bagai hujah iaitu kononnya seharusnya bantuan *direct*, secara langsung ini harus ditambah kepada RM90 bilion dan bukan RM45 bilion. Kalau kita kerajaan belanja RM45 bilion, dia kata inilah kerajaan membazir, boros tanpa memikirkan soal ekonomi masa depan negara. Ini yang berlaku.

Jadi pokoknya Tuan Yang di-Pertua, apa pun yang kita lakukan, bagi mata pembangkang semuanya tidak betul tetapi yang betul cuma mereka sahaja. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin masuk— iaitu selepas COVID-19 menyerang, sudah tentu dalam masa dua, tiga bulan bukan sahaja kita, bukan sahaja di negara-negara yang berhampiran bahkan hampir seluruh dunia seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu mengalami kemerosotan ekonomi. Lebih dahsyat lagi daripada itu, negara seperti Amerika, China dan Itali bukan sahaja ekonomi hancur, bahkan banyak nyawa yang terkorban.

Kita bersyukur kita berjaya membendung serangan virus COVID-19 ini dengan jayanya. Ini sehingga WHO dan UN memberi pengiktirafan kepada negara Malaysia antara negara keempat atau kelima.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sini sekejap. Satu soalan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini saya kenal. Kalau tadi, saya tidak kenal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Kepong.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Okey, terima kasih. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, sama ada beliau bersetuju atau tidak cadangan daripada pihak pembangkang menambahkan rang undang-undang COVID-19 ini menjadi berjumlah RM90 bilion. Yang Berhormat Kinabatangan setuju atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukan bersetuju atau tidak persoalannya. Persoalannya saya rasa Yang Berhormat Menteri Kewangan kita orang bijaksana dan dia tahu mengurus ekonomi dengan baik. Kita serahkan kepada Yang

Berhormat Menteri kita ini untuk merancang. Kalau ada keperluan, *why* RM45 bilion, kenapa tidak RM200 bilion?

Saya rasa Yang Berhormat Port Dickson pun setuju. *[Dewan riuh]* *Why* mesti RM45 bilion? Tambalah. Kalau ada duit, yang penting jangan pinjam daripada bon samurai sebab bon samurai akan memotong leher kita dengan samurainya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, sedikit sahaja Yang Berhormat Kinabatangan, beberapa saat. Saya juga ingin sebenarnya menyatakan bahawa supaya kita mengulangi sekali lagi rangsangan RM295 bilion. Amaun RM45 bilion yang diminta oleh Yang Berhormat Bagan itu terlalu sedikit. Ulang sekali lagi, RM295 yang dahulu kita sudah buat, kita buat sekali lagi. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Pontian, memang betul. Oleh sebab itu kita meletakkan Yang Berhormat Menteri Kewangan orang yang bijaksana, yang tidak suka bermain politik. Dia melihat unjuran ekonomi dunia dibandingkan dengan unjuran ekonomi yang ada di negara kita. Memang tidak dapat dinafikan negara Malaysia berhadapan dengan kemelesetan ekonomi ekoran daripada serangan virus COVID-19 ini.

Banyak syarikat yang telah '*gulung tikar*', restoran yang tutup, hotel yang bankrap. Macam-macam, gerai-gerai di kaki lima pun banyak tutup. Jadi, ini memang satu halangan,kekangan kepada kita tetapi kita harus *move on*. Kita harus ke hadapan untuk melihat. Saya yakin kerajaan mempunyai perancangan terperinci. Memang memakan masa mungkin setahun, dua tahun tetapi ini kita akan lalui. Kita kena belajar hidup dalam norma-norma baharu.

Kalau perlu, kalau kerajaan ada wang untuk dibelanjakan untuk memulihkan ekonomi negara kita, kenapa dihadkan RM45 bilion? Itu saya tidak setuju. Kalau ada, tambah. Kalau tidak ada, kita guna cara tidak ada.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sedikit.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu yang penting sebab jangan kita sampai menjual harta kita, jangan sampai kita melelong harta benda kita. Pakatan Harapan dahulu pokoknya semua dia jual. Tanah dia jual, air dia jual, rumah dia jual. Ini jual tanah air namanya. Jadi, kita tidak mahu kerajaan yang ada ini menjual tanah air.

■1440

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Menjual tanah air ini, penderhaka namanya. Apabila derhaka...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sekarang sudah boleh mencelah?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Jempol.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Adakah Yang Berhormat Kinabatangan perasan bahawa semasa Yang Berhormat Bagan menjadi Menteri Kewangan, rakyat hanya dapat RM30 iaitu e-wallet. Hari ini bercakap soal rakyat tidak cukup duit. Kenapa masa Yang Berhormat Bagan...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tipu. BSH semua ada.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Masa menjadi Menteri Kewangan dulu tidak lakukan. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebetulnya dari awal kita memang telah bantah. Kenapa bagi RM30 satu tahun? Isi minyak motosikal pun tidak sampai. Jadi inilah, ini yang berlaku. Apabila kerajaan gagal mengurus ekonomi rakyat, mana ada pernah berlaku dalam negara kita sebuah kerajaan dipilih rakyat jatuh.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sikit Yang Berhormat Kinabatangan. Kangar hendak tanya.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, ya, sila.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kangar ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya hendak tanya sebab dalam antara pengumuman yang dibuat oleh kerajaan sebelum ini adalah termasuklah bantuan untuk kesihatan daripada mySalam. Bukankah itu telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan dalam belanjawan yang lalu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sama ada dibentang oleh siapa, itu bukan persoalannya. Persoalannya, bagaimana melaksanakan belanjawan tersebut. Bermakna kerajaan yang ada pada hari ini telah melaksanakan dengan jayanya sehingga kita boleh membendung, mengurangkan penularan COVID-19, virus ini dan membendung mereka yang sakit. Rantaian COVID-19 kita cuba putuskan dan kita leraikan. Ini yang penting. Bayangkan kalau Pakatan Harapan ketika itu menjadi pemerintah. Saya rasa hari ini beribu-ribu nyawa akan mati. *[Tepuk]*

Oleh sebab itu, sekali lagi, saya bersyukur sebab kita mempunyai kerajaan walaupun dikatakan kerajaan lemah, tidak cukup angka tetapi itu tidak ada isunya. Isunya bagaimana kerajaan boleh menangani ekonomi, membantu rakyat, peniaga, usahawan dan juga memastikan bahawa kita ada *time frame*. Mungkin dalam satu tahun, dua tahun, tahun 2022, ekonomi kita akan menjana dengan lebih baik, dengan lebih matang dan pembangkang tidak terus membuat fitnah dan sebagainya. Ini penting. Biar kerajaan yang ada ini melaksanakan amanah yang diberikan ini dan kita memberi sokongan yang padu. Asalkan kerajaan berada di dalam dasar yang benar.

Tuan Yang di-Pertua, jangan bimbang. Kita terus bergerak ke hadapan untuk memastikan bahawa ekonomi negara kita terbela, rakyat terbela, petani terbela, nelayan terbela, usahawan terbela, para peniaga, tukang gerai dan sebagainya terbela. Ini yang penting kerajaan harus utamakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. *On time* 10 minit. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Gopeng. Juga 10 minit.

## 2.43 ptg.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang menjemput saya untuk terus terlibat dalam Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19)) 2020.

Akta ini untuk mengadakan peruntukan sebanyak RM45 bilion untuk menangani krisis COVID-19 yang merupakan satu krisis kesihatan awam, krisis ekonomi dan krisis sosial. Peruntukan ini termasuklah RM600 juta eluan khas untuk barisan hadapan dan RM1 bilion untuk Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, COVID-19 ini merupakan satu isu utama dalam setahun, dua tahun ini yang bukan setakat di dunia tetapi juga di Malaysia. Apa yang berlaku di seluruh dunia menunjukkan bahawa pandemik tersebut tidak akan terhenti dalam masa terdekat. Pengalaman di negara China, Jepun, Korea Selatan, New Zealand dan sebagainya juga menunjukkan jangkitan akan terus berlaku walaupun dengan usaha kawalan yang rapi.

Ini kita boleh nampak apa yang berlaku dengan kluster-kluster yang baharu di Malaysia seperti kluster Sivaganga, kluster Tawar dan sebagainya yang terus berlaku. Ini bermakna virus tersebut masih berada di kalangan komuniti dan jelas wabak COVID-19 ini akan terus berlaku di Malaysia.

Sementara kita menanti vaksin dan rawatan yang efektif, kita harap apabila kes baharu atau wabak baharu dikesan, jumlah kes tidak begitu tinggi dan jangkitan seterusnya boleh disekat melalui pengesanan kontak rapat dengan cepat dan tepat. Ini bergantung kepada respons kesihatan awam. Keupayaan kita untuk mengaktifkan ekonomi bergantung kepada keupayaan Kementerian Kesihatan mencegah wabak supaya ia tidak menjadi wabak besar-besaran. Respons kesihatan awam adalah asas untuk memulihkan ekonomi.

Walaupun aplikasi seperti *SELangkah* dan *MySejahtera* membantu untuk mengesan kontak secara fizikal tetapi ia masih memerlukan tenaga manusia khususnya petugas-petugas di kesihatan awam. Peruntukan sedia ada untuk program kesihatan awam pada tahun 2020 adalah sebanyak RM5.66 bilion dengan perjawatan 78,266.

Penjawat di kesihatan awam yang sedia ada perlu memberi perkhidmatan di lebih dari 3,000 klinik kesihatan, klinik desa, klinik komuniti serta klinik bergerak, memberi perkhidmatan untuk kesihatan keluarga, untuk kesihatan pelajar di sekolah, untuk promosi kesihatan dan untuk kawalan penyakit NCD, penyakit-penyakit berjangkit lain seperti denggi, tibi, HIV, campak, polio dan sebagainya.

Kini, dengan tambahan beban COVID-19, pasti peruntukan dan perjawatan harus ditambah. Saya cadangkan supaya peruntukan dan perjawatan untuk kesihatan awam ditambah sekurang-kurangnya 20 peratus dalam perancangan yang akan datang.

Berkenaan dengan dua kluster yang berlaku baru-baru ini khususnya kluster Sivaganga dan kluster Tawar, kedua-dua kluster ini merupakan kluster yang agak besar. Masing-masing melibatkan 45 kes pesakit dan telah ada jangkitan generasi ketiga. Untuk kluster Sivaganga, jelas berlaku kelemahan dari segi penguatkuasaan perintah kuarantin di bawah Akta 342 di mana pesakit kes zero yang pulang dari India telah diberi peluang untuk merayau di merata tempat sehingga wabak berlaku.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan mengguna pakai gelang tangan GPS untuk mereka yang diperintah kuarantin khususnya untuk mereka yang pulang dari luar negara serta kontak rapat.

Kluster Sivaganga juga memberi satu peluang keemasan untuk kita memahami bagaimana jangkitan COVID-19 itu berlaku. Ini adalah kerana kita dapat kenal pasti kes zero dengan jelas. Apabila kes zero itu berlaku, kita sebenarnya dalam keadaan jangkitan tempatan di tahap sifar khususnya di negeri Kedah masa itu.

Jadi, jelas kita tahu siapa kes zero dan kita juga tahu rangkaian jangkitan yang melibatkan 45 pesakit tersebut. Bukan setakat kita tahu rangkaian tersebut tetapi adalah penting untuk kita faham bagaimana jangkitan itu boleh berlaku, bagaimana virus itu boleh merebak daripada seorang ke seorang yang lain.

Untuk ini, saya cadangkan supaya kementerian hantar satu pasukan penyelidik khas untuk meneliti kluster Sivaganga tersebut supaya kita boleh memahami mekanisme jangkitan tersebut dengan lebih teliti dan supaya kita dapat merangka kaedah untuk pencegahan masa depan.

Untuk kluster Tawar, telah dilaporkan dalam berita bahawa terdapat empat pesakit iaitu seorang guru dan tiga orang murid di sebuah sekolah di Kulim. Jadi, adakah sekolah tersebut akan diarahkan tutup buat sementara? Ini saya pasti ramai rakyat yang ingin tahu.

Kluster Tawar juga menunjukkan bahawa sekolah merupakan tempat berisiko tinggi di mana jangkitan boleh berlaku. Walaupun risiko untuk penyakit yang serius di kalangan kanak-kanak adalah rendah tetapi mereka boleh menjadi sumber kepada jangkitan.

#### ■1450

Jadi soalan saya, adakah kerajaan bersedia untuk mewajibkan pemakaian pelitup muka di sekolah dan memberi pelitup muka boleh basuh untuk kesemua seramai 5.4 juta murid sekolah rendah, sekolah menengah dan prasekolah. Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Di Atas Titah Diraja saya telah bangkitkan isu berkenaan dengan vaksin *pneumococcal*. Sebayak RM60 juta telah diluluskan oleh Parlimen ini semasa perbahasan Belanjawan 2020 tahun lepas untuk melaksanakan program tersebut pada tahun ini.

Saya terima jawapan bertulis daripada Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa program tersebut telah dibatalkan. Akan tetapi, penjimatan sebanyak RM60 juta tersebut tidak tersenarai sama ada semasa RUU Perbekalan 2020

Tambahan mahupun dalam RUU sekarang. Jadi, apakah perancangan untuk sebanyak RM60 juta ini?

Sebelum saya mengakhiri, sekali lagi ingin saya menegaskan bahawa semasa krisis pandemik COVID-19 pilihan di hadapan. Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat dan juga Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat sentuh tentang COVID-19, yang saya tahu, Yang Berhormat Menteri Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi, dia pergi ke Turki pada 3 hingga 7 Julai tetapi pada 13 haribulan, dia datang ke Parlimen.

Jadi, kita tahu semua yang pergi ke luar negara, mereka haruslah dikuarantin selama 14 hari. Akan tetapi sekarang Yang Berhormat Menteri Kabinet sendiri tidak ikut. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa yang denda ataupun *action* haruslah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan ataupun Parlimen terhadap Yang Berhormat Menteri yang menyalahi undang-undang yang memerlukan seseorang dari luar negara untuk kuarantin ini?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Mesti saya setuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Seputeh. Sekiranya fakta itu adalah benar, tindakan yang tegas harus diambil terhadap mereka yang terlibat. Kenapa seseorang yang balik daripada Turki, yang mana seramai 250,000 pesakit COVID-19 itu berlaku dengan puluhan ribu, hampir enam ribu kematian yang berlaku di situ dan boleh dibenarkan hadir ke Parlimen yang akan membahayakan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Keseluruhan ahli yang hadir pada hari itu. Jadi...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Gopeng atas isu Peraturan ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tinggal 10 saat lagi.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Atas isu peraturan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tinggal 10 saat lagi.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya, atas isu peraturan. Kalauolah benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Seputeh tadi, ada Yang Berhormat daripada sebelah sana yang juga merupakan seorang Yang Berhormat Menteri telah keluar negara dan balik ke tanah air, bukan sahaja itu.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua hendak tahu peraturan berapa itu?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Menghadiri Sidang Parlimen.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan berapa itu?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Petua telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan berapa itu?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Di bawah Aturan 99 bahawa semua orang yang didedahkan kepada wabak COVID-19 ini harus menjalani proses SOP, kuarantin. Kenapakah perkara ini tidak dipatuhi oleh seorang Yang Berhormat Menteri? Bukan sahaja itu, mendedahkan kita semua kepada wabak COVID-19.

Adakah undang-undang ini hanya terpakai kepada rakyat sahaja bukan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana? Bolehkah Tuan Yang di-Pertua membuat satu *ruling* di atas perkara ini? Yang ini...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu jalankan tugas sama *official*, apa fasal tidak boleh? Hei!

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang ini adalah perkara yang serius. Seorang Yang Berhormat Menteri telah ke Turki *unofficial visit*, balik tanpa kuarantin ke negara kita, masuk ke Dewan Rakyat. *[Tepuk] I mean, common this is a joke?*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Macam mana *you* kata *unofficial*, tidak menjalankan tugas?

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perlادangan dan komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin buat penjelasan bagi pihak kementerian.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Undang-undang ini, adakah hanya terpakai kepada rakyat sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Willie anak Mongin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penjelasan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri- Menteri Perikatan Nasional tidak perlu ikut? *What is this? It's a joke.*

**Tuan Willie anak Mongin:** Bagi pihak kementerian.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Puncak Borneo duduk.

*[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya tidak benarkan penjelasan.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Puncak Borneo duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Akan tetapi Yang Berhormat Jelutong buat...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya Tuan Yang di-Pertua ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Buat surat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Puncak Borneo duduklah, sudahlah kamu sudah... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelutong, minta tolong tulis kepada kami dan kami akan baca.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, perkara ini harus dibuat *ruling* dengan serta-merta. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa itu *ruling*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** *Ruling* saya, buat tulis bersurat kepada Pejabat Speaker dan... *[Tidak jelas]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Seorang Yang Berhormat Menteri yang tidak mematuhi SOP kerajaan sendiri, sungguh memalukan. *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelutong saya sudah buat *ruling* saya untuk tulis surat kepada.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau jalankan tugas, apa fasal tidak boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta supaya Yang Berhormat Gopeng teruskan. Masa pun telah tamat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Saya cuma... *you know*.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Masa telah cukup.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ini menunjukkan bahawa apabila kita mengguna pakai SOP, penguatkuasaan mesti jangan *double standard*.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ha! *It must be sama rata*.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Orang biasa didenda.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Double standard la, you pun kongkalikung juga lah.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat Menteri dilepaskan jadi - tetapi untuk COVID-19 ini saya cuma hendak ulang respons kesihatan awam yang efisien dan efektif merupakan asas kepada pemulihan ekonomi. So *don't save penny for pounds. Thank You.* Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Gopeng.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Mahu jadi Yang Berhormat Menteri. [*Tidak jelas*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang, seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Tanjung Karang.

## 2. 56 tgh.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ucapan tahniah kepada kerajaan pimpinan Yang Berhormat Pagoh dan juga *frontliners* yang telah pun menjaga negara kita begitu baik dan juga tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang bijaksana yang tidak ada kepentingan politik ini saya tengok yang telah membentangkan akta, *bill* pada petang ini.

Kita bersyukur kepada Allah SWT kerana bila pandemik COVID-19 ini menyerang, kerajaan telah bertukar. Kalau agaknya, kalau Kerajaan PH memerintah, saya bersetuju dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** [*Tidak jelas*] Yang Berhormat Tanjung Karang jangan... [*Tidak jelas*]

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sebagai contoh, cukup mudah bila mula-mula dikesan COVID-19. Masa itu Yang Berhormat Menteri Pelancongan kata, apa ada masalah dan juga Yang Berhormat Langkawi.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Nanti dahulu.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Juga Yang Berhormat Langkawi.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Kita sahabat Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Dia kata apa? Bila kata pelancong dari China ini banyak sebab ia bermula daripada China.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Faham tak? Tunggu dahulu.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Ya lah, saya hendak tanya. Okey.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Faham tak tunggu? Tunggulah saya bagi.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Okey.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Duduklah.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Okey.

*[Dewan riuh]*

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Selepas itu Yang Berhormat Langkawi cakap apa? Yang Berhormat Langkawi kata apa? Pelancong dari China ada masanya meningkat sehingga sebanyak 2 juta. Kita hendak simpan di mana? Hendak letak dalam kandang lembu kah kata dia? Inilah pemikiran pimpinan Pakatan Harapan ketika itu.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Okey. Terima kasih atas pandangan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang. Cuma, bukankah Yang Berhormat Tanjong Karang sedar sebenarnya langkah sekatan kepada pelancong yang dibuat di seluruh dunia bermula pada Mac. Kebanyakan negara memulakan sekatan pada Mac selepas jatuhnya kerajaan Pakatan Harapan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bulan November pun sudah mulalah, kongkalikung.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sudah lah cukup. Oleh sebab itu saya kata.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Kongkalikung lah bulan 11 COVID-19 belum bermula.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Dalam pemikiran, sebab itu saya cakap tadi nasib baik, nasib baik.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sungai Buloh punya hospital bila mula?

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya tidak mahu diganggu. Sila Yang Berhormat Tanjung Karang teruskan. *On kan mike.*

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tanjung Karang, *switch on kan mike.*

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini saya katakan tadi contoh pemikiran daripada Ahli Parlimen PH. Orang kita mestilah...

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Fakta, fakta.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** ...kita ambil langkah-langkah yang tertentu dahulu. Nasib baik saya kata, nasib baik kita sudah tukar kerajaan kalau tidak agaknya Parlimen pun tidak boleh bersidang lagi hari ini.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey, saya hendak pergi isu yang kedua. Saya hendak ucapkan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Tanjung Karang, nasib Yang Berhormat Menteri Kewangan pun bertukar, kalau tidak mampus kita.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, saya hendak ucapkan, tidak saya hendak ucapkan tahniah...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Tanjung Karang, jiran Kuala Selangor hendak cakap.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya... Nantilah saya hendak masuk isu yang kedua.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Kalau boleh, saya minta sedikit Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak ucapkan tahniah.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Dengan izin.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sabarlah.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Topik ini Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, tak apa.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu bekas Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi kongkalikung punya.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, di sini pun saya nasib baik Yang Berhormat Menteri Kesihatan pun bertukar. Kalau Yang Berhormat Menteri Kesihatan terus... *[Tidak jelas]* Lagi teruk lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bulan November itu pandemik kongkalikung.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Baik, saya hendak beritahu, tahniah kerana kita lihat, kita ada senarai apa sebanyak 31 program yang telah disusun dan saya hanya bagi satu contoh sahaja.

Dalam kita lihat bagaimana kita hendak sokongan kepada perniagaan, ada sebanyak RM8.99 bilion subsidi upah telah pun diluluskan yang manfaatkan kepada lebih seramai 2.6 juta orang pekerja. Itu baharu satu bidang, yang bidang-bidang lain lagi hampir dekat seramai 10 juta rakyat mendapat faedah daripada kebijaksanaan Kerajaan Perikatan Nasional pada hari ini.

#### ■1500

Namun demikian saya hendak minta perhatian daripada pihak kerajaan. Pertama yang bantuan. Ya lah, kita tengok bantuan *taxis driver* pun dapat, bas pelancong dapat, *tour guide* semua pun dapat, sampai pembawa beca pun dapat. Hanya saya hendak minta tolong ini, yang bas *charter* ini, tidak ada dalam senarai. Ini kerana kita tahu bas *charter* juga mereka mengalami masalah dan mereka tidak dapat bantuan. Kedua, isu juga kena tengok, moratorium.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Boleh sikit Yang Berhormat Tanjung Karang?

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya, nanti saya bagi.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Ya.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Moratorium ini, kalau boleh kita buatlah selaraskan. Terutamanya kalau GLC ini, kita bagilah kecuali macam PNB kita bagi kecualilah. Tidak ada bayar sewa pun selama enam bulan. Saya dimaklumkan—kalau betul. Saya dimaklumkan bahawa premis kedai-kedai di lapangan terbang. Ini kita tahu di KLIA dan KLIA2 ini di bawah Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

Apakah benar bahawa tiada moratorium ataupun diskon kepada peniaga-peniaga di sana? Jadi, kalau tidak ada patutnya MAHB ini sebagai GLC kenalah bagi ruang kepada peniaga-peniaga di sana, itu sebagai contoh. Jadi, kita akui dalam kita hendak laksana ini dalam keadaan terdesak ini, mungkin ada beberapa perkara yang kita agak terlepas pandang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi bila dengar ucapan daripada Yang Berhormat Bagan, bekas Menteri Kewangan, saya rasa hendak ketawa pun ada. Kalau boleh hendak ketawa saya dah ketawa berdekah-dekah, *kah, kah, kah, kah*. Saya hendak ketawa. Ini sebab, teori yang dia bagi ini semuanya teori yang tidak betul. Sampai bila hendak menipu rakyat.

Saya ambil satu contoh yang selalu diulang sebelah sana. Oh! Dia kata apa? Dia kata ini ramai pemimpin sebelah sini dilantik sebagai GLC kerana kononnya bila lantik GLC, nanti hendak dapat elaun dan sebagainya. Saya hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua, ini saya ada salinan. Saya hendak baca ini. Janji 22, menjadikan pentadbiran semua syarikat milik kerajaan GLC setaraf dengan piawaian antarabangsa. Sebut lagi ini, Kerajaan Pakatan Harapan akan memastikan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah ke dalam GLC nasional dan negeri adalah dari kalangan golongan profesional dan bukan berdasarkan kaitan politik mereka. Ini dalam manifesto.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Tanjong Karang?

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak bagi tahu, saya hendak dedahkan. Selama 22 bulan PH memerintah kita telah pun dapat di sini. Berapa ramai ahli politik daripada sebelah sana dilantik sebagai pengurus, sebagai Ahli Lembaga Pengarah di dalam GLC? DAP sahaja seramai 12 orang. PKR seramai 11 orang. AMANAH seramai 17 orang. Seramai 40 orang yang kalah...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini memang kongkalikung punya, semua cakap tak ada.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Minta laluan.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Seramai 40 orang yang kalah bertanding pun dibagi peluang. Eh! Saya seronok ini.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Boleh bagi senarai syarikat?

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Eh! Boleh, ada.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Senarai syarikat, bagi senarai syarikat. Senarai syarikat, bagi senarai syarikat, sebutlah.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Apa ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Don't judge us based on your low standard lah. Please lah.*

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey, saya boleh sebut.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sebut, sebut.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Hendak sebut? Boleh.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sebut, sebut. Saya baru tahu dua tiga orang.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Senarai nama daripada DAP. Ini di antaranya, Pengerusi DAP, *Chairman National SECUDE of Company*. Saya boleh bagi pada Yang Berhormatlah, ini saya ada senarai ini.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Nama, nama syarikat.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Itu lembaga kah ataupun GLC?

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Nama syarikat, bagi nama syarikat.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tak, lembaga kah GLC?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak tahu baca kah? Bacalah. Apalah Yang Berhormat Tanjung Karang, ini bukan syarikat udang lah.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Agensi kerajaan kah ataupun GLC?

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** You tahu tak bezakan syarikat agensi kerajaan ataupun GLC?

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tak apa, saya bagi Yang Berhormat Arau baca.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tengok baik-baik.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sekejap, saya bagi Yang Berhormat Arau baca. Saya bagi Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau baca. Baca yang atas sahaja, baca yang DAP itu, baca.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Akan tetapi, itu bukan GLC lah Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini sebab saya ada dapat ini, saya ada senarai kat saya. Apa kata saya tipu pula?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Apakah itu agensi kerajaan ataupun GLC? Baca, baca.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bacalah.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sebab ini saya boleh bagilah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudahlah udang, eh! Udang keluarlah.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Tanjong Karang mengelirukan Dewan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya hendak baca, contoh.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Baca, baca.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Macam P. Ramlee, kaca mata ketinggalan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, dengar elok-elok. Yang Berhormat Lanang, kemudian *Chairman of Malaysian Timber Industry*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Lah ini pula yang baca, patut dia belum lagi.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Itu bukan GLC lah.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Itu agensi.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Arau, bukan GLC itu Yang Berhormat Arau.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hoi! Apalah tidak boleh bezakan agensi dengan GLC. *Come on* lah.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Jangan cabar. [*Tidak jelas*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** [*Tidak jelas*] Labuan, DAP.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Arau tipu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Agensi dengan GLC tidak tahu beza.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** PNB, Petronas.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Baik.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Kongkalikung lah, kongkalikung.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Arau, balik baca itu bukan GLC, itu badan berkanun.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Ini betul kongkalikung lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, teruskan. Yang Berhormat Tanjong Karang teruskan. Ada 30 saat lagi. Baik.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sekejap, sekejap. Saya boleh bagi. Saya sebab— Baik, saya ambil satu contohlah. Satu contoh ini, satu contoh.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Bintulu apa ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudahlah Yang Berhormat Tanjung Karang, eh! Udanglah. Otak udang diamlah!

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ahli Parlimen Klang, pengerusi Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh! Otak udang, diamlah!

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Eh! Masuk airlah.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Woi! Yang Berhormat Sepang, duduklah! Tiga suku.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Apa itu GLC dengan agensi?

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, saya bagi laluan. Tuan Yang di-Pertua bagi masa, bagi laluan. Supaya ini bukti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Yang Berhormat Tanjung Karang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan 36(12) tak dapat beza ini, mengelirukan Dewan ini. GLC dengan agensi pun tidak faham. Lagi satu hendak langgar manifesto, dia manifesto pun tak ada, hendak langgar macam mana?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *Chairman Malaysian Timber Industry Board,* ini bukan GLC ya.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Peraturan 36(12).

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, tidak apa. Saya tahu. Ahli Yang Berhormat, sekarang sesi Yang Berhormat Tanjung Karang telah habis. Saya minta rumuskan.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Bukan, bukan. Sekejap, saya hendak rumuskan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan, peraturan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak rumus apa? GLC dengan agensi pun tidak tahu. Eh! Udang diamlah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Begini, saya hendak cabar pembangkang, tolol minta saya di bawah peraturan 36(12). Kalau saya mengelirukan Dewan, tolol. Saya hendak buktikan apa yang ada pada saya.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Bukti apa Yang Berhormat Tanjong Karang? SPAN. Tadi SPAN you kata kan?

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini bukti ada.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Ini Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Ini agensi lah, bukan GLC.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ampa tak tau mana-mana.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** GLC, *government-linked company. Company*, bukan badan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Tanjong Karang...

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Tanjong Karang mengelirukan Dewan.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Ahli Yang Berhormat. Baik, Yang Berhormat Tanjong Karang. Kalau sudah selesai, saya pergi ke Yang Berhormat yang lain pula.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta *ruling* tidak?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini ialah GLC dan juga badan-badan berkanun. Sepatutnya PH jangan cerita banyaklah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta *ruling* tak? Peraturan 36(12) mengelirukan Dewan.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, keluar minumlah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tiba-tiba 41 orang terlibat dilantik menjadi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudahlah badut, diamlah!

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik Ahli Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Arau duduk.

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Ahli Yang Berhormat Tanjung Karang, masa sudah tamat saya akan pergi ke...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, saya hendak cabar sebelah sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kalau kata saya mengelirukan Dewan, tolong.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Tidak payah cabarlah, masa dah habis. Cukup, cukup

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, baik.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya boleh bagi, sebab kalau diberi masa saya boleh baca ini.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Tanjung Karang, masa dah habis dah. Bagi orang lain pula.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Tanjung Karang. Sekarang, seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Batu Sapi, 10 minit. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Padang Terap, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Sila Yang Berhormat Batu Sapi, 10 minit.

### 3.09 ptg.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah pun memberi peluang kepada Batu Sapi untuk melibatkan diri dalam perbahasan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus (COVID-19)) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 yang menyerang jutaan penduduk dunia sehingga ke hari ini memberi 1,001 pengajaran kepada kita khususnya ahli-ahli politik di negara yang kita cintai ini. Kita dapat dan lihat dan nilai sendiri perilaku para pemimpin negara khususnya Yang Berhormat daripada Pagoh dalam soal keadilan dalam urus tadbir Kerajaan Persekutuan. Secara khas menganaktirikan Kerajaan Negeri

Sabah di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shafie bin Haji Afdal serta kerajaan-kerajaan negeri di bawah Pakatan Harapan yang lain.

Jika kita imbas kembali Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mac yang lalu lima buah kerajaan negeri yang dipimpin oleh Pakatan Harapan tidak dijemput untuk menghadiri suatu mesyuarat khas berkaitan penyelarasan Perintah Kawalan Pergerakan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Pagoh.

### ■1510

Salah satu kerajaan negeri yang tidak dijemput ialah Kerajaan Negeri Sabah. Pengecualian terhadap kami rakyat negeri Sabah membuktikan bahawa Kerajaan Perikatan Nasional ini sanggup membelakangkan kebijakan rakyat Sabah hanya disebabkan perbezaan politik yang tidak sepatutnya menjadi pemisah dalam perkara-perkara yang melibatkan kesihatan dan juga keselamatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Bantuan Prihatin Nasional yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pagoh dengan peruntukan sebanyak RM11.2 bilion. Saya ingin menjelaskan bahawa ramai daripada kalangan rakyat Sabah, khususnya penganggur dan juga mereka yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM4,000 langsung tidak mendapat manfaat daripada Bantuan Prihatin Nasional ini. “*No one will be left behind*”, katanya oleh Yang Amat Berhormat Pagoh dalam pengumuman pemberian bantuan prihatin tersebut. Bagi saya, ia hanyalah satu retorik semata-mata. Realitinya, *Sabahan are left behind*.

Ramai yang tidak tahu bahawa Sabah merupakan negeri kedua tertinggi pengangguran di Malaysia pada tahun 2018 dengan kira-kira 112,000 penganggur. Ini adalah mengikut statistik yang telah pun dikeluarkan oleh *Sinar Harian* pada tahun 2018. Ketika itu, negeri Sabah dipimpin oleh seorang individu yang kini sekali lagi mengidamkan jawatan Ketua Menteri dengan membelakangkan kuasa dan hak Tuan Yang Terutama Negeri Sabah.

Biarpun kadar pengangguran di Sabah menurun selepas Warisan mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah, impak COVID-19 telah melumpuhkan semula ekonomi rakyat Sabah yang banyak kehilangan pekerjaan selepas penutupan sektor-sektor kerja berikutan PKP yang telah pun bermula pada pertengahan Mac yang lalu.

Dalam ucapan perbahasan Usul Menjunjung Kasih Yang di-Pertuan Agong, Tuan Yang di-Pertua, saya tempoh hari telah pun menyentuh berkenaan dengan kepincangan sistem semakan Bantuan Prihatin Nasional yang memerlukan rakyat menyemak status kelayakan mereka menerusi laman web khas BPN.

Ramai dari kawasan saya di Batu Sapi, Tuan Yang di-Pertua, yang mengadu kepada saya yang mereka layak untuk menerima Bantuan Prihatin Nasional sejumlah RM1,600 mengikut syarat *household income*, dengan izin, tetapi peliknya, Tuan Yang di-Pertua, setelah mereka menyemak status di laman web, mereka tidak layak dan perlu membuat permohonan rayuan yang mengambil masa yang sangat lama sebelum keputusan rayuan mereka didapati.

Masalah tersebut menjadikan pemberian PRIHATIN tidak bersifat *dedicated* kepada golongan yang berpendapatan rendah, lebih-lebih lagi di kawasan saya di Parlimen Batu Sapi. Ramai di kalangan penduduk kampung merupakan nelayan yang hanya mengharapkan tangkapan ikan sebagai sumber rezeki mereka sekeluarga.

Tambahan pula, sebilangan besar daripada penduduk di Batu Sapi pula tidak mempunyai akses internet dan ini telah menyukarkan mereka untuk menyemak status kelayakan Bantuan Prihatin Nasional mereka. Ada juga daripada kalangan mereka yang tidak mempunyai akaun bank. Juga, pemberian fasa awal pemberian Bantuan Prihatin Nasional dilaksanakan menerusi akaun bank yang didaftarkan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Saya minta perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan berhubung perkara ini dan dalam masa yang sama juga, saya minta Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia untuk melihat aspek-aspek penambahbaikan jaringan internet di kawasan-kawasan di Parlimen Batu Sapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu kecewa juga setelah diberitahu bahawa ramai mahasiswa dan mahasiswi Sabah yang menuntut di institut-institut pengajian tinggi awam dan swasta di Semenanjung gagal diuruskan kepulangan mereka oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang seolah-olah lepas tangan kepada pengurusan IPTA dan juga IPTS untuk mengendali urusan kepulangan mereka ke Sabah pada masa pandemik COVID-19 yang lalu. Hal tersebut telah menimbulkan kerisauan ibu bapa mahasiswa yang terkandas di universiti-universiti mereka yang dikhabarkan tidak terurus dari aspek makanan dan juga minum serta penempatan mereka.

Mengikut rekod penerbangan balik pelajar-pelajar Sabah, seramai 1,027 orang dari Semenanjung dan 1,147 orang dari Sarawak telah diuruskan sendiri oleh pihak Menteri Pelajaran dan Inovasi Kerajaan Negeri Sabah sebelum hari raya pada Mei yang lalu. Biarpun terdapat baki pelajar seramai 6,744...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Boleh saya habiskan dahulu, Yang Berhormat Muar? Habiskan dahulu sekejap.

Biarpun terdapat baki pelajar seramai 6,744 orang termasuk dari Semenanjung dan juga Sarawak tidak dapat dihantar pulang sebelum Aidilfitri, namun usaha serta keprihatinan Kerajaan Negeri Sabah untuk membawa pulang pelajar-pelajar Sabah ke pangkuhan keluarga mereka berjaya dilaksanakan juga dengan kira-kira 23 penerbangan yang telah pun diaturkan.

Silakan Yang Berhormat Muar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Muar.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju. Kalau kita lihat sekarang ini, kebanyakan mahasiswa-mahasiswi khususnya yang tinggal di Sabah atau Sarawak agak sukar untuk mereka kembali semula apabila ada perubahan dari segi jadual pada minit yang terakhir. Apabila mereka telah pun menempah tiket penerbangan sebelum ini ataupun telah pun menamatkan kos sewaan rumah pada minit-minit yang terakhir, tetapi kerana perubahan tarikh daripada bulan 12 dibawa awal ke bulan Oktober, agak sukar untuk mereka pulang dengan keadaan *status quo*.

Cuma, saya rasa jalan terbaik untuk membantu mereka adalah untuk kerajaan menampung sepenuhnya tiket kos penerbangan mereka pulang dari Sabah ke IPTA-IPTA ataupun IPTS-IPTS di Semenanjung. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam peruntukan tambahan ini, Kementerian Kewangan perlu mempertimbangkan supaya kos penerbangan bagi anak-anak mahasiswa-mahasiswi dari Sabah dan Sarawak ditampung sepenuhnya oleh kerajaan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Satu minit lagi.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Muar dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa saya sebagai seorang *law maker* dari negeri Sabah, saya berasa terpanggil untuk mengulas isu campur tangan Kerajaan Persekutuan dalam urusan Kerajaan Negeri Sabah, lebih-lebih lagi yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan SOP PKPP yang memerlukan pemantauan rapi serta *instant action*, dengan izin, oleh penguat-penguat kuasa di negeri Sabah.

Baru-baru ini, Menteri Kanan Keselamatan ada menyatakan hanya Kerajaan Persekutuan yang mempunyai kuasa untuk melakukan penguat kuasa terhadap pesalah-pesalah yang melanggar SOP PKPP ini. Kenyataan tersebut bersifat egoistik yang menunjukkan kesombongan Kerajaan Persekutuan dalam menangani COVID-19 ini di peringkat negeri khususnya di negeri Sabah.

Kenyataan tersebut telah menimbul kekeliruan dalam kalangan rakyat di negeri Sabah memandangkan Kerajaan Negeri Sabah juga mempunyai hak untuk bertindak sekiranya ada mana-mana pihak atau individu yang melanggar SOP yang boleh memberi mudarat dan juga risiko kepada penularan jangkitan COVID-19 ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta rumuskan, Yang Berhormat Batu Sapi.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Jadi dengan itu, saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan isu ini dan diharapkan pihak kerajaan dapat mewartakan secara jelas berkenaan dengan *equal enforcement* di peringkat negeri bagi mengelakkan kecelaruan tindakan oleh badan-badan penguat kuasa di kemudian hari nanti.

Itu sahaja ucapan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Sapi. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Padang Terap, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kota Raja. Yang Berhormat Lembah Pantai kemudian diikuti di sebelah kiri. Sila, 10 minit.

### 3.19 ptg.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pagoh dan telah diperincikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berkaitan dengan dua perkara.

#### ■1520

Apa yang semua kita tahu yang pertamanya adalah yang dinamakan PRIHATIN dan yang keduanya adalah PENJANA. Jumlahnya lebih kurang RM49 bilion dan pakej PRIHATIN dan pakej PENJANA ini adalah bagaimana untuk mengatasi masalah pandemik COVID-19 yang kita hadapi dalam negara kita. COVID-19 ini telah diurus

dengan baik oleh kerajaan terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia dan saya kira bahawa langkah-langkah yang diambil membolehkan kita semua berada dalam keadaan yang selamat.

Cumanya pematuhan kepada SOP yang telah ditetapkan kadang-kadang ada yang tidak mematuhi ataupun langsung tidak mematuhi. Jadi, ada kes-kes yang kemudiannya terbawa sampai hari ini. Tuan Yang di-Pertua, di Kedah ada kes nama Sivaganga, ada kes nama Tawar, ada kes nama Sala dan kes ini sedang merebak di negeri Kedah. Apa pun kita mengucapkan banyak terima kasih kepada semua *front liner* yang telah memberi perkhidmatan yang terbaik. Tahniah kepada semua *front liner* dalam negara kita di Malaysia.

Berbalik kepada PRIHATIN dan PENJANA, saya kira bahawa semua masyarakat, rakyat yang ada dalam negara ini telah memperoleh sumbangan ataupun pemberian yang telah disusun oleh Yang Berhormat Kementerian Kewangan.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Jerai mencelah. Jerai.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Sikit lagi saya habiskan ayat, nanti Yang Berhormat Jerai boleh masuk.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Ya.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Semua kumpulan saya dengar tadi Yang Berhormat Batu Sapi sebut mengenai dengan jumlah PRIHATIN yang tidak diperoleh oleh sebahagian daripada rakyat di negeri Sabah. Saya kira Yang Berhormat Batu Sapi yang juga bekas seorang Menteri boleh kemudiannya menghantar nama atau senarai yang dikatakan belum dapat.

Hal ini sebab saya kira bahawa ramai yang dapat dan kita tidak boleh menafikan rakyat yang dapat melalui PRIHATIN, begitu juga peniaga-peniaga yang telah dapat melalui PENJANA. Cumanya Tuan Yang di-Pertua, untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan barangkali kita tidak boleh berhenti di sini sahaja, kita tidak boleh menyatakan bahawa ini kita adalah *consider* macam *one-off* kerana kita tidak tahu bila sebenarnya pandemik COVID-19 ini akan berhenti. Kemudiannya akan boleh dikatakan selesai.

Kalau ia berterusan dan ada macam-macam lagi nama yang diberi kepada COVID-19 ini, sudah tentulah saya punyai keyakinan bahawa Kementerian Kewangan mempunyai opsyen, pilihan untuk menyatakan skim yang baharu, yang berkaitan dengan PRIHATIN ataupun PENJANA. Hal ini kerana ramai di kalangan kita yang terkesan dengan aktiviti ekonomi yang dipanggil oleh Bank Negara sebagai *potential winner and potential loser*.

*Potential loser* saya kira banyak termasuklah kakitangan dalam industri pelancongan, perhotelan dan perkhidmatan yang ramai di kalangan mereka bukan sahaja perniagaan itu yang bermasalah tetapi kakitangan ataupun pekerja-pekerja juga bermasalah dengan empat bulan yang dihadapi oleh mereka dalam pandemik COVID-19.

Keduanya adalah peniaga-peniaga kecil. Peniaga-peniaga kecil yang berada di pasar malam, di pasar sehari dan juga mereka yang mempunyai kedai-kedai kecil yang juga terkesan dengan COVID-19 yang pada saya sewajarnya mereka ini juga menerima bantuan.

Ketiganya adalah mereka yang tersenarai dalam kumpulan PRIHATIN yang sebahagian daripada mereka itu adalah daripada kumpulan yang dikenali sebagai B40. Sementara kita mengesan kumpulan B40 untuk kita tolong, saya kira di bandar ataupun di luar bandar ataupun di pedalaman, kita juga mesti melihat satu kumpulan lagi yang patut diberi pertimbangan iaitu M40.

M40 adalah kumpulan yang dari segi jumlah angka pendapatan itu lebih tinggi daripada B40 tetapi mereka juga barangkali terkesan dengan apa yang berlaku kerana M40 berada di sektor swasta dan juga di sektor kerajaan. Yang Berhormat Jerai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Jerai.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Ya saya Jerai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Padang Terap.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Yang Berhormat Padang Terap, terima kasih. Tadi disebutkan tentang tiga kluster yang terlibat di Kedah iaitu Sala, Sivaganga dan Tawar. Saya difahamkan ketiga-tiga tempat ini sudah berlaku Perintah Pergerakan Kawalan (PKP) Pentadbiran tapi tidaklah seketar mana, contohnya di Sala.

Cuma adakah Yang Berhormat bersetuju untuk kita salurkan bantuan kepada yang terkesan dengan jangkitan di kawasan berkenaan kerana ada rungutan-rungutan yang cukup ramai kerana melibatkan dua minggu yang tidak boleh dibuat secara rutin. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Hendak minta laluan sedikit Yang Berhormat Padang Terap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Padang Terap.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer al/ Rajaji [Jelutong]:** Minta ulasan berkenaan dengan bantuan M40 dan B40. Yang Berhormat bersetuju dengan saya bantuan-bantuan ini dapat kita mempertingkatkan keupayaan kerajaan kalau pembayar-pembayar cukai seperti Yang Berhormat Pekan membayar cukai yang terhutang kepada kerajaan, RM1.69 bilion minta ulasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey Yang Berhormat Jelutong. Sila Yang Berhormat Padang Terap.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Yang Berhormat Jelutong kalau dia tidak provokasi bukan Yang Berhormat Jelutong lah. Jadi bila dia bangun, mesti dia nak suruh kita jawab yang pelik-pelik. *[Ketawa]* Jadi tidak payah jawab dulu, saya jawab yang Yang Berhormat Jerai.

Yang Berhormat Jerai sebenarnya perlulah kita fokus kepada tempat-tempat yang telah menjadi terkesan dengan Sivaganga, Tawar dan juga Sala di negeri Kedah. Ini disebut sebagai tempat yang agak cepat merebaknya. Berbalik kepada PRIHATIN yang saya sebut tadi, saya menyerulah kepada Kementerian Kewangan sekiranya kita mempunyai cukup kewangan, saya bolehlah mencadangkan supaya kita lihat kembali bagaimana kita boleh membantu kepada mereka yang terjejas akibat daripada yang saya sebut yang dinyatakan oleh Bank Negara tadi sebagai *potential loser* yang sememangnya sudah ada dalam masyarakat.

Hari ini kalau ambil dari bulan tiga, Mac, April, Jun dan Julai, ini sudah Ogos maknanya sudah jadi empat bulan sebenarnya. Salah satu daripada kumpulan yang terjejas yang saya sebut tadi adalah kumpulan dalam industri pelancongan dan banyak di kalangan mereka sebenarnya sudah hilang pekerjaan. Jadi, kita mesti mempunyai cukup data dalam sektor ini untuk membolehkan kita membantu.

Begitu jugalah pelajar-pelajar ataupun mahasiswa di universiti dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta rumuskan Yang Berhormat, masa sudah hendak tamat.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Rumusan akhir daripada saya, kita ada *MySejahtera* yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan. Saya kira kalau ikut rekod lebih daripada 6.5 juta sebenarnya yang telah *key-in* data dalam sistem *MySejahtera*. Jadi, kalau itulah yang berlaku maknanya ramai sebenarnya rakyat kita yang telah berurusan melalui dengan sistem yang sedia ada dalam kerajaan.

**■1530**

Jadi, kita berharap bahawa apa juga yang kita buat ini dari segi birokrasinya tidak menyusahkan rakyat. Kita carilah apa sahaja alasan supaya tidak menyusahkan rakyat.

Kepada Yang Berhormat Sepang yang berulang kali menggunakan perkataan '*otak udang*' tadi, saya ingat itu tak tahulah bahasa apa yang boleh— eloklah Tuan Yang di-Pertua, kita tak payahlah. Yang Berhormat Sepang, saya tahu Yang Berhormat Sepang ini memang ganas juga tapi tak payahlah guna '*otak udang*', '*otak udang*'. Dari tadi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okeylah.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya *gentleman* tak apa. Kalau benda itu tak betul, saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Kota Raja, 10 minit.

### 3.30 ptg.

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kami mengucapkan tahniah kepada Ketua Pengarah Kesihatan yang bersama pasukannya dan pasukan-pasukan lain daripada barisan hadapan yang memerangi wabak COVID-19 ini. Saya nampak walaupun berlainan bahasa, kadang-kadang kasar dan lembut tetapi nampaknya hari ini ucapan Ahli Parlimen senada. Senada ingin melihat rakyat dibantu.

Semalam ketika menggulung perbahasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menunjukkan kehebatan Malaysia, pulihnya ekonomi. Terutamanya dia mendedahkan saham-saham yang melambung naik. Ya, bagi orang biasa mereka tidak faham hal saham-saham ini. Saham NKE naik, saham Hup Seng menurun, saham dibuka dalam keadaan lega, ditutup bercampur-campur. Apa dia bercampur? Apa dia lega? Bagi Mak Cik Kiah, tak faham.

**Seorang Ahli:** Betul.

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]:** Mak Cik Kiah tahu bagaimana dia hendak meneruskan hidup dalam suasana sebegini rupa. Oleh sebab itu Yang Berhormat Menteri Kewangan hari ini secara terbuka meletakkan Malaysia di landasan yang mana, ekonominya tahap mana. Saya ingat ini ada— sebabkan dia orang bank,

Yang Berhormat Menteri Kewangan bercakap melalui fakta yang sebenar. Tidaklah hendak tonjolkan bahawa pemulihan ekonomi, saham naik. Ya, saham yang bersangkut paut dengan sarung tangan, Top Glove naiklah. Akan tetapi bagaimana yang terlibat dalam *tourism*, pelancongan?

Sekarang ini kita merasa gerun bila mendengar berita bekas *pilot* AirAsia membunuh diri. Kalau benarlah berita itu, ia amat membimbangkan kita. Bila kita pergi ke *airport*, kita nampak macam *ghost town*. Bandar berhantu. Bagaimana mereka hendak bermiaga dalam keadaan orang tidak ada di *airport* kecuali di KLIA2, agak ramai sedikit di situ.

Keadaan ekonomi kita boleh rasai, bukan pakar ekonomi macam saya ini tapi kita rakyat boleh rasai. Bila kita naik *Grab*, kita tanya sebelum bawa *Grab* ini kerja apa. Dia pilot, ada yang arkitek, ada yang *engineer*. Sekarang membawa *Grab*. Ertinya keadaan ekonomi serius, bukan soal pembangkang atau kerajaan. Kita mesti memikirkan bersama soal ini. Bukan soal *blame* orang itu dan *blame* orang ini.

Kita nampak misalnya hotel-hotel lima bintang, kita kata biarlah, mereka kaya. Kalau kita masuk hotel lima bintang kosong, barangkali empunya taukenya itu boleh *survive*. Akan tetapi pekerja? Mereka merayu kepada kita, “*kami umur 45 tahun, kalau dibuang kerja hendak cari kerja baharu di mana? Umur kami telah masuk 45, 50 tahun.*” Ini rayuan-rayuan mereka yang begitu ketara sekarang ini.

Bila kita pergi ke kedai mamak agak penuh kerana di situ jualan makanannya lebih kurang antara RM10 hingga RM20. Mampulah *netizen* masuk. Oleh sebab itu dalam suasana begini, kemewahan itu janganlah ditayang sangat, macam makan di Parlimen ini seorang RM360. [*Tepuk*] Janganlah dipamer kepada rakyat sebab rakyat sekarang ini hendak makan pun dia pilih tempat. Oleh sebab itu gerai-gerai, kadangkalanya lebih banyak gerai daripada orang. Mereka yang kena buang kerja, yang kena cuti tanpa gaji. Tak ada lain yang mereka boleh mulakan perniagaan melainkan gerai-gerai kecil.

Oleh itu, ekonomi ini saya tidaklah mengatakan darurat tetapi pengakuan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi memang ada hujah-hujah yang kuat berdasarkan fakta-fakta. Kita tahu paling berat sekali mereka yang terlibat dalam hal pelancongan dan yang rantai pelancongan. Sama ada kedai makan mewah, kita kata kedai makan mewah, restoran tomyam dekat dengan Kedutaan Amerika. Biarlah tutup, itu restoran mewah. Ya, taukenya mewah tetapi pekerjanya? Kalau restoran itu ditutup lama, mereka hendak bekerja di mana?

Ini yang perlu kita fikirkan secara serius. Oleh sebab itulah pihak kami mengatakan bahawa RM55 bilion itu perlu ditambah dua kali ganda kerana ini masalah serius yang dihadapi oleh rakyat. Kita lihat negeri yang *agriculture-based* selalunya mereka agak kurang teruk, negeri yang ramai penduduk seperti China sebab mereka ada *domestic trade* yang kuat. Mereka boleh jual sama sendiri dalam negara itu.

Akan tetapi negeri yang tak berapa besar yang sederhana seperti Malaysia, pergantungan kepada negara asing itu begitu kuat. *Domestic trade* kita agak rendah, kita masih lagi mengimport pertanian, barang-barang makanan berbilion ringgit. Ertinya pergantungan kita juga bergantung kepada ekonomi luar negara. Kalau *domestic tradenya* kuat, dagangan dalamnya kuat, barangkali perkembangan ekonomi mereka tidaklah *minus* seperti China dan lain-lain negara. Negara-negara Eropah walaupun ada kesatuan mereka, mereka juga menghadapi masalah.

Oleh itu jimat cermat perlu pada masa ini. Program-program yang kita nampak boleh ditangguhkan seperti pembinaan *bridge* baharu, jambatan atau jalan baharu yang kalau ditangguhkan untuk setahun, dua tidak membawa masalah besar. Akan tetapi yang paling penting ialah penyediaan makanan, penyambungan kerja dan keadaan hidup ini mesti diutamakan sekarang ini. Saya yakin rakyat...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Kota Raja, boleh mencelah?

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]:** Ya, ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat berkait dengan masalah yang dihadapi oleh isi rumah dan juga pekedai-pekedai dan juga golongan peniaga. Satu daripada impak ataupun kesan COVID-19 ialah kehilangan kerja dan juga kerugian keuntungan yang dialami oleh pihak sektor swasta. Satu impak daripada itu ialah kegagalan ataupun tidak dapat bayar sewa.

Saya dapati di kawasan Kota Raja iaitu di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, kita dapati satu keluarga empat orang tinggal di dalam kereta untuk dua minggu sebab mereka telah diusir keluar oleh dia punya *landlord*. Mereka tidak ada tempat tinggal. So, mereka duduk empat orang, dengan isteri yang mengandung untuk dua minggu dekat sana.

Soalan saya Yang Berhormat, hendak dapat penjelasan. Adakah masa sudah sampai supaya kerajaan membentuk apa yang dipanggil dana bantuan sewa atau *rental relief fund*? Bukan sahaja untuk keluarga-keluarga yang miskin tetapi juga untuk SME-SME yang mengalami masalah untuk membayar sewa premis. Misalnya SME

Association of Malaysia melaporkan bahawa sekitar 30 peratus SME iaitu lebih kurang 300,000 hingga 400,000 *businessman* dijangka akan menutup perniagaan dalam satu tahun akan datang kerana beban kos operasi dan juga kos sewa premis yang tinggi. So, saya minta Yang Berhormat Kota Raja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Klang, masa tak cukup Yang Berhormat Klang. Boleh cepat sedikit ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** ...Beri pandangan mengenai penubuhan dana bantuan sewa untuk keharmonian sosial dan sebagainya. Adakah masa sudah sampai untuk satu *Select Committee* ditubuhkan untuk mengawasi dana RM40 bilion yang dilontarkan oleh kerajaan? Minta penjelasan

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Klang. Sila Yang Berhormat Kota Raja.

#### ■1540

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]:** Apa sahaja tabung, apa sahaja yang dibuat untuk membantu rakyat awam, kita boleh setuju. Apa yang kita tak setuju kelmarin, tambah Menteri. Itu kita tak setujulah sebab negara Malaysia ini penduduk tak banyak mana tetapi Menterinya ramai kerana nak *accommodate* orang-orang yang menyokong. Itu kita tak setuju.

Akan tetapi nak tambah peruntukan untuk rakyat, kita setuju. Bahkan kalau perlu berhutang, kita sama-sama memikulnya dan kerajaan bila pun akan membayar hutang kerajaan yang terdahulu. Jadi pandangan daripada Yang Berhormat Klang tadi saya amat bersetuju dan perlu kerajaan mengambil perhatian dalam hal ini.

Oleh sebab itu, sekali lagi saya ucap terima kasih. Saya harap semua kita dalam senada dalam hal pemulihan ini dan kurangkanlah segala bentuk belanja yang membazir sekarang ini. Pembaziran ini kalau dapat dikurangkan, kita dapat menyelamatkan wang itu untuk pergi kepada rakyat yang amat memerlukan sekarang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beaufort kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, 10 minit.

#### 3.41 ptg.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk sama-sama turut

membahaskan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan dan kepada Kementerian Kewangan, khususnya kepada Menteri Kewangan kita yang muda dan *handsome*, yang telah– *[Dewan riuh]* Kita nak legakan keadaan dalam Dewan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang muda dan *handsome*, bukan mudah. Muda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan Yang Berhormat Beaufort.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** ...yang telah berjaya untuk membawakan rang undang-undang ini bagi menyediakan peruntukan RM45 bilion untuk membantu rakyat kita dalam negara kita Malaysia yang tercinta ini dalam keadaan kita berhadapan dengan pandemik yang bukan sahaja melanda negara kita, tetapi seluruh dunia. *Alhamdulillah*, keprihatinan kerajaan terhadap rakyat dalam keadaan yang amat-amat memerlukan ini patutlah diberikan pujian dan disokong penuh. Semoga semua di dalam Dewan ini memberikan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, Bantuan Prihatin Nasional RM11.2 bilion yang difahamkan telah dapat memberikan manfaat kepada 10.77 juta penerima. Saya juga difahamkan bahawa di kalangan penerima daripada negeri Sabah ialah sebanyak 737,797 orang. Saya ingin juga mendapat tahu daripada Kementerian Kewangan dan juga kerajaan, selain daripada Bantuan Prihatin Nasional ini, berapa banyak lagi kah– saya juga ingin tahu pertamanya berapa banyak peruntukan yang telah disalurkan kepada Sabah di bawah Bantuan Prihatin Nasional ini untuk penerima yang saya sebutkan tadi? Mungkin penerima ini lebih banyak saya tidak tahu. Akan tetapi saya ingin tahu berapa banyak kewangan yang telah diturunkan untuk rakyat Malaysia yang berada di negeri Sabah?

Sesungguhnya Sabah itu adalah sebahagian daripada negara kita Malaysia. Saya yakin Kerajaan Perikatan Nasional tidak meninggalkan, tidak membiarkan dan menganaktirikan negeri Sabah. Adalah saya tidak setuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu Sapi sebentar tadi.

Saya juga ingin bertanya, berapa banyak peruntukan yang telah disalurkan untuk usahawan di seluruh negara kita? Usahawan bumiputera setakat ini tahun 2019 ialah seramai 970,000 orang di bawah *small and medium enterprises* (SME). Saya ingin tahu berapa banyak daripada jumlah ini yang telah dapat menerima bantuan daripada Geran Khas Prihatin PKS, daripada PKS mikro dan lain-lain lagi bantuan yang disediakan di

bawah Bantuan Prihatin Nasional dan juga PENJANA yang kita akan luluskan sebentar lagi ataupun pada hari Isnin nanti daripada RM45 bilion yang disediakan ini.

Saya juga ingin tahu daripada jumlah ini berapa ramai daripada negeri Sabah yang telah menerima bantuan ini? Semua yang saya sebutkan tadi. Semua yang ada tersenarai di dalam rang undang-undang ini. Berapa ramai daripada negeri Sabah yang telah mendapatkannya. Saya juga ingin tahu sebagai seorang wanita di dalam Dewan ini, saya ingin bertanya juga berapa ramai daripada kalangan penerima ini adalah terdiri daripada kaum wanita?

Ini kerana kita tahu hampir dalam kalangan 50 peratus hingga 55 peratus penduduk negara kita ini adalah terdiri daripada kaum wanita dan ramai usahawan itu adalah juga terdiri daripada kaum wanita. Mereka tentunya di antara golongan yang terkesan disebabkan oleh pandemik COVID-19 ini. Perniagaan mereka terhenti dan mereka tidak dapat melaksanakan perniagaan mereka. Maka oleh sebab itu, pendapatan mereka juga terhenti. Jadi, saya ingin tahu berapa ramai mereka ini yang telah mendapat Bantuan Prihatin Nasional dan juga PENJANA yang disediakan oleh kerajaan ini.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat, sedikit celahan. Sedikit pencelahan.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Sedikit sahaja ya.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Adakah Yang Berhormat Beaufort setuju dengan saya sekiranya kami juga bersama-sama menuntut agar kerajaan memberikan lebih peruntukan untuk wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga dan juga mangsa kepada jenayah seksual. Di sini kita lihat trend menaik keganasan rumah tangga dan jenayah seksual terhadap wanita dan kanak-kanak.

Saya rasa buat masa ini perlu dipertambah lagi peruntukan bajet untuk rumah-rumah perlindungan bagi wanita-wanita yang menjadi mangsa dan juga kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa dalam keganasan rumah tangga ini. Setuju atau tidak Yang Berhormat Beaufort? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Sila.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Ya, Terima kasih Batu Kawan. Sekiranya dapat dibuktikan dan dibuat kajian bahawa berlaku semasa pandemik ini keskes yang semakin bertambah dan keperluan kaum wanita yang teraniaya ataupun diganasi oleh sesiapa sahajalah dan kanak-kanak juga maka apa salahnya. Sesungguhnya wanita itu adalah insan yang penting di dalam dunia ini dan adalah penting di kalangan kita, maka mereka juga harus diberikan perhatian. Jadi, Menteri Kewangan kita berada di situ.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, baik. Untuk makluman Dewan, memang sah dan memang terbukti ada kenaikan peningkatan dalam jenayah keganasan rumah tangga mengikut rekod panggilan yang diterima oleh Women's Aid Organization dan juga Talian Kasih. Maka memang ada keperluan untuk kita menaikkan peruntukan terutama sekali untuk jenayah seksual kanak-kanak, wanita dan keganasan rumah tangga. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Jika mereka memerlukan bantuan, apa salahnya Tuan Yang di-Pertua. Untuk kehidupan mereka, untuk meneruskan kehidupan mereka. Ini kerana kita sayang kepada mereka dan kita sayang kepada rakyat Malaysia, apatah lagi kaum wanita itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan dan kepada kerajaan, adakah kementerian berfikiran bahawa RM45 bilion ini sudah mencukupi untuk keadaan kita semasa ini ataupun kementerian boleh juga memikirkan untuk menambah lagi sekiranya ada keperluan memandangkan kita tidak tahu bilakah pandemik COVID-19 ini akan berakhir. Doa kita kepada Allah SWT supaya ia akan berakhir, ubatnya akan ditemui. Akan tetapi kita tidak tahu.

Oleh sebab itu, mungkin banyak lagi perkara yang perlu kita lakukan untuk memastikan rakyat kita berada di dalam keadaan yang selamat dan sejahtera, *in terms of* dari segi kesihatan mereka, untuk bantuan kepada hospital, kepada *frontliners* kita juga perlu kerana kita jangan lupa. Jangan kita ingat dahulu sahaja kita ingat ucap terima kasih kepada mereka, tetapi sebenarnya mereka terus bekerja kerana masih lagi ada kes-kes yang berlaku setiap hari. Oleh itu bantuan untuk mereka mesti diteruskan.

Begitu juga untuk masyarakat kita yang di luar sana, bantuan untuk mereka mesti diteruskan kerana semua orang menyebut tadi masih lagi ada industri kita yang ditutup,

yang masih tidak ada pelanggannya, semua ini tidak dapat dielakkan oleh disebabkan oleh keadaan kesihatan, keadaan pandemik yang sedang berlangsung pada hari ini. Biarpun kita buka kedai, tetapi orang masih lagi takut untuk datang ke kedai. Takut untuk makan di restoran-restoran kerana kebimbangan nanti ada terjangkit oleh COVID-19 ini. Oleh sebab itulah bantuan kepada para peniaga pun mesti juga diteruskan.

■1550

Usaha untuk membantu upah ini supaya jangan ada para pekerja yang terpaksa dihentikan bekerja, maka mereka tidak ada pendapatan. Ini juga kerajaan mesti meneruskan usaha. Jadi saya tidak tahu, saya bukan orang bidang ekonomi tetapi mungkin RM45 bilion itu perlu lagi ditambah oleh kerajaan kita. Apa salahnya untuk rakyat kita? Kita semua menyayangi rakyat kita dan saya yakin kerajaan ini adalah kerajaan yang amat-amat prihatin. Sesuai juga dengan tema kemerdekaan kita ‘Malaysia Prihatin’.

Jadi saya juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Satu minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Satu minit lagi. /Ketawa] Okey, saya juga ingin menyatakan di sini, ingin bertanya di sini, adakah selepas pandemik ini sudah selesai *insya-Allah*, adalah negara kita boleh kembali kepada keadaan sebelum ini. Apakah unjuran daripada kerajaan kita? Adakah kita kembali lagi kepada keadaan sebelum ini dan kita kembali pada kadar 55 peratus seperti yang diunjurkan sebelum ini selaras dengan 55 peratus KDNK kita.

Adakah kita akan balik kepada keadaan itu? Dapatkah ekonomi kita ini dibangunkan semula bagi memastikan apabila pandemik ini sudah selesai, baik semuanya maka ekonomi negara kita juga akan terus maju dan rakyatnya akan dapat dimajukan lagi, pendapatan akan bertambah baik dan tentunya ekonomi juga akan bertambah baik.

Itu yang saya ingin bertanya kepada kerajaan. Terima kasih. Saya menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Terima kasih kerana *on time*. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pasir Salak, kemudian selepas itu Yang Berhormat Bangi. Sila Yang Berhormat Lembah Pantai, 10 minit.

**3.52 ptg.**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut serta untuk membahaskan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020. Saya mulakan dengan rasa sedikit kesal dengan beberapa kenyataan yang dibuat oleh beberapa Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Pekan dalam media sosial yang memberikan gambaran palsu bahawa rang undang-undang yang kita buat undian semalam adalah rang undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini.

Jadi, ini adalah satu perkara yang amat mengecewakan dan beliau telah membuat satu tuduhan terhadap Yang Berhormat Segambut. Jadi, saya rasa kesal tindakan itu berlaku, sepatutnya beliau yang hadir yang telah mendapat kebenaran daripada mahkamah untuk hadir untuk undian itu tahu dan faham apa rang undang-undang yang beliau bahas dan undi dan beliau sokong. Jadi persoalannya, dia tak hadir, dia tamatkan ataupun dia tak pergi ke mahkamah, mendapat kelulusan daripada mahkamah untuk datang ke Parlimen tetapi dia tak tahu rang undang-undang mana yang dia undi.

Jadi, ini adalah satu perkara yang agak dikesali dan agak pelik. Jadi, apa pun pada masa yang sama saya juga melihat sama seperti Yang Berhormat Bagan dan juga rakan-rakan yang lain yang telah berucap, saya juga menyatakan sokongan yang-dengan izin *qualified*. Yang Berhormat Bangi sebelum ini berkenaan dengan satu rang undang-undang yang lain berkaitan dengan COVID-19 menyatakan itu adalah dengan izin *too little too late*. Persoalan bagi kita hari ini, adakah jumlah RM45 bilion ini juga satu bentuk suntikan yang agak sedikit dan agak lewat.

Saya ingat lagi sewaktu PKP, waktu itu diumumkan subsidi upah. Pada asalnya jumlahnya yang diluluskan atau diumumkan hanya separuh daripada akhirnya apa yang digunakan. Itu berlaku selepas tekanan daripada pihak Pakatan Harapan dan saya percaya kami dari Pakatan Harapan dan juga pembangkang, tidak menolak rang undang-undang ini. Akan tetapi kita mahu melihat jumlah yang lebih besar yang dapat digunakan. Itulah sebabnya Yang Berhormat Bagan telah memohon dan saya percaya Yang Berhormat Port Dickson telah memasukkan satu usul untuk memberi pindaan meningkatkan jumlah daripada RM45 bilion ke RM90 bilion.

Saya harap rakan-rakan Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada semua pihak boleh pertimbangkan ini bila tiba masanya nanti. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, bila disebut tentang keperluan untuk meningkatkan had

pinjaman daripada 55 peratus daripada KDNK mencecah 60 peratus KDNK sehingga 31 Disember 2022. Apakah perancangan kita sekiranya menjelang 1 Januari 2023, kadar pinjaman itu lebih daripada 55 peratus, *it is reverted* dengan izin. Apakah perancangan pihak kerajaan untuk memastikan.

Kenapa tidak dikekalkan peningkatan daripada 55 peratus, meningkat ke 60 peratus dan ditetapkan satu siling yang baru dengan izin. Ini kerana kita lihat sekiranya pada waktu ini ada keperluan untuk tingkatkan, *why not just let it stay at 60 percent*. Apa rasionalnya? Semestinya bila kita sebut tentang– ada dua perkara yang saya harap jelas. Kami di pihak pembangkang tidak menolak keperluan dan kewajaran perbelanjaan yang ada di hadapan kita pada hari ini.

Akan tetapi, yang kita pertikai ataupun kita pohon sedikit penelitian adalah dari segi *quantum* dan kita tidak boleh sebut tentang *quantum* tanpa juga menyentuh atau pun menyinggung isu mekanisme. Jadi, ada yang menyatakan kerisauan sekiranya kita naikkan ke RM90 bilion katalah, adakah ini akan digunakan oleh pihak kerajaan untuk berkempen sama ada di Sabah, di Slim atau di Sarawak. Saya rasa dalam keadaan COVID-19 seharusnya ini bukan isu kepartian tetapi ini isu untuk menyelamatkan ekonomi, untuk menyelamatkan negara. Maka kita perlu dengan izin, *to rise above and look at the bigger picture*. Bukan *the scheme of things*, tetapi *the bigger picture*.

Itulah sebabnya mekanisme bila kita dengar daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membangkitkan bukan sahaja sekarang tetapi sewaktu perbaahan Titah Diraja contohnya, ada yang menyatakan syarikat-syarikat yang memohon tetapi tidak dapat. Ada syarikat-syarikat yang ada jumlah pekerja tetapi pekerja tempatannya, mereka mempunyai gaji yang lebih tinggi daripada had maksimum untuk mereka mendapat subsidi upah. Manakala pekerja-pekerja lain mempunyai gaji yang terlalu rendah atau rendah daripada itu tetapi mereka merupakan *foreign workers* dengan izin, jadi mereka tidak mendapat manfaat.

Oleh sebab itu saya mohon Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menyatakan kepada Dewan ini nanti, sehingga kini berapakah jumlah daripada RM45 bilion ini yang telah dibelanjakan. Mengikut program-program, 31 program yang telah disenaraikan dalam jadual dan apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam program-program ini oleh pemohon. Kita dengar contohnya, ada syarikat yang mohon untuk mendapat bantuan daripada bank tetapi mereka hadapi masalah. Akan tetapi mungkin contohnya saya lihat, contohnya mungkin mereka yang memohon untuk subsidi pengangkutan awam My30.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Adakah lebih daripada jumlah yang telah disenaraikan? Itulah sebabnya pada hemat kami, sekiranya ditambahkan lagi maka mungkin boleh diatasi masalah-masalah seperti itu. Kalau kita lihat, bila disebut *quantum* satu perkara, disebut mekanisme perkara yang lain. Kita tak nak satu keadaan di mana wujud dua undang-undang yang berbeza. Satu undang-undang untuk Menteri, satu undang-undang untuk marhaen, satu untuk pemerintah, satu untuk yang diperintah. Kita baca bagaimana seorang makcik yang memakai gelang merah jambu tetapi tidak duduk di rumah, akhirnya dihantar ke penjara.

Akan tetapi tadi Yang Berhormat Seputeh contohnya menyatakan ada seorang Menteri yang dikatakan telah pergi ke luar negara pada 3 hingga 7 Julai kemudian datang hadir ke Parlimen ini pada 13 Julai. Saya tidak dapat sahkan, akan tetapi kita pohon Yang Berhormat Menteri tersebut untuk memberikan penjelasan kepada Dewan ini. Adakah beliau benar pergi, adakah benar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Seputeh itu dan jika benar, kenapa beliau tidak memakai gelang warna merah jambu ataupun ada dua set yang berbeza.

Kita tengok seorang anak muda yang berdiri di satu stesen komuter yang lenggang di saman RM1,000 tetapi seorang Menteri yang hadir dalam satu program penuh orang, tak pakai pelitup separuh muka, tak dikenakan apa-apa tindakan. Jadi ini adalah hipokrasi. Ini adalah bagai ada dua darjah, dua keadaan yang sangat-sangat memilukan dan ini perlu dibetulkan.

■1600

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, boleh mencelah?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ya, ya. Silakan, Yang Berhormat Kuala Langat.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tadi Yang Berhormat Lembah Pantai kata ada seorang Yang Berhormat Menteri yang ke luar negara lepas itu datang balik dan terus masuk ke Parlimen. Takkan dia, kalau begitu pun, dia kena kuarantin selama 14 hari sebelum dia boleh datang ke Parlimen. Isu ini satu isu yang saya ingat kita kena ambil berat.

Tanggungjawab Ahli Parlimen, lagi apa dia Yang Berhormat Menteri untuk buat demikian ialah satu kesalahan besar. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Lembah

Pantai dan juga Tuan Yang di-Pertua, kita kena siasat isu ini. Adakah tidak benar isu ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak ada, saya tidak ada kuasa siasatan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** *[Ketawa]* Dia, dia – Yang Berhormat Kuala Langat, saya masukkan ucapan beliau sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Akan tetapi, kita kena ingat di sini ada Yang Berhormat Menteri yang hisap *vape* di dalam Dewan.

Jadi, kalau benar ada Yang Berhormat Menteri yang sepatutnya dikuarantin tetapi hadir, ini bukan norma biasa. Ini bukan norma baharu. *This should not be the new normal*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan saya kesal dengan perkara ini. Juga, gambar-gambar yang disebarluaskan di dalam media sosial, Yang Berhormat Menteri yang mengumpulkan. Kadang-kadang bukan seorang Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang dua atau tiga orang Yang Berhormat Menteri, berkerumun orang di keliling mereka dan tidak memakai *facemask* tetapi tidak dikenakan apa-apa tindakan.

Jadi, *please* jangan mereka yang berada di bawah ditekan, mereka yang berada di atas itu kekal di awangan dan terus boleh makan udang galah mereka. *[Ketawa]* Jadi...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Yang Berhormat Lembah Pantai...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudahlah...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, Segambut...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Takkan makan nasi pun kena pakai *facemask*, Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau sudah tidak dapat memerintah...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Makan nasi, makan nasi itu, gambar itu saya ada...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Janganlah. *[Tidak jelas]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi, sebab itu saya hendak beritahu Yang Berhormat Lembah Pantai...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Baling, diamlah. Bagi orang debat dululah. Duduklah, bising saja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Entah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** You were eating. Takkan makan nasi kena ada *facemask*. Tidak logiklah kalau hendak...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak payah berdebat dululah. Diamlah. Belajar dululah, belajar dululah.... [*Tidak jelas*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau hendak cari masalah, cari kesalahan pun...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, tidak apa. Kita sudah hendak habis masa perbahasan. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Semua orang dengki punya pasal lah, falsafah 'Ph.D' kuat.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Segambut, selepas itu saya gulung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Segambut...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mereka makan macam-macam boleh, kita makan udang galah hendak bising. Lagipun, masa *lunch*, takkan hendak tutup *facemask*. *Ridiculous*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Segambut..

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Don't be so childishlah.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Segambut, silakan.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Bising buat di mahkamah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Segambut.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi, Tuan Yang di-Pertua ada mengatakan bahawa tindakan untuk Yang Berhormat Menteri, kuasa Tuan Yang di-Pertua adalah ada had ya. Tidak ada kuasa untuk *check* mengenai Yang Berhormat Menteri yang tidak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk menyiasat saya kata.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Mengikuti SOP tadi. Saya hendak bangkitkan sama ada Tuan Yang di-Pertua boleh gunakan kuasa peraturan tetap, Peraturan Mesyuarat 100. "*Semua perkara yang tidak disyaratkan terang-terang dalam peraturan-peraturan ini dan semua perkara berkenaan dengan menjalankan peraturan-peraturan ini pada perkara satu persatunya, hendaklah diaturkan menurut cara yang tidak berlawanan dengan peraturan-peraturan ini, sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua dari satu masa ke satu masa*".

Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua gunakan kuasa untuk memperbetulkan kenyataan Yang Berhormat Pekan di luar sana yang mengelirukan semua rakyat Malaysia iaitu dua *FB posts* yang menipu mengenai perjalanan Dewan. Dewan Rakyat hari ini masih sedang membahaskan rang undang-undang berkenaan COVID-19 tetapi Yang Berhormat Pekan telah keluarkan dua kenyataan dalam *Facebook* beliau mengatakan Ahli Parlimen Pembangkang semua telah menolak bajet tersebut. Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua buat satu *ruling*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cuma boleh buat di bawah Aturan 100, saya cuma boleh buat tafsiran dan apa-apa kenyataan mengenai peraturan-peraturan mengenai *standing order*. So, apa yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di luar Dewan dan bukan mengenai peraturan, maka, saya tidak boleh membuat apa-apa keputusan mengenainya. Kan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah?

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** *But he's lying about the proceeding of this House*, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Untuk seluruh rakyat tengok. Ini tidak betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun tidak baca dan saya pun tidak tahu sama ada dia berbohong atau tidak. Akan tetapi, bukan kuasa saya untuk memperbetulkan apa-apa yang dibuat di luar Dewan dan tidak mengenai peraturan daripada *standing order*.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak saya mencadangkan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Berkaitan tadi, berkaitan dengan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sudah habis sudah. Kita sudah tidak ada masa untuk isu ini...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Berkaitan dengan Yang Berhormat Segambut tadi ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya isu ini penting.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tadi Yang Berhormat Bagan ada sebut kalau bagi RM90 bilion, mereka akan sokong. Kalau sebanyak RM45 bilion, dia tanya, “*Bila, hari mengundi bila? Hari Isnin*”. So, itu banyak tafsiran. Saya pun mentafsirkan bahawa Yang Berhormat Bagan hendak kelirukan Dewan. Kalau hendak mengundi pada hari Isnin itu, hendak menolak.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alright*, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi, saya fikir, kalau itu cara jawapan perbahasan tadi, kita boleh lihat ia adalah berat sebelah. Kalau *RM90 billion* tidak bagi, mereka akan tolak, mereka akan ‘belah bahagi’ pada hari Isnin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita bukanlah, kita tidak...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** So, saya rasa apa Yang Berhormat Pekan buat itu tidak salah.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alright*. Saya tidak tahu pun apa yang ditulisnya. Saya pun tidak baca ini. Ini pun *first time* saya dengar ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kawan saya daripada...

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Segambut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Segambut, adalah isu yang penting. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua boleh mengambil tindakan. Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh menulis surat kepada mahkamah, kenapa tidak menulis surat kepada Yang Berhormat Pekan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana itu? Kalau Tuan Yang di-Pertua apa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua pernah menulis surat kepada mahkamah bagi pihak Yang Berhormat Pekan. Bukan bagi pihak Yang Berhormat Pekan, melalui *[Tidak jelas]* isu Yang Berhormat Pekan kan? Jadi sekarang saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua boleh tidak menulis surat kepada Yang Berhormat Pekan, minta penjelasan daripada dia, adakah dia mengeluarkan kenyataan itu dan betul atau tidak? Tuan Yang di-Pertua boleh. Saya tidak ada kuasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di bawah kuasa apa sebenarnya?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini di luar Dewan lah Yang Berhormat Sepang. Awak Yang Berhormat Timbalan Menteri dululah. Undang-undang konon.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak buat [*Tidak jelas*] dulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini luar Dewan dan dalam Dewan ini pun tidak faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bagi saya, *let me explain.*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang, itu tidak ada kena-mengena dengan saya menulis surat ke mahkamah. Saya sudah cakap, saya menulis surat ke mahkamah ini sebenarnya untuk menyamatarafkan Parlimen bersama dengan kehakiman dan bersama dengan eksekutif. *[Tepuk]*

Yang Berhormat sepatutnya bergembira saya buat sedemikian. Ini kerana saya...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Betul, ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Membela...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Esok Yang Berhormat Bagan pun ada keluar surat sama juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Membela, membela hak percakapan dan kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betul, betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu lain, ini apa yang seperti mana yang saya fahamlah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai ialah Yang Berhormat Pekan telah menulis sesuatu di *Facebooknya*. Saya pun belum baca lagi. Akan tetapi, *argument hujahnya* ialah apa yang dikatakan di dalam *Facebook* itu, tidak betul, kan? Itu hujahnya. Apa kuasa saya hendak memperbetulkan apa yang Yang Berhormat buat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *You have the power* Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Power MCMC Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, you ada kuasa Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tak nak panjangkan lagi. Kita...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, ada guna kuasa sama ada hendak guna atau tidak saja..

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak ada kuasa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada kuasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana kuasa saya itu?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Siapa kata tidak ada. *You are Speaker. You ada kuasa.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana dia kuasanya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Come on dalam, okey sebut...*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Sepang, duduklah.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Duduk, duduk. *Come on lah. Don't waste the Dewan, the time.* Yang Berhormat Lembah Pantai ini kasihan dia. Masa pun sudah habis sudah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudahlah, Yang Berhormat Baling.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong. Okey, macam ini, macam ini. Yang Berhormat Sepang macam ini. Kita tidak ada masa, kita hendak– Kita ada agenda yang lebih besar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat– Dengar. Yang Berhormat...

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dengarlah dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cakap pasal peraturan tetapi Yang Berhormat tidak hendak ikut peraturan. *[Tepuk]* Apabila saya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Balik, balik Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan cakap, kalau saya bercakap...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Balik makan ubat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kena diam. Okey? *Alright.* Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, sekarang ini Tuan Yang di-Pertua tulis tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong tulis kepada saya. Tunjuk kuasa saya. Okey?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey. Tidak, nanti...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak nak sekarang sebab kita sudah tidak ada masa. COVID-19 ini perkara yang besar ya. Maaf. Tulis kepada saya dan saya janji saya akan memberi pertimbangan yang amat-amat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya akan tulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan tulis. *No problem.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sewajarnya. Ya, saya. Terima kasih. Sila akhirkan Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat-sahabat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Selama dua minit, dua minit.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Baik. Saya hendak akhiri macam ini. COVID-19 ini adalah dengan izin, *the black swan of the black swans.* Ini adalah satu perkara yang tidak pernah kita jangka akan berlaku dan telah berlaku. Persoalan bagi kita sebagai sebuah negara adalah adakah bakal berlaku lagi perkara-perkara seperti ini? Mungkin bukan dalam cara yang sama tetapi apakah kesiapsiagaan kita dan apakah keupayaan kita untuk dengan izin, *pivot* iaitu menukar hala tuju pada kadar yang pantas dan mengorientasikan ekonomi dan sebagainya?

Krisis ini menguji daya tahan komuniti kita, ekonomi kita, kerajaan kita dan negara kita. Akan tetapi, yang jelas pada hari ini dengan penganugerahan anugerah Tan Sri kepada DG atau Ketua Pengarah Kesihatan bagi saya itu satu penghormatan kepada *frontliners* kita. *[Tepuk]* Harapan saya dengan izin, *we can do justice to the people of Malaysia* dengan meningkatkan jumlah daripada RM45 bilion kepada RM90 bilion. *Insya-Allah.* Saya menyokong bersyarat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Pasir Salak untuk berucap, 10 minit Yang Berhormat.

#### 4.09 ptg.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ucap terima kasih kerana bagi peluang. Ini pihak sebelah ini, RM45 bilion hendak RM90 bilion. Ya tidak. Dia kata mungkin RM45 bilion tidak cukup. Ya?

#### ■1610

Apa sebenarnya jadi masalah? RM45 bilion sekarang yang kita minta untuk diluluskan. Tidak cukup esok, kita minta lagi, kita tambah lagi. Itu pun tidak *reti* kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa yang susah sangat? *Why that become an issue? It's not an issue.* Saya rasa Yang Berhormat Menteri Kewangan bersedia untuk menambah lagi kalau sekiranya ada keperluan. Ya tidak? Ini cuma hendak *politicking*. Tidak habis *politicking, politicking*. Perkara kecil-kecil, makan udang galah pun jadi isu. Apa benda ini? Saya dekat kampung, saya belanja hari-hari makan udang galahlah, patin lah, apalah semua. Bukan macam pembangkang, tidak *reti* hendak belanja orang. *[Ketawa]* Ya tidak?

Ini masa COVID-19 ini, hari-hari kita hantar bantuan dekat rumah. Hari-hari, beribu-ribu bungkusan makanan yang kita hantar. *A few hundred thousand a day we spent. What is the problem? We do.* Kita tidak tengok pun yang parti pembangkang ini, orang pembangkang ini. Ahli Parlimen menghantar barang-barang bantuan kepada orang-orang kampung. Yang saya jumpa dekat Bangsar sahaja lepak. Ini Yang Berhormat Lembah Pantai, itulah dianya. Lepak dekat Bangsar Shopping Centre. *[Ketawa]*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ha! Ha! Ha!

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Ketawa]* Ya. Tuan Yang di-Pertua, ini tak usah dengar cakap blok pembangkang.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Sempat, sempat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Ketawa]* Saya hendak ucap tahniah kepada kerajaan terutamanya Yang Berhormat Menteri Kewangan yang tahu dia merancang dan mengatur bagaimana untuk kita mengambil berat atas permasalahan rakyat, kebijikannya dan seterusnya yang lebih penting ialah kebangkitan semula ekonomi negara kita. Ini yang penting ya.

Jadi, kita lihat bahawa dengan mewujudkan keadaan di mana rakyat terbela dan dibela dan juga bantuan kepada peniaga-peniaga kecil dan sederhana, *insya-Allah*,

ekonomi kita akan bangkit semula. Dengan izin, *I think we are doing, you know, very well better than some other countries in the world* yang menghadapi masalah COVID-19 ini. *This is a fact. This is on record. What is there for you to dispute anymore? What is there to dispute anymore?*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita janganlah gunakan peluang ini mengeksploitasi untuk kepentingan politik sempit. Kita memikirkan kesejahteraan rakyat dan juga ekonomi negara kita.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menterilah. Ada ramai pekerja kontrak yang diambil bertugas—jururawat, kakitangan kesihatan dan sebagainya. Yang telah diambil bekerja iaitu seramai 3,000 orang pegawai lantikan kontrak telah dilantik dan sebanyak 830 jururawat diberi kontrak dua tahun bagi menambah kapasiti petugas kesihatan di 135 hospital kerajaan di seluruh negara.

Saya berharap ya, saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri untuk mempertimbangkan mereka ini diserapkan sepenuhnya selepas berakhirnya pandemik yang berlaku sekarang ini. Janganlah selepas kita dah selesai masalah ini dengan bantuan mereka, pengorbanan mereka, kita biarkan mereka begitu sahaja.

Selain daripada itu, *delivery is very important*, Tuan Yang di-Pertua. *We have a lot of money, RM45 billion, but delivery, you know, banyak bergantung kepada jabatan kerajaan, pegawai kerajaan yang menguruskannya.* Jadi, saya haraplah pihak kepimpinan di peringkat agensi, di peringkat kementerian *see to it that all the money allocated are spent and spent wisely*. Ini sangat penting kerana kita mendengar juga rungutan-rungutan yang mengatakan bahawa mereka susah hendak dapat.

Kerajaan dah peruntukkan, *already budgeted for*, tetapi masalahnya mereka menghadapi masalah birokrasi, masalah kerena itu dan ini yang menyebabkan peruntukan itu tidak turun ke bawah. Dengan itu, ia tidak memberikan impak sebagaimana yang diharapkan untuk membantu kebajikan rakyat dan juga untuk merangsang pembangunan ekonomi.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, tak nak cerita banyaklah ya. Saya rasa setakat itu pun cukuplah. Saya beri sokongan sepenuhnya kepada rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Bangi.

#### 4.15 ptg.

**Dr. Ong Kian Ming [Bangi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini untuk berbahas Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

Isu yang pertama yang saya hendak bangkitkan ialah tentang Program Subsidi Upah (PSU) yang saya rasa adalah tidak mencukupi. Berdasarkan Laporan LAKSANA Ke-15 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 4 Ogos 2020, sebanyak RM8.97 bilion telah dibayar kepada 2.6 juta pekerja dalam 311,000 majikan setakat 24 Julai 2020. Program ini juga telah dilanjutkan untuk tiga bulan berakhir bulan Disember 2020.

Akan tetapi, maklum balas yang diberikan oleh pihak majikan terutamanya pihak PKS adalah bahawa jumlah subsidi upah sebanyak RM1,200 sebulan ini untuk tiga bulan bagi syarikat dengan jumlah pekerja kurang daripada 76 orang memang tidak mencukupi. Ini menyebabkan sebahagian daripada PKS ini mengambil keputusan untuk tidak memohon program PSU tetapi membuat keputusan untuk memecat sebahagian daripada pekerja mereka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah syarikat yang didaftar di bawah SSM adalah sebanyak 1.361 juta, *1.361 million*, dengan izin, setakat 30 Jun 2020. Jumlah majikan yang berjaya memohon skim PSU hanya adalah 311,191. Ini bermakna hanya 22.3 peratus mendapat manfaat daripada program PSU. Untuk yang lain, ada kemungkinan besar mereka tidak memohon bantuan ini oleh sebab mereka tidak mampu membayar gaji ataupun upah pekerja sewaktu MCO walaupun dengan bantuan PSU.

Jadi, saya rasa mereka telah membuat penilaian ataupun *cost-benefit analysis* bahawa bantuan RM1,200 ini memang tidak cukup dan mengambil keputusan untuk tidak memohon PSU. Pada masa yang sama, ada kemungkinan yang tinggi mereka telah memecat pekerja mereka.

Saya hendak beri satu contoh yang lebih spesifik kepada industri pelancongan iaitu industri hotel dan juga penginapan. Saya telah mengkaji senarai ahli beberapa persatuan hotel termasuk *Malaysian Association of Hotel Owners* (MAHO), *Malaysian Association of Hotels* (MAH) dan juga *Malaysian Budget Hotel Association* (MyBHA). Untuk *Malaysian Association of Hotel Owners* yang mewakili *hotel chain* yang lebih besar, daripada 98 ahli, 49 ahli ataupun 50 peratus disenaraikan sebagai penerima PSU.

Untuk *Malaysian Association of Hotels*, daripada 844 ahli, hanya 174 ataupun 21 peratus disenaraikan sebagai penerima PSU. Untuk *budget hotel* ataupun MyBHA,

daripada 1,542 ahli, hanya 381 ataupun 25 peratus adalah penerima PSU. Ini dengan nyata menunjukkan bahawa skim PSU tidak membantu sebahagian besar daripada salah satu industri yang menerima kesan yang begitu buruk akibat daripada MCO ataupun PKP.

Kita boleh membandingkan Skim Subsidi Upah di negara Malaysia dan juga di negara jiran kita iaitu Singapura. Program Singapura yang dipanggil *Jobs Support Scheme* (JSS) memberi subsidi sebanyak 75 peratus daripada gaji pekerja. Pada mulanya subsidi ini diberikan untuk dua bulan semasa berlaku MCO di Singapura ataupun dipanggil *Circuit Breaker* dan selepas itu dilanjutkan sehingga bulan Ogos 2020. Jumlah subsidi yang dibayar di bawah program ini adalah SGD16 bilion dan telah memberi manfaat kepada 2 juta pekerja di sana.

#### ■1620

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah tenaga kerja di Singapura adalah hanya 25 peratus daripada jumlah tenaga kerja di Malaysia, iaitu lebih kurang seramai 3.8 juta orang pekerja di Singapura berbanding dengan 15.2 juta orang pekerja di Malaysia.

Jadi, 5.3 peratus daripada tenaga kerja di Singapura menerima subsidi upah ini berbanding dengan hanya 18 peratus di Malaysia. Akibat daripada program ini, kadar pengangguran di Singapura hanya naik sedikit daripada 3.3 peratus di suku pertama tahun ini kepada 3.9 peratus di suku kedua.

Kalau hendak buat perbandingan dengan Malaysia, kadar pengangguran di Malaysia naik sampai 5.2 peratus di bulan Julai dan menurun ke tahap 4.9 peratus di bulan Jun tahun ini. Saya juga hendak bangkitkan bahawa semalam Yang Berhormat Menteri Kewangan Singapura telah mengumumkan bahawa program subsidi upah di Singapura akan dilanjutkan sehingga bulan Mac tahun 2021 dengan kadar subsidi sebanyak 10 peratus sampai ke 75 peratus daripada upah bergantung kepada industri. Jadi, saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya skim PSU patut dilanjutkan sekurang-kurangnya sehingga bulan Mac tahun depan dan jumlah subsidi juga perlu dinaikkan berbanding dengan jumlah sedia ada.

Isu kedua yang saya hendak bangkitkan ialah tentang pemulihan program ataupun kembalikan program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020. Saya juga nak mencadangkan supaya Kementerian Kewangan memulihkan dan juga melanjutkan polisi yang telah diumumkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 yang telah diumumkan oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Langkawi pada 27 Februari tahun ini iaitu sebelum Kerajaan Perikatan Nasional mengambil alih kuasa.

Saya hendak beri satu contoh, salah satu program yang saya rasa akan memberi manfaat secara langsung ataupun *direct benefits* kepada sektor pelancongan adalah Program Baucar Digital bagi pelancongan domestik sehingga RM100 seorang untuk penerbangan domestik, kereta api dan juga penginapan di hotel berlesen.

Untuk menggalakkan lebih ramai pelancong domestik, saya cadangkan supaya jumlah ini ditambahkan kepada sekurang-kurangnya RM200 seorang. Kos asal program ini adalah RM500 juta. Jikalau digandakan kos akan ditambah ke RM1 bilion. Saya rasa program ini boleh memberi manfaat secara langsung dan lebih efektif berbanding dengan program yang diumumkan oleh Yang Berhormat Bagan iaitu PENJANA Tourism Financing yang baru dilancarkan pada bulan lalu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, program PTF ataupun PENJANA Tourism Financing ini bukanlah program geran, tetapi ia adalah program pinjaman dengan kadar bunga ataupun *interest rate* 3.5 peratus setahun. Had maksimum pinjaman adalah RM300,000 untuk PKS dan RM5,000 untuk syarikat mikro.

Akan tetapi, permohonan akan mengambil masa dan dalam masa untuk mendapatkan pinjaman ini, mungkin lebih banyak syarikat dalam sektor pelancongan terpaksa gulung tikar. Jadi, saya cadangkan kepada pihak kementerian untuk kembalikan stimulus Pakej Baucar Pelancongan ini yang saya rasa akan diterima baik oleh rakyat Malaysia untuk cuti-cutি di Malaysia dan juga diterima baik oleh sektor pelancongan.

Saya sokong RUU ini dengan syarat perbelanjaan mesti digandakan seperti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bagan dan saya rasa akan dimasukkan dalam satu usul oleh Yang Berhormat Port Dickson dan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi pertimbangan kepada cadangan-cadangan yang saya telah kemukakan untuk menambah lagi suntikan melalui pakej ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Pasir Mas.

#### 4.24 ptg.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih saya rakamkan kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 ini.

Saya mulakan dengan cadangan saya untuk supaya kerajaan dapat mengklasifikasikan semula kelas rakyat bukan setakat kepada B40 tetapi lebih kepada mendasar ke bawah. Mungkin kita boleh wujudkan kelas B20 supaya bantuan kepada rakyat ini lebih mendasar ke bawah.

Pengelasan ini penting kerana golongan B40 ini adalah terlalu besar dan bantuan yang sampai kepada rakyat yang benar-benar terkesan itu kita bimbang tidak akan sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Dalam masyarakat Melayu ataupun masyarakat Malaysia khususnya, kita melihat pengelasan ini perkara yang biasa. Sebab itu, kalau kita tengok filem Melayu, dia ada pantun yang masyhur:

*Kajang Pak Malau kajang berlipat,*

*Kajang hamba mengkuang layu...*

Sebenarnya ‘*kajang Pak Malau*’ ini ialah dimaksudkan kepada orang seperti Pak Malau itu, atapnya ialah dibuat dengan berlipat dan tersusun rapi. Manakala, kajang ataupun atap sesetengah orang itu adalah daripada mengkuang layu. Sekarang kita tak gunakan klasifikasi melalui wajah ataupun jenis atap, tetapi kita gunakan B40 ataupun M40. Jadi, saya maksudkan bahawa, kelas-kelas ini perlu untuk dikaji semua kerana kelas B40 itu saya nampak adalah sudah agak tidak praktikal dengan situasi yang ada pada hari ini kerana B40 itu jumlahnya terlalu luas.

Saya juga mencadangkan supaya bantuan rayuan peribadi ataupun pasca COVID-19 ini memperlihatkan akan ada pelbagai jenis orang yang mempunyai masalah peribadi terkesan daripada pandemik tersebut. Kemungkinan juga yang terkesan ini adalah daripada B40, M40, malah juga T20. Bantuan-bantuan seperti ini haruslah lebih tersasar kepada mereka yang memerlukan.

Begitu juga golongan ibu tunggal. Bukan setakat bersifat *one-off* RM300 Malaysia menerusi PENJANA, tetapi lebih daripada itu mereka perlu diberikan perhatian kerana golongan ibu tunggal ini adalah merupakan golongan yang sangat-sangat terkesan akibat mereka terpaksa untuk hendak menanggung keluarga mereka seorang diri tanpa bantuan daripada suami yang sepatutnya menjadi tonggak dalam keluarga mereka.

Begitu juga golongan mahasiswa. Apakah pakej ataupun rancangan kerajaan yang merangsang, galakkan memulakan peniagaan maya daripada KPT supaya mahasiswa yang *grade* daripada universiti setiap tahun yang telah saya sebutkan dalam ucapan saya pada minggu lepas— bahawa setiap tahun akan ada lebih kurang seramai 200,000 ke 300,000 orang mahasiswa yang akan bergraduasi dalam *first degree*. Mereka ini masuk ke dalam pasaran kerja dalam keadaan pasaran kerja telah pun penuh dengan penjawat-penjawatnya, bahkan ada yang terpaksa diberhentikan setiap tahun.

Ke manakah mahasiswa ini dapat menceburkan diri mereka? Dalam keadaan suasana kerja pun sudah penuh dengan penjawatnya, penjawat awam pun sudah dipenuhi dengan jawatan-jawatan yang tidak boleh dimasuki oleh mereka yang *fresh graduate*. Jadi, tidak ada cara lain melainkan mereka perlu untuk memulakan perniagaan.

Bantuan kepada mahasiswa yang boleh memulakan perniagaan ini khususnya dalam gig ekonomi sebagai contoh hendak diperkasakan lagi. Insentif untuk pelajar sekolah bantuan makanan kanak-kanak keluarga B40 di sekolah. Rata-rata pelajar berkeluarga B40 juga terkesan hasil daripada pandemik ini. Saya cadangkan supaya kerajaan dapat memberikan insentif perbelanjaan, kupon bagi membantu pelajar meringankan kos isi rumah keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan cadangan supaya diwujudkan akta baharu iaitu Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 ini, di mana akta ini akan memberikan pelepasan sementara kepada atas pematuhan P.U.(A) 242/2009 Akta Pinjaman Tempatan.

Saya ucap terima kasih di atas langkah kerajaan perkenalkan moratorium. Namun dalam masa yang sama, saya berharap agar ia juga dapat melibatkan hal ehwal perjanjian dengan kerajaan. Kita dimaklumkan setakat ini, hal ehwal perjanjian dengan kerajaan tidak termasuk di dalam moratorium ini. Maka sebab itulah ada yang terpaksa terus bayar pinjaman LPSSA dalam keadaan pinjaman-pinjaman dengan bank dan sebagainya mereka diberikan pelepasan atas alasan gaji mereka terus berjalan.

Akan tetapi, kita perlu ingat walaupun gaji mereka berjalan tetapi di dalam masa yang sama sekiranya mereka punya pasangan yang tidak bekerja dengan kerajaan, ia sekali gus tidak meringankan beban ditanggung oleh keluarga yakni dalam erti kata lain, poket keluarga itu atau wang boleh belanja yang ada dalam keluarga mereka itu masih tidak mempunyai tambahan yang meningkat hasil daripada moratorium ini. Itu juga menjadi alasan.

Sebagai contoh ada orang yang memiliki kedai, ataupun memiliki rumah sewa dan sebagainya, disewakan kepada penyewa-penyeewa, mereka memberikan alasan sewa ini perlu dibayar kerana rumah ini dibeli hasil daripada pembiayaan LPSSA.

#### ■1630

Ia menjadi alasan. Ini menjadikan implikasinya penyewa-penyeewa rumah, penyewa-penyeewa kedai terpaksa terus membayar kerana tuan punya atau owner kepada bangunan itu memberikan alasan ia dibiayai dengan pinjaman LPSSA. Saya cadangkan supaya kerajaan dapat memikirkan balik supaya pinjaman menerusi LPSSA

ini juga diberikan pelepasan moratorium dan selama dua, tiga bulan ini, kalaularah boleh diberikan timbal balik ataupun diberikan semula kredit kepada pembeli ataupun penyewa ataupun peminjam-peminjam ini, itu lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya isu pelancongan dan penerbangan yang sangat-sangat terkesan. Adakah boleh kerajaan membuat pertimbangan untuk memberikan sedikit geran dan imbuhan galakan kepada rakyat yang menggunakan perkhidmatan kapal terbang?

Supaya ini memberikan galakan syarikat-syarikat penerbangan yang ada di dalam negara kita terpaksa memotong operasi mereka yang mengakibatkan pekerja-pekerja dibuang ataupun terpaksa mengambil skim VSS dan sebagainya. Itulah yang menjadikan di antara lain faktor seorang *pilot* membunuh diri akibat daripada terpaksa dibuang kerja dan akhirnya terpaksa menjalani kehidupan yang berbeza dengan kehidupan sebelum daripada ini. Syarikat-syarikat penerbangan ini perlu untuk dibantu dengan kerajaan berfikir bagi memberikan galakan kepada rakyat untuk menggunakan perkhidmatan kapal terbang.

Begitu juga dengan PRIHATIN SME Geran. Saya merujuk kepada senarai program yang dikemukakan dalam Jadual. Kerajaan telah peruntukan sebanyak wang RM2 bilion bagi bantuan geran *micro, small and medium enterprise* ketika berlakunya COVID-19 ini. Bantuan ini telah pun diagihkan ke dalam bentuk kewangan bersifat *one-off* sebanyak RM3,000 bagi satu syarikat. Sebanyak 700,000 syarikat telah pun dianggarkan mendapat bantuan tersebut.

Namun begitu, menjadi satu persoalan adakah benar sejumlah RM3,000 yang bersifat *one-off* ini cukup bagi sebuah syarikat bersifat SME. Perlulah difahami bahawa syarikat-syarikat *small and medium enterprise* dengan izin, bagi sektor servis didefinisikan sebagai syarikat yang mempunyai hasil jualan RM300,000 ke RM15 juta. Medium *enterprise* sektor servis didefinisikan sebagai syarikat yang mempunyai hasil jualan dari RM15 juta ke RM50 juta dengan *staff* tidak lebih daripada 200 orang.

Jadi, syarikat ini ketika berlakunya PKP bukanlah sekadar mengalami kerugian bersifat empat digit tetapi mungkin mempunyai kerugian lebih daripada lima digit dan pekerja mereka juga melibatkan berpuluhan-puluhan pekerja. Maka, adalah lebih baik jika berlakunya keadaan sebegini kerajaan dapat memberikan bantuan yang sesuai bagi syarikat-syarikat mikro dan SME berbanding dengan hanya memberikan sejumlah RM3,000 sahaja.

Saya juga menggesa kerajaan supaya dapat memberikan penjelasan supaya rakyat dapat menerima dan berpuas hati dengan langkah kerajaan yang menaikkan had

statutori pinjaman. Ini kerana jika tidak dikawal dengan baik isu ini boleh digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk menampal tuduhan yang tidak baik kepada kerajaan. Persepsi yang tidak bagus kepada kerajaan.

Hari ini pun kita tengok macam mana. Kerajaan seolah-olah dimomokkan dengan tuduhan memberikan suapan kepada Ahli-ahli Parlimen kerajaan dengan lantikan GLC dan sebagainya. Ini satu tuduhan yang saya kira adalah tidak tepat ataupun tidak wajar untuk dijadikan sebagai suatu momokkan. Ini kerana sebelum ini pun Kerajaan Pakatan Harapan, mereka melantik penjawat-penjawat politik di dalam GLC dan juga agensi-agensi kerajaan. Itu tidak menjadi masalah pun. Ini kerana lantikan-lantikan ini adalah untuk memastikan dasar-dasar kerajaan dapat diterjemahkan di dalam agensi-agensi kerajaan tersebut. Sebagai contoh dahulu:

- (i) Yang Berhormat Langkawi dilantik sebagai Pengerusi pada Khazanah;
- (ii) Yang Berhormat daripada Lanang dilantik sebagai Pengerusi kepada NIOSH;
- (iii) Yang Berhormat daripada Bentong dilantik sebagai Pengerusi *Malaysian Timber Industry Board*;
- (iv) Yang Berhormat daripada Klang dilantik sebagai Pengerusi SPAN;
- (v) Yang Berhormat daripada Ipoh Timur dilantik sebagai Pengerusi *Sustainable Energy Development Authority (SEDA)*;
- (vi) Yang Berhormat daripada Kota Kinabalu dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pelabuhan Labuan;
- (vii) Yang Berhormat daripada ADUN daripada Padungan dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP);
- (viii) Yang Berhormat daripada ADUN Sri Kembangan dilantik sebagai...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapat pencelahan? Ini semua GLC kah atau agensi kerajaan?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya tidak kata GLC. Saya kata GLC dan juga agensi-agensi kerajaan. Senarai belum habis lagi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu bukan isunya. *[Sistem pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Mas hendak bagi laluan?

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hal GLC jangan cakaplah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kita kata jangan panggil GLC bukan agensi kerajaan. Jawablah apa yang kita bangkitkan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Baik Yang Berhormat. Okey, okey. Yang Berhormat jawab soalan saya. Adakah kesemua Ahli Parlimen Perikatan Nasional dilantik dalam GLC sehingga tidak ada seorang pun dilantik dalam agensi kerajaan?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau boleh saya mencelah.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Ramai dalam agensi...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Harap Yang Berhormat faham kenapa GLC ditubuhkan sebagai syarikat...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Tidak, maksud saya...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Jawab. *[Dewan riuh]*

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat, saya bermaksud begini. Ahli Parlimen Perikatan Nasional ini pun bukan diletakkan dalam GLC semuanya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan. Isu dia...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Ada yang mengepalai agensi kerajaan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Jadi, jangan kelirukan rakyat. Jangan kelirukan rakyat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi, Yang Berhormat...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Seolah-olah semua Ahli Parlimen Perikatan Nasional semuanya GLC. Tidak! Ada agensi kerajaan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan, Yang Berhormat mesti faham apa itu GLC, *Government Link Companies* ini ialah untuk bermiaga...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat, saya boleh baca senarai di depan saya ini Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kita hendak pakar-pakar niaga untuk menerajui GLC.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat, saya boleh baca senarai...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Agensi kerajaan tidak sama. *[Dewan riuh]* *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas, tolong duduk. Yang Berhormat Pasir Mas, teruskan atau hendak bagi laluan kepada sesiapa lagi?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya habiskan, sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya ada sebanyak 52 senarai di dalam agensi kerajaan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, nama saya ada dibangkitkan tadi, Klang. Nama saya telah dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Saya hendak jelaskan. Boleh?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sila, sila.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Sebenarnya Yang Berhormat Pasir Mas, saya telah di *accused* oleh Yang Berhormat Pasir Mas untuk menjadi anggota GLC. Sebenarnya saya adalah bekas Pengurus SPAN. Untuk makluman Yang Berhormat, saya adalah pakar dalam isu air dan juga saya adalah *expert consultant* kepada *international constitution court on water*. So, kita akan...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Kalau orang tidak ada pengalaman, sama jugalah... *[Dewan riuh]*

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini bekas air SPAN, cari orang lain pun boleh, Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Minta maaf sebab salah. Ini saya *expert consultant* kepada *international constitution court*.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kalau Yang Berhormat *expert* tidak payah jadi Ahli Parlimen lah.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Okey, terima kasih. Terima kasih. Saya...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Ini bodoh, *you cakap itu bodoh*.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Bila lantik Yang Berhormat kata *expert*. Kami ini bukan *expert*? *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Alright, Yang Berhormat. Sila teruskan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Klang, dengan penuh penghormatan...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** *[Perkataan kurang jelas] ...Expert.*

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya bagi... *[Perkataan kurang jelas]* Yang Berhormat lah...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Dengan penghormatan saya kepada Yang Berhormat Klang, *it is not an accusation*. Tidak, itu bukan satu tuduhan. Saya menghormati profesional Yang Berhormat Klang. Akan tetapi, saya hendak kata saya cukup berhati-hati semasa – boleh semak *Hansard*. Saya cukup berhati-hati, sebelum saya baca *list* tadi saya sudah sebut bukan GLC sahaja tetapi agensi kerajaan. Maksudnya bahawa Ahli Parlimen Perikatan Nasional ini pun bukan semuanya GLC. Ada yang agensi kerajaan dan tetapi kenapa diberikan momokan bahawa semua Perikatan Nasional ini semua GLC. Tiada seorang pun agensi kerajaan.

Sebenarnya, perkataan agensi kerajaan itu hanyalah satu *escapism* ataupun pelepasan bagi menghalalkan 52 *list* ini yang berada di tangan saya. Itu sahaja. Tidak lebih daripada itu. Jadi, saya hendak kata bahawa saya hendak maksudkan kerajaan perlu bertindak untuk membersihkan persepsi-persepsi ini kerana kita bimbang kalau persepsi ini di uar-uarkan atau dimomok-momokkan, rakyat yang tidak faham di bawah mereka akan mudah tertelan. Jadi, oleh...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu *you all* pun tidak faham, hendak cakap rakyat lagi. *You all* pun tidak faham. *[Sistem pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Pasir Mas. Satu minit.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Sepang, ada hendak kata apa?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Pasir Mas, sedikit penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan. *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan. Yang Berhormat Pasir Mas, satu minit.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Penjelasan sedikit.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak benarkan, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tidak, sudah panjang.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** ...Maksud saya telah pun tercapai. Menghormati Tuan Yang di-Pertua yang tidak beri...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh overrule kah kalau orang berikan?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya rasa itulah apa yang saya sampaikan dalam ucapan ini.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Mungkin penjelasan bagaimana Yang Berhormat Parit menjadi Pengerusi LPPKN.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Apa qualification... [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Kawan, tolong.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya Pasir Mas mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Selangor.

#### 4.39 ptg.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.*

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mahu membahaskan rang undang-undang ini untuk pembiayaan kerajaan bagi menaikkan had aman yang ditentukan dalam Akta Pinjaman (Tempatan) 1959.

Saya mulakan dengan bersama-sama kita semuanya mengambil perhatian dan maklum akan bagaimana pandemik COVID-19 ini sebenarnya telah mencetuskan satu malapetaka kesihatan dan menjerumuskan pelbagai ekonomi hatta negara-negara yang

maju, OECD dan sebagainya yang sekali gus meletakkan kita untuk kembali memerhatikan dalam konteks pemulihan ini.

■1640

Saya, pertamanya, mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan tahniah kepada Tan Sri Ketua Pengarah Kesihatan KKM dan seluruh *frontliners* yang telah berjaya secara berkesan untuk menangani dan mengawal penularan virus SARS-CoV-2 ataupun pandemik COVID-19 di negara kita ini.

Dari satu segi, Tuan Yang di-Pertua, pandemik ini sebenarnya boleh kita jadikan sebagai satu indikator proksi ataupun ukuran bagaimana negara-negara diukur akan kemampuan dan kemapanan mereka untuk mengawal penularan ini sekali gus menjadi satu ukuran sejauh mana undang-undang pentadbiran dan tadbir urus, dengan izin, *the administrative law and governance* bagi sesebuah negara itu ditentukan dan terserah akan keupayaan dan kesiapsiagaan mereka.

Di sini juga kita mengambil maklum betapa dalam hal ini, sebuah kerajaan akan diukur sejauh mana dari segi objektif mengawal antara lainnya jumlah kes pesakit (*morbidity*), dengan izin, kedua, kematian ataupun mortaliti dan sekali gus menangani seterusnya mengurus kehilangan pekerjaan dan pelbagai penutupan perniagaan, penguncutan pertumbuhan (*growth*), *loss of GDP* dan pelbagai impak seperti kehilangan kesejahteraan rumah tangga dan sebagainya dari sudut impak kehidupan domestik, rumah tangga dan kehilangan *social cohesion*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Justeru, saya juga menekankan betapa pentingnya untuk kita terus memahami bahawa penting untuk kita meletakkan *right action* atau *right strategy at the right time*. Di sini saya ingin *put on record*, Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat Tanjong Karang sebentar tadi menyebutkan perkara ini dan juga beberapa kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana menyebutkan ataupun sedikit menyelar, dengan izin kalau boleh saya guna istilah itu, kegagalan PH dalam mengawal kluster pertama ketika saya mengemudi Kementerian Kesihatan pada awal stage itu.

Untuk ke sekian kalinya saya ingin sebutkan pada tahap awal sehingga lah Kerajaan Pakatan Harapan disingkirkan dengan *power grab* itu, dengan izin, hanya ada 24 cases seluruhnya, Tuan Yang di-Pertua. Ketika 24 Februari 2020 saya keluar dari KKM, pejabat itu, saya sebutkan dalam satu *Tweet* saya sebanyak 24 kes seluruhnya, sebanyak 22 kes sudah *discharge*, sembah sempurna dengan dua berada dalam wad dan itulah dia.

Berlalu satu jangka waktu selama 11 hari dengan tidak ada satu kes positif pun yang dikesan selama 11 hari, Tuan Yang di-Pertua. Itu untuk rekod supaya jangan diulang-ulang lagi bahawa kononnya pelancong-pelancong daripada Wuhan, China itu adalah penyebabnya.

Selepas daripada itu, kita menyaksikan satu *acceleration phase* sama ada bermula daripada Kluster Tabligh, Kluster CEO Khazanah dan juga RISDA. Jikalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat, begitulah kita memulakan *right action at the right time*. *Containment and mitigation* pada tahap awal ketika saya mengemudi KKM dan di dalam saat kita menyaksikan *acceleration phase* itu, *right action at the right time*, kita mengenakan PKP, Tuan Yang di-Pertua. Tolong ambil perhatian, Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau benar-benar kita mahu berhujah berdasarkan fakta. Itu adalah fakta yang perlu saya rakamkan supaya tidak perlu saya ulangi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tentang rang undang-undang yang sebenarnya saya sedia maklum dan saya perhatikan sebentar tadi ada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri Kewangan ada di sini. Semalam kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berhujah dengan menyebutkan akan ukuran KLCI, *composite index*, dengan izin, sebagai satu barometer untuk kesihatan ataupun kesejahteraan ekonomi.

Kita perlu faham dalam apa yang disaksikan hari ini dengan suntikan sebanyak RM45 bilion yang merupakan langkah yang kita semua akui, *it is a counter cyclical measure, it is a Keynesian theory to pump priming the economy* untuk kita gerakan ekonomi dalam keadaan kemelesetan. Namun, GDP menguncup 17.1 peratus pada suku kedua tahun ini dan yang terburuk dalam sejarah. Lebih teruk daripada *Asian financial crisis 1997* dan *global financial crisis* juga dalam tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, penghujahan kami supaya benar-benar suntikan fiskal ini khususnya suntikan *cash* dalam sistem ekonomi kita ini untuk benar-benar dapat berkesan. Seperti mana juga kita perlu tahu kalau kita makan ubat, kalau dosnya tidak cukup, sekadar kita makan sahajalah ubat itu tetapi tidak meninggalkan apa-apa kesan.

Saya memerhatikan dalam penguncutan ini, semua sektor mengalami penguncutan. Tidak perlulah sebut tentang yang lain itu. Akan tetapi kalau kita ambil *construction, minus 44.5*, dengan izin; *mining manufacturing, minus 18.3*; *services, of course services* semua sudah berkurung, sudah tidak dapat beroperasi, perusahaan, pelancongan dan sebagainya, hanya ‘.....culture’ sahaja. Justeru kerana itu, malangnya, kalau kita bandingkan pula GDP kita, *contraction* ataupun penguncutan ini, kita adalah

yang terburuk di ASEAN, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau kita perhatikan, hampir semua—*Philippine* pun lebih baik daripada kita. Indonesia, Singapura dan pastinya negara seperti US yang mengalami paling teruk dari sudut ..[Tidak jelas].. pada *morbidity*, mortalitinya adalah juga— kita adalah lebih baik sedikit daripada United Kingdom, Tuan Yang di-Pertua.

Justeru kerana itu, ada asasnya untuk kami membuat penggesaan supaya benar-benar suntikan ini akan dapat benar-benar *to turn around our economy*, dengan izin, untuk kita pulihkan kembali supaya dapat kita saksikan akan suntikan-suntikan ini akhirnya mempunyai makna *and it reverses the contraction*. Ya, kita punya satu unjuran yang lebih baik tetapi jangan sampai—

Saya memerhatikan daripada cadangan *Malaysia Institute of Economy Research* (MIER) dan beberapa ahli ekonomi yang lain. Mereka menggesa supaya paling tidaknya sebanyak RM20 bilion *must be injected*. Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, *this is counter cyclical measures* dan juga dicadangkan— bukanlah ia satu yang bersifat berpanjangan. Ia adalah satu langkah sementara. Saya kira persoalan untuk kita suntik supaya ia meninggalkan kesan yang sebaiknya adalah suatu yang wajar untuk kita berikan sokongan.

Justeru, kerana itu, saya memerhatikan antara insentif termasuk menyediakan kemudahan kredit. Semuanya adalah baik, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga memerhatikan bahawa sokongan dari sudut KKM sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan untuk Kementerian Kesihatan bagi perbelanjaan COVID-19 ini. Begitu juga saya perhatikan sokongan penjagaan kesihatan PeKa B40, program yang kita mulakan semasa Kerajaan Pakatan Harapan juga diberi penekanan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada *infectious disease* yang sifatnya adalah *acute* dan *episodic*, dengan izin, sementara *infectious disease* itu sifatnya datang dan pergi, kadangkala datang dan tidak datang lagi umpama SARS, andainya kalau— dan tidak perlu ada vaksin pun. Akan tetapi, saya ingin tekankan, sementara saya tidak mahu untuk mengurangkan penekanan kepada SOP supaya jangan berlaku gelombang yang ketiga, persoalan besarnya adalah penyakit-penyakit tidak berjangkit, *the noncommunicable diseases (NCDs)*.

## ■1650

Jangan sampai ia terlepas— Bukan terlepas pandang bahkan sedikit kalau kita perhatikan *non COVID-19 death* semasa episod COVID-19 ini, berlaku lapan kali ganda, tidak silap saya dengan— Saya boleh semak perkara itu. Justeru itu, saya sangat menyokong peruntukan RM50 juta untuk PeKa B40 itu dan saya mohon perhatikan

khususnya dari sudut perbelanjaan dan perjawatan yang telah diberikan dahulu sebelum saya tinggalkan KKM, 60,000 lebih itu diberikan khususnya kepada mereka yang dalam *contract workers* kita, *frontliners* kita supaya benar-benar dapat kita berikan pengiktirafan akan segala usaha baik mereka.

Saya punya beberapa poin yang lain tetapi telah melepas waktu. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas kesempatan ini. Terima kasih. Saya sokong bersyarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Jelebu seterusnya.

#### **4.51 ptg.**

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk terlibat sama dalam perbahasan RUU yang dibentangkan ini. Di saat banyak negara lain di seluruh dunia masih *struggle* untuk melawan virus COVID-19 ini, negara kita sudah berada di fasa pemulihan dan telah mengambil satu langkah ke hadapan untuk membentangkan satu RUU khusus untuk membantu rakyat dan ekonomi negara supaya *bound spread*, dengan izin kesan kejatuhan pasca pandemik COVID-19 ini.

Tempoh hari Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya yang di sebelah penempatan lama saya yakni di sebelah Pakatan Harapan sana, hampir setiap hari bising meminta untuk dibahaskan ketika Dewan Rakyat tidak bersidang, berkenaan perbelanjaan bagi mengatasi COVID-19 ini. Saya mengharapkan supaya apabila peluang ini sudah diberikan kepada semua Ahli Dewan Rakyat, maka saya mengharapkan supaya— lebih-lebih lagi kepada Ahli-ahli yang di sebelah sana mengambil kesempatan ini untuk memberikan cadangan dan pandangan kepada kerajaan yang boleh membantu pihak kerajaan bagi kita menyelesaikan ataupun menambah baik demi untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2020 ini adalah merupakan tahun yang amat sukar bukan sahaja kepada individu, keluarga, bahkan bagi sebuah negara. Untuk tahun 2020 ini sahaja, kerajaan dijangka akan mengalami kekurangan hasil kesan daripada kejatuhan harga minyak dan juga komoditi. Bukan saya untuk menyalahkan Tuan Yang di-Pertua kepada mana-mana pihak ataupun kerajaan tetapi masalah kekurangan hasil ini, suka atau tidak, yang dihadapi oleh kerajaan pada hari ini adalah berpunca daripada kesilapan percaturan oleh kerajaan sebelum ini.

Apa yang saya maksudkan ialah dengan kesilapan percaturan dan pengurusan kerajaan ialah— saya beri contoh Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Barisan Nasional dulu telah mengurangkan kebergantungan hasil negara daripada sumber petroleum kepada hanya 14 peratus sahaja pada tahun 2017. Oleh sebab itu kerajaan memperkenalkan GST. Bukanlah GST itu cukai yang lebih tinggi, tetapi ia adalah merupakan sistem percukaian yang lebih efisien yang telah diamalkan oleh banyak negara Tuan Yang di-Pertua. Tambahan kutipan yang diperolehi daripada GST itu bukanlah tambahan daripada kutipan biasa yang dibuat sewaktu pelaksanaan SST. Akan tetapi tambahan itu adalah daripada hasil cukai yang gagal dikutip sewaktu menggunakan sistem SST. Ini adalah terbukti— yang telah dibuktikan oleh pimpinan ketika kerajaan sebelum ini, Kerajaan Barisan Nasional.

Saya akui sewaktu awal pelaksanaan GST dahulu, ada beberapa kekurangan yang perlu diperbaiki terutama daripada segi penguatkuasaan atau *enforcement*, dengan izin dan pembayaran semula GST yang dikatakan dirompak dan sebagainya, yang akhirnya telah dibuktikan, tidak ada sebarang rompakan dan sebagainya. Namun begitu, kekurangan itu bukanlah menjadi lesen ataupun alasan besar untuk kita menidakkannya kebaikan dan juga pulangan yang sangat besar apabila sistem GST diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Kekurangan itu perlu diperbaiki, bukan dihapuskan. Ibarat sesuatu keadaan dan sistem yang baik yang kita perkenalkan kepada rakyat, untuk masa depan rakyat, kebajikan rakyat, perjuangan untuk negara, mempunyai kelemahan dari semasa ke semasa dan tanggungjawab kerajaan ataupun mana-mana pihak parti yang menganggotai kerajaan sama ada kerajaan ataupun pembangkang untuk memperbaiki sistem ini dan tidak melumpuhkan sistem untuk kepentingan rakyat.

Saya pasti jika Kerajaan Pakatan Harapan, Tuan Yang di-Pertua masih mengekalkan kebergantungan hasil minyak kepada hanya 14 peratus, tidak mengguna pakai atau dengan lain perkataan, menjarah duit PETRONAS, pasti keadaan kantung negara tidak seteruk hari ini. Saya tidak faham mengapa Kerajaan Pakatan Harapan boleh berfikir untuk bergantung kepada hasil yang tidak menentu, hasil yang *fragile*, *fluctuate*, dengan izin tidak tetap seperti ini. Sedangkan kita tahu terlalu banyak perkara yang boleh memberi kesan kepada kejatuhan harga minyak dunia.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian ataupun pihak kerajaan, apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan hasil negara ini? Adakah terdapat sebarang kajian yang sedang dilakukan oleh pihak kementerian, bagi melihat sebarang kemungkinan pengenalan semula GST dengan kadar yang lebih rendah? Kalau dahulu enam peratus, sekarang kemungkinan untuk

diperkenalkan semula bagi memulihkan keadaan dan suasana ekonomi negara kepada tiga peratus.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya inginkan penjelasan daripada pihak kementerian. Bagaimana...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Jelebu. Ini *subject matter* yang saya minat apabila Yang Berhormat Jelebu menyebut adakah kerajaan bercadang untuk menghidupkan kembali GST. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini, apabila GST sebanyak enam peratus dimansuhkan, kerajaan lepas telah menggantikan kepada banyak cukai. Mansuh satu cukai, digantikan dengan cukai jualan, cukai perkhidmatan, cukai soda, cukai digital, cukai pelepasan, cukai petak, cukai taksiran PBT dinaikkan, CKHT dinaikkan, duti setem dinaikkan. Jadi, tujuh atau lapan perkara cukai-cukai baharu. Masih lagi tidak dapat untuk menampung apabila mereka mansuhkan GST, yang kutipannya RM60 bilion, apabila ditolak dengan *refund*, tinggal RM44 bilion. Akan tetapi SST, 10 peratus kadarnya lebih tinggi daripada kadar GST, kutipan hanya RM21 bilion dan kerugian lebih kurang RM23 bilion. Apakah pandangan Yang Berhormat Jelebu?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya bersetuju Yang Berhormat Pontian kerana Yang Berhormat Pontian dia memang mahir GST ini. Jadi, saya minta masukkan dalam teks saya.

Saya hendak tanya kepada pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua, bagaimana prestasi yang dikatakan bahawa SST ini lebih baik daripada GST? Saya hendak tanya, prestasi kutipan SST setakat suku kedua tahun 2020. Adakah kutipan SST pada ketika ini pada kadar yang baik ataupun apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan hasil SST ini? Mana yang lari cukai, yang tidak bayar cukai, apakah tindakan kerajaan seperti yang dilakukan ketika sebelum GST diperkenalkan?

Ketika ini Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kewangan sedang sibuk mengadakan sesi konsultasi dan juga merangka isi kandungan Belanjawan 2021 dengan kelembapan ekonomi pada ketika ini dan ditambah pula jangkaan kekurangan hasil negara. Adakah terdapat sebarang kemungkinan yang akan ada cukai baharu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian tadi? Ada atau tidak kerajaan hendak perkenalkan pelbagai cukai tambahan? Harapnya jangan, supaya ini akan memberikan bebanan baharu kepada rakyat tetapi saya hendakkan deklarasi daripada pihak kementerian, ada atau tidak cukai baharu yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2021 bagi menampung ataupun bagi maksud menampung kekurangan hasil yang ada pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini, kadar statutori yang ditetapkan oleh kerajaan adalah pada kadar 55 peratus daripada KDNK negara. Dalam RUU ini, kerajaan hendak meminda agar kadar had statutori ini dinaikkan kepada 60 peratus berbanding KDNK. Saya hendak mengatakan bahawa kerajaan ataupun langkah ini betul ataupun— Bukan sahaja betul 100 peratus dan tidak ada sebarang kesilapan tetapi saya rasa rakyat harus memahami bahawa dengan keadaan kemelesetan ekonomi yang melanda, bukan sahaja Malaysia tetapi seluruh negara akibat pandemik COVID-19 ini, sesuatu langkah yang drastik harus diambil ataupun perlu diambil.

#### ■1700

Kerajaan perlu mengambil pendekatan yang berani dengan membuat pelbagai pelaburan dengan suntikan modal bagi merancakkan perkembangan ekonomi dan aliran tunai di dalam pasaran. Jika kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kepada cadangan untuk meningkatkan had statutori ini kepada 60 peratus, dinyatakan dengan jelas bahawa pinjaman yang dilakukan oleh kerajaan hanya boleh digunakan untuk membuat bayaran balik hutang dan perbelanjaan pembangunan.

Selain itu, keutamaan adalah pinjaman di dalam mata ringgit ataupun wang ringgit Malaysia. Saya lihat ini adalah satu langkah yang baik bagi memastikan kita hanya menerima kesan yang minimum jika berlaku kejatuhan nilai ringgit pada masa akan datang. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, setakat hari ini apakah bentuk pinjaman yang telah dibuat oleh pihak kerajaan bagi maksud berbelanja pasca COVID-19 ini. Berapa nilai dan berapakah tempoh bayaran balik yang ditetapkan?

Adakah terdapat sebarang perancangan oleh pihak kementerian untuk mengeluarkan bon antarabangsa seperti yang dilakukan oleh Pakatan Harapan dahulu dan saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, apakah status terkini Bon Samurai yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan dan adakah ia diteruskan atau bentuk yang bagaimana?

Mungkin ada rakyat di luar sana yang kurang jelas tentang mengapa kerajaan memberikan wang tunai ataupun bantuan PRIHATIN NASIONAL untuk dibelanjakan melalui bantuan BPN yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan. Bantuan BPN yang berjumlah lebih daripada RM11.2 bilion ini bukan hanya sekadar untuk menambah duit belanja kepada rakyat tetapi kesan domino ekonomi di sebalik perbelanjaan harus kita berikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya lompat pergi kepada satu tajuk oleh sebab masa Tuan Yang di-Pertua, saya minta masa sedikit lagi tentang kebajikan pekerja ekonomi *gig* ini Tuan Yang di-Pertua. Antara pihak yang terkesan akibat daripada pandemik

COVID-19 ini adalah pekerja di sektor *gig* seperti pemandu *e-hailing* dan juga *riders* makanan seperti *Foodpanda* dan juga *GrabFood*. Tadi saya hendak bangun ketika pagi hendak menyatakan hasrat ini tetapi belum dapat peluang maka saya mengambil peluang ini, ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Saya ambil contoh pemandu *e-hailing* misalnya. Jika sebelum COVID-19, untuk mereka mendapat hasil sekurang-kurangnya RM30 sejam, itu adalah mudah. Akan tetapi tambahan pula bagi mendapatkan trip-trip ataupun tempahan bagi jarak yang lebih jauh. Akan tetapi keadaan sekarang adalah jauh berbeza untuk mendapatkan RM100 sehari pun kadangkala tidak tercapai apatah lagi di kawasan bandar besar dan antara pengguna yang menggunakan perkhidmatan *e-hailing* ini adalah pelancong asing, kolej dan sebagainya.

Ketika ini pelancong asing tiada, kolej ditutup, banyak syarikat tidak mengamalkan lagi pekerja di pejabat. Konsep *work from home* itu akan memburukkan lagi keadaan dan menjelaskan pendapatan pemandu-pemandu *Grab*, *e-hailing* dan sebagainya. Apabila, *regular customer* pemandu *e-hailing* ini semakin berkurangan, tentunya pendapatan mereka terjejas.

Dalam Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan pada 20 Mac yang lalu, pemandu *e-hailing* juga mendapat tempias ataupun bahagian mereka. Mereka menerima bantuan tunai sebanyak RM500 secara *one-off*. Akan tetapi bantuan *one-off* ini saya lihat tidak mencukupi. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, pemandu-pemandu atau golongan *gig* atau *e-hailing* ini, adalah diminta supaya dapat diberikan bantuan yang berterusan ketika pandemik COVID-19 ini berlangsung.

Tuan Yang di-Pertua, mereka ini sebenarnya terdedah kepada beberapa konsep ataupun kemalangan, beberapa perkara-perkara yang tidak menjamin masa depan dan juga keadaan keluarga mereka. Sebenarnya mereka – mengikut daripada laporan Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada perjumpaan saya dengan beberapa *GrabFood rider* ataupun *Foodpanda*, *e-hailing* dan sebagainya, mereka diberikan pilihan sama ada hendak mencarum di dalam PERKESO atau KWSP, hendakkan ada insurans atau sebagainya.

Akan tetapi kebanyakan daripada mereka tidak mengambil pilihan untuk mencarum dalam KWSP dan PERKESO. Malah jauh sekali dalam soal insurans ataupun caruman yang menjamin apabila berlaku sesuatu kemalangan.

Soalan saya kepada pihak kerajaan dan kementerian, adakah tidak satu perancangan untuk membantu *GrabFood*, *e-hailing* ataupun *riders* ini, penghantar makanan yang juga kita kenal sebagai *frontliners* ketika pandemik ini Tuan Yang di-

Pertua, untuk kita membela mereka apabila berlaku kemalangan. Pihak syarikat tentunya akan lepas tangan apabila tidak ada rekod pekerjaan mereka di dalam KWSP, SOCSO ataupun PERKESO tetapi pihak kerajaan harus meletakkan satu garis panduan, mereka harus mendaftarkan diri sebagai pembayar KWSP, SOCSO ataupun mencarum dalam mana-mana institusi insurans. Kerajaan harus memperuntukkan sejumlah kewangan bagi meneruskan pembelaan bagi mereka yang mengalami keadaan kemalangan yang tidak kita jangka Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab masa tidak cukup Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak minta supaya kerajaan sentiasa memikirkan dalam soal-soal yang berkaitan dengan *e-hailing*, berkaitan dengan pembangunan rakyat dan yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah saya tidak nampak dalam peruntukan RUU ini sejumlah peruntukan yang mengambil berat soal vaksin.

Tuan Yang di-Pertua, vaksin COVID-19 ini kalau mengikut market sekarang kerana vaksin ini tidak sampai lagi, saya jangka RM500 darab dengan 32 juta, *cost has RM16 billion* tetapi tidak ada dalam peruntukan ini. Mungkin kerajaan mempunyai satu perancangan lain tetapi saya hendak tanya tentang penjelasan kerajaan, apakah perancangan kerajaan untuk kita mengambil kerjasama, mengadakan kerjasama dengan negara-negara lain ataupun sesuatu pendekatan bagi kita mengatasi masalah vaksin COVID-19 ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Saya mempersilakan Yang Berhormat Tebrau.

#### **5.06 Ptg.**

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan tentang Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya saya menyokong RUU ini oleh sebab pandemik COVID-19 bukan satu perkara yang kita alu-alukan atau di dalam jangkaan kita. Impak pandemik COVID-19 amat teruk. Bukan negara kita sahaja yang menjadi mangsa malah negara-negara lain pun menjadi mangsa. Akan tetapi kita bersyukur kerana Kerajaan Malaysia bersama dengan semua *frontliners* dengan izin telah bersedia untuk menghadapi dan menangani masalah yang melanda negara kita sejak Kerajaan PH dan disambung oleh Kerajaan PN.

Tuan Yang di-Pertua, akibatnya semua lapisan masyarakat khususnya individu kategori M40, B40 dan juga PKS telah mengalami masalah kewangan yang teruk. Maka kerajaan PN terpaksa mengeluarkan atau memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pelan Pemulihan Ekonomi bagi meringankan kesan pandemik COVID-19 kepada yang terjejas.

Walaupun saya mengalu-alukan langkah-langkah yang telah atau sedang diambil oleh kerajaan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puas dengan pelaksanaan langkah-langkah yang dirancang kerana jelasnya berlaku penyelewengan dan ketirisan di bawah banyak program yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya masih ada banyak ruang untuk penambahbaikan dalam pelaksanaan. Ini memerlukan kerajaan mengadakan dialog dengan semua yang terjejas khususnya PKS. Banyak PKS sudah menghentikan operasi dan ada banyak lagi yang akan berhenti beroperasi selepas moratorium, bayaran balik pinjaman bank tamat.

Baru-baru ini, laporan di media utama Cina melaporkan ada 40 peratus PKS dalam bidang hiburan sudah berhenti beroperasi di Johor oleh sebab dihalang untuk mula beroperasi oleh pihak berkuasa tempatan. Persoalannya, berapa ramai individu akan hilang pekerjaan atas sebab ini?

#### ■1710

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa isu sahaja dalam perbahasan saya. Saya berharap pihak kerajaan dapat memberi jawapan atau penjelasan yang sewajarnya selepas perbahasan saya.

Pertama, ini berkaitan dengan Program Subsidi Upah, insentif pengekalan pekerjaan dan pengambilan pekerja dan bantuan latihan sebanyak RM16.8 bilion. Program Subsidi Upah merupakan satu inisiatif yang membantu majikan meneruskan operasi dan mengekalkan pekerja mereka selepas terkesan akibat penularan wabak COVID-19. Pada masa yang sama, ia bertujuan untuk lebih membantu pekerja dalam golongan B40 dan M40.

Namun, terdapat beberapa kekangan dalam inisiatif ini yang Kementerian Sumber Manusia perlu mengambil tahu. Kita semua sedia maklum bahawa sebanyak RM16.8 bilion telah diperuntukkan bagi Program Subsidi Upah, insentif pengekalan dan pengambilan pekerja dan bantuan latihan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pelan Pemulihan Ekonomi seperti yang dinyatakan tadi. Terdapat pekerja masih belum menerima bantuan subsidi upah daripada pihak majikan. Butiran tentang skim bantuan tersebut juga amat mengelirukan bagi pihak pekerja dari segi jumlah dan tempoh bayaran serta syarat-syarat lain. Terdapat juga majikan yang menyalahgunakan skim

bantuan untuk pekerja di bawah golongan B40. Bayangkan, berapa ramai pekerja yang tidak dapat menikmati bantuan ini akibat tipu helah majikan dan berapa ramai pekerja yang tidak berani membuat aduan sebab takut dibuang kerja.

Keadaan ini wujud sebab syarat kerajaan bahawa hanya majikan boleh memohon untuk bantuan ini tanpa penglibatan pekerja. Oleh itu, pekerja sesuatu syarikat harus terlibat dalam permohonan untuk bantuan supaya mereka sedar tentang permohonan pernah dibuat dan sama ada permohonan itu lulus atau gagal dan berapa wang bantuan yang mereka layak dapat. Oleh itu, apa langkah atau tindakan seterusnya untuk PERKESO supaya PERKESO sendiri tidak kena tipu oleh majikan yang tidak bertanggungjawab? Ini kerana angka yang sebegini besar telah diperuntukkan tidak boleh dibazirkan oleh sebab kewujudan pihak majikan yang tidak bertanggungjawab.

Kedua, adalah berkaitan dengan Bantuan Prihatin Nasional sebanyak RM11.2 bilion. Pemberian Bantuan Prihatin Nasional telah diperuntukkan sebanyak RM11.2 bilion. Minta penjelasan daripada kementerian dari segi jumlah penerima di bawah setiap kategori Bantuan Prihatin Nasional. Setakat ini, berapa jumlah bantuan telah disalurkan kepada rakyat daripada jumlah keseluruhannya iaitu RM11.2 bilion dan nyatakan status kemas kini bagi peruntukan bantuan yang masih belum diselesaikan oleh pihak kerajaan untuk makluman semua.

Ketiga, projek berskala kecil sebanyak RM4 bilion. Jumlah peruntukan bagi program projek berskala kecil adalah sebanyak RM4 bilion. Oleh itu, saya meminta pihak kerajaan untuk menyatakan senarai projek yang telah diluluskan dan sedang dijalankan di bawah program ini. Selain itu, saya juga berharap pihak kementerian dapat menjelaskan berapa kos yang telah disalurkan untuk projek berskala kecil setakat ini dan jenis-jenis projek yang telah diluluskan di bawah program ini. Akan tetapi, persoalannya di sini adalah terdapat banyak lagi kerja naik taraf yang berstatus kritikal seperti garisan jalan raya yang tidak jelas dan sistem perparitan yang tidak terancang, namun ia masih belum diselesaikan.

Keempat, program kemahiran dan peningkatan kemahiran sebanyak RM2 bilion. Program kemahiran dan peningkatan kemahiran telah dimulakan atas dasar untuk meningkatkan kebolehpasaran bagi golongan penganggur melalui program ini. Ia dinyatakan bahawa akan memanfaatkan seramai 200,000 belia dan golongan yang tidak mempunyai pekerjaan. Saya meminta penjelasan daripada pihak kerajaan untuk menyatakan statistik bilangan anak muda yang telah bermanfaat melalui program tersebut setakat ini dan jenis-jenis program yang telah dijalankan ataupun dalam proses di bawah program ini melalui agensi-agensi kerajaan.

Kelima, Pembiayaan PKS PENJANA sebanyak RM2 bilion dalam usaha membantu kelangsungan PKS yang terlibat dalam sektor kepentingan yang disasarkan. Sektor perbankan akan menawarkan dana tambahan sebanyak RM2 bilion melalui Skim Pembiayaan PKS PENJANA. Perusahaan kecil dan sederhana terbahagi kepada tiga iaitu mikro, kecil dan sederhana. Saya meminta kerajaan menjelaskan jumlah perusahaan yang telah bermanfaat setakat ini daripada skim tersebut mengikut kategori masing-masing dan menjelaskan baki peruntukan yang masih belum dituntut oleh usahawan-usahawan tempatan.

Keenam— bagi saya sikit masa lagi— adalah kempen e-dagang bagi PKS dan juga *shop Malaysia online* bagi perbelanjaan dalam talian. Apakah perbezaan antara *shop Malaysia online* bagi perbelanjaan dalam talian dan kempen e-dagang bagi PKS dan perusahaan mikro? Kedua-dua inisiatif ini dilihat sebagai program yang mempunyai tujuan asas yang sama sahaja kerana ia berdasarkan ke arah untuk mempromosikan pembelian barang keperluan secara atas talian. Jadi, apakah rasional Kerajaan PN dalam pembahagian dua program ini yang mana setiap program telah diperuntukkan RM70 juta?

Ketujuh, geran bagi pusat penjagaan kanak-kanak dan tadika sebanyak RM50 juta. Jumlah pengusaha taska yang ada di seluruh negara melebihi 12,000, tetapi tidak semua daripada mereka berdaftar dengan JKM dan NCDRC. Geran untuk pusat penjagaan kanak-kanak dan tadika telah diperuntukkan sebanyak RM50 juta. Apakah langkah-langkah diambil oleh kerajaan bagi memastikan penyaluran bantuan tersebut akan disalurkan ke taska yang berdaftar sahaja? Minta penjelasan juga daripada kerajaan, apakah tindakan kerajaan terhadap pusat jagaan kanak-kanak dan tadika yang masih belum berdaftar supaya mereka juga dapat menikmati bantuan tersebut?

Kelapan, pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan sebanyak RM20 juta. Kami sedia maklum bahawa sebanyak RM20 juta diperuntukkan bagi program pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Persoalannya, bolehkah kerajaan menyenaraikan perkhidmatan yang telah dinaik taraf kepada perkhidmatan dalam talian secara *end-to-end*, dengan izin, melalui program ini?

#### ■1720

Akhirnya dana pemasaran dan promosi pendigitalan di bawah Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (CENDANA) sebanyak RM10 juta. Kita sedia maklum tentang program dana kandungan digital dan juga dana pemasaran dan promosi pendigitalan di bawah Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan. Selepas meneliti tujuan asas kedua-dua program tersebut, saya mendapati bahawa ia

mengandungi objektif yang serupa yang mana kedua-dua program adalah untuk merancakkan industri kreatif tempatan secara amnya.

Oleh itu, apakah rasional Kerajaan Perikatan Nasional untuk menyediakan dua program yang berlainan bagi program yang mempunyai sasaran yang sama? Minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Jadi itulah perbahasan saya. Terima kasih kerana diberi peluang dan saya sokong secara amnya rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Saya persilakan Yang Berhormat Sibuti.

### 5.21 ptg.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada Sibuti untuk membahaskan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus (COVID-19)) 2020. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah prihatin dan juga telah menyediakan peruntukan yang besar khususnya bagi Bantuan Prihatin Nasional sebanyak RM11 bilion.

Apa yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan tentang berapa ramai kah masyarakat di Sarawak yang menerima Bantuan Prihatin Nasional ini dan juga saya ingin membangkitkan satu isu berkenaan tentang penyampaian Bantuan Prihatin Nasional tersebut yang mana kalau kita lihat isu yang sangat popular di Sarawak adalah berkenaan tentang penyaluran Bantuan Prihatin Nasional ke dalam bank. Apa masalah yang berlaku terutamanya di kawasan pendalaman dan juga luar bandar Sarawak adalah berkaitan ketiadaan institusi kewangan terletak di luar bandar.

Sebagai contoh di kawasan Sibuti sendiri, di kawasan sejauh Pekan Long Lama di Baram ataupun di kawasan Parlimen Hulu Rajang yang agak ‘terpedalaman’ di negeri Sarawak. Kita akan lihat dan juga jika kita semak di *postings* sosial media seperti *Twitter* dan *Facebook* kita akan dapat lihat bahawa barisan panjang rakyat yang ingin mengambil Bantuan Prihatin Nasional ini terpaksa berjalan jauh pergi ke bandar 70 kilometer, 80 kilometer jauhnya hanya semata-mata untuk mengeluarkan wang yang telah disalurkan oleh pihak kerajaan.

Saya ingin menyeru agar pengalaman yang ada pada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, Yang Berhormat Senator dapat melihat isu ini secara serius supaya Bantuan Prihatin Nasional yang disalurkan dapat dibelanjakan dan dapat digunakan sepenuhnya untuk kegunaan dan kesusaahan. Bukan dibelanjakan hanya semata-mata untuk membayar van sapu untuk ke bandar dan juga terpaksa keluar daripada kampung

seawal 3.00 pagi, 4.00 pagi semata-mata untuk sampai ke bandar dan juga mengeluarkan wang Bantuan Prihatin Nasional ini.

Perkara ini bukan hanya berlaku ketika pandemik COVID-19. Perkara ini turut berlaku ketika zaman Barisan Nasional, ketika Kerajaan Pakatan Harapan memerintah. Bantuan Rakyat 1Malaysia, Bantuan Sara Hidup disalurkan ke dalam bank tetapi masih lagi kita akan melihat gambar rakyat berbaris panjang semata-mata untuk mengeluarkan sejumlah wang bagi menampung kehidupan mereka.

Lebih-lebih lagi ketika pandemik COVID-19 ini. Saya melihat dan juga dengan jelas bahawa kerajaan memerlukan satu mekanisme yang baharu untuk membantu rakyat. Saya menekankan agar perancangan ekonomi Malaysia ini haruslah tepat, pantas dan juga mencukupi. Tepat maksudnya Bantuan Prihatin Nasional ini haruslah disalurkan kepada orang yang benar-benar memerlukan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut menjelaskan bahawa tiada yang tercicir. Inilah menjadi beban kepada kami apabila turun ke padang dan mendengar rintihan masyarakat bahawa mereka tidak menerima bantuan ini. Akan tetapi saya tidak menidakkan kepada ramai lagi masyarakat yang menerima Bantuan Prihatin Nasional ini.

Juga bantuan ini haruslah pantas. Saya memuji kerajaan dapat menyalurkan bantuan ini dengan segera ketika COVID-19 sedang berjalan. Juga apa yang paling penting adalah dana dan juga wang haruslah mencukupi untuk disalurkan dan juga membantu rakyat. Mencukupi ini saya ingin membangkitkan berkenaan tentang isu di manakah sumber-sumber yang diperolehi dan digunakan oleh kerajaan.

Adakah kerajaan akan menggunakan sepenuhnya keuntungan PETRONAS ataupun memohon PETRONAS mengeluarkan dividen khas seperti yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. PETRONAS mengeluarkan peruntukan sebanyak RM30 bilion dividen khas yang tidak dirasai oleh negeri-negeri yang mengeluarkan hasil minyak ini seperti Sabah, Sarawak, Kelantan, dan Terengganu.

Saya menyokong apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Batu Sapi. Selama 22 bulan kami menjadi Ahli Parlimen pembangkang— Saya menjadi Ahli Parlimen pembangkang daripada Sarawak kami dapat merasakan benar-benar apabila ditindas, dihina, didakwa akan melakukan sesuatu perkara membankrapkan negeri kami sendiri. Juga perkara-perkara itu telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat ataupun mantan Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika itu.

Saya merasakan sekiranya kita ikhlas untuk membantu, kerajaan sedia ada iaitu Kerajaan Perikatan Nasional, GPS dan juga Muafakat Nasional haruslah berlaku adil dengan mana-mana negeri tanpa mengira pegangan politik ketika ini. Sekiranya kalau

boleh kita melakukan satu gencatan senjata ataupun gencatan politik dilakukan ketika ini dan juga memberi fokus kepada kemajuan ekonomi dan juga membantu rakyat.

Banyak isu yang ingin saya bangkitkan dan juga isu yang besar yang ingin saya perkatakan adalah berkenaan tentang *digital divide* ataupun *digital poverty*, kemiskinan digital ini yang berlaku. Pagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan telah menjawab serba sedikit persoalan yang saya bangkitkan tetapi dengan jelas kita lihat bahawa ketika COVID-19, kepincangan dan juga sistem pembangunan telekomunikasi dan juga *connectivity* kerajaan agak menyedihkan.

Anak di Sabah terpaksa memanjat pokok, anak di Sarawak terpaksa berkhemah di dalam hutan untuk mendapatkan talian 3G dan juga 4G. Manakala terdapat juga guru-guru terpaksa berkorban untuk menghantar kerja-kerja rumah ke rumah-rumah panjang, ke kampung-kampung di luar bandar kerana tidak mempunyai satu pembelajaran digital yang khusus. Juga ini adalah satu peluang kepada kerajaan dan juga sekiranya kerajaan dapat menambah dana di dalam rang undang-undang ini untuk menyemak semula pendekatan dan juga penyampaian program-program *connectivity* yang berhubung kait dengan digital ini.

Juga saya ingin menyentuh berkenaan tentang peranan kerajaan untuk memastikan bahawa ketika ini bahawa tiada rang undang-undang khusus untuk kita tidak berpolitik ketika COVID-19 dan juga kita tidak dapat menghalang ahli-ahli politik untuk mempolitikkan isu-isu yang tidak senang di hati kami sebagai ahli politik. Saya ingin mewujudkan satu pandangan bahawa Parlimen perlulah diberi kebebasan dan juga kuasa yang lebih besar. Kita perlu melakukan satu reformasi Parlimen ataupun reformasi pilihan raya di mana saya mencadangkan mungkin idea ini tidak popular adalah— saya mencadangkan agar setiap Ahli Parlimen tanpa mengira pegangan politik kerajaan ataupun pembangkang haruslah diberikan peruntukan sama rata khususnya bagi pengurusan pusat khidmat dan juga sebilangan kecil peruntukan tersebut untuk bencana.

Contohnya mungkin ketika ini Ahli Parlimen kerajaan akan menerima bantuan pusat khidmat dan juga pembangunan tetapi sebaik-baiknya dapatlah setiap Ahli Parlimen mempunyai satu peruntukan sama rata dan juga kami dapat melakukan kerja dengan baik. Ini adalah berdasarkan pengalaman yang ada pada saya selama 22 bulan apabila peruntukan sebanyak RM100,000 yang diberikan kepada Ahli Parlimen pembangkang hanyalah terhad untuk pemberian geran-geran dan juga pembangunan projek kecil di kawasan.

**■1730**

Itu adalah tidak mencukupi dan juga saya melihat situasi ini berlaku di pihak rakan-rakan di pihak pembangkang dan juga saya ingin menyeru agar kerajaan juga dapat melihat berkenaan tentang isu-isu yang berkaitan dengan sosial. Saya dapat melihat kesan daripada pandemik COVID-19, peningkatan penagihan dadah meningkat, penggunaan judi *online* pun turut meningkat dan juga sekiranya lebih ramai masyarakat tidak mampu untuk mengawal dan juga menjaga kesihatan mental mereka, pasti mereka akan terjebak dengan perkara-perkara ataupun masalah berkaitan dengan dadah dan juga perjudian *online* ini.

Saya juga berharap agar peruntukan seperti PeKa B40 untuk *healthcare support* ini dapat dipanjangkan bagi merawat pesakit-pesakit ataupun penagih-penagih dadah supaya kita dapat mengelakkan dan juga mengurangkan kesan penagihan akibat pasca COVID-19 ini. Selain daripada itu, saya dengan ini menyokong penuh dan juga saya berharap agar kita mengucapkan terima kasih kepada *frontliners* dan juga wira negara kita Tan Sri Dr. Noor Hisham adalah selayaknya menerima anugerah yang beliau terima tadi. *[Tepuk]*

Saya juga ingin menyerahkanlah tanggungjawab *frontliners* ini kepada Menteri Kewangan dan juga kepada kita sebagai Ahli Parlimen dan juga ahli-ahli ekonomi sebagai *frontliners* untuk memastikan ekonomi kita pulih dan juga ini bukan mengambil masa yang singkat tetapi mengambil satu masa yang agak panjang. Saya Sibut menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Segambut minta satu minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya menggunakan Peraturan 12(3) untuk memanjangkan sedikit selepas 5.30 petang untuk memberi peluang kepada Yang Berhormat Segambut untuk memberi perbahasan yang pendek.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Sebelum Yang Berhormat Segambut...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Satu minit sahaja.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Boleh saya semak senarai pembahasan tak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan umumkan selepas ini.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Selepas ini ya. Maksudnya disambungkan itu lama ataupun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap saja.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Untuk Yang Berhormat Segambut, yang lain akan dibawa ke Isnin?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Baik.

### 5.32 ptg.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak bertanya mengenai jumlah yang telah dicadangkan di sini untuk geran bagi pusat jagaan kanak-kanak dan tadika RM50 juta. Dalam perbahasan saya dahulu, saya telah tanya mengenai Bajet 2020 yang telah diluluskan RM30 juta untuk taska *frontliners* tetapi Menteri Pembangunan Wanita telah jawab pada masa itu bahawa mereka hanya membelanjakan RM5.5 juta. Bermaksud ada baki RM24.5 juta yang telah disalurkan mengikut jawapan beliau, yang telah disalurkan sebagai bantuan khas kepada pengusaha taska di bawah PENJANA bagi meringankan beban mereka untuk memulakan semula operasi taska dengan SOP yang ditetapkan.

Jadi saya hanya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sama ada RM50 juta ini adalah *one-off* ataupun telah pun ditambah dengan RM24.5 juta? Jadi jumlah besarnya adalah RM74.5 juta yang telah diberikan untuk geran taska. Itu saja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sebelum kita akhiri persidangan pada petang ini. Senarai pembahasan yang terdapat pada saya mempunyai 14 orang lagi sebenarnya. Jadi saya pun tidak tahu sama ada kita boleh habiskan hari Isnin ini. Akan tetapi hari Isnin ini kita akan bermula selepas pertanyaan bagi Jawab Lisan 11.30 pagi. Akan dimulakan dengan:

- (i) Yang Berhormat Johor Bahru;
- (ii) Yang Berhormat Jempol;
- (iii) Yang Berhormat Beruas;
- (iv) Yang Berhormat Pontian;
- (v) Yang Berhormat Bayan Baru;
- (vi) Yang Berhormat Gerik;
- (vii) Yang Berhormat Kuala Kedah;
- (viii) Yang Berhormat Kota Samarahan;
- (ix) Yang Berhormat Hang Tuah Jaya;
- (x) Yang Berhormat Machang;

- (xi) Yang Berhormat Batu;
- (xii) Yang Berhormat Arau;
- (xiii) Yang Berhormat Rompin;
- (xiv) Yang Berhormat Setiu dan Amanah;

Saya kurang tahu lah, sama ada akan sempat atau tidak sempat sebab kita hendak menggulung pada 2.30 petang *insya-Allah*.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh tetapkan masa masih 10 minit supaya mudah kami buat persediaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Isnin ini cuma lima minit seorang sebab 11.30 pagi hingga pukul 1.00 tengah hari sahaja. Maaf.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada serahkan nama saya lepas Yang Berhormat Batu, Wangsa Maju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, selepas Yang Berhormat Batu...

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Wangsa Maju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada. Maaf.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Simpan Hulu Rajang, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini *list* yang diberikan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah lagi kah nama?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya?

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Hari Isnin tambah sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan cuba.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak janji tapi saya akan cuba.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Sebab balik kampung saya punya tempat banyak COVID, teruk sangat. So, ambil dia punya masalah-masalah mahu cerita sini sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita cuba.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu saya hentikan persidangan pada hari ini dan persidangan akan disambung pada hari Isnin, 24 Ogos 2020, jam 10.00 pagi.

Sebelum itu Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan Dewan ini ingin saya maklumkan bahawa esok Rabu, 19 Ogos 2020 dan Khamis, 20 Ogos 2020 tiada persidangan Dewan Rakyat. Ini bagi memberi kesempatan kepada semua Ahli Yang

Berhormat menyambut Awal Muharam yang jatuh pada hari Khamis, 20 Ogos 2020 bersamaan dengan 1 Muharam 1442 Hijrah.

Sehubungan dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Awal Muharam atau selamat Tahun Baru Islam 1142 Hijrah kepada yang beragama Islam dan selamat bercuti kepada semua Ahli Yang Berhormat yang lain. Saya juga ingin menasihatkan semua Ahli Yang Berhormat untuk sentiasa mematuhi SOP yang dikeluarkan kerajaan semasa menyambut cuti ini bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Saya mengucapkan kepada semua selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing dan semoga Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa sihat *walafiat* di samping keluarga masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 24 Ogos 2020. Assalamualaikum.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.37 petang]***